

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 3 April 2000****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jumlah wang yang telah dan akan dibelanjakan oleh kementerian untuk membawa Sukan Asia ke negara ini pada tahun 2006. Apakah program-program promosi yang telah dirancang oleh kementerian ke arah ini.

Tuan Ronald Kiandee: Selamat pagi Tuan Speaker. Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada Sanggah kerana memilih Barisan Nasional, [*Tepuk*] dan saya nampak ramai ahli PAS dendam dan demam panas sekarang kerana kalah. Soalan saya soalan nombor satu.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah diberi peruntukan sebanyak RM8,192,853 untuk digunakan bagi kerja-kerja penawaran Sukan Asia untuk tahun lepas dan tahun ini. Antara program-program promosi yang telah dijalankan serta yang akan dirancangan pada tahun 2000 adalah seperti berikut:

- (i) Majlis Pelancaran Kempen Penawaran Sukan Asia 2006 oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri pada 3 Ogos 1999 di Hotel Renaissance. Logo dan mascot Sukan Asia telah dilancarkan di majlis tersebut;
- (ii) perjumpaan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dengan rakan sejawat negara-negara yang ingin menjadi host Sukan Asia. Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah pun berjumpa dengan rakan sejawatnya dari India pada 18 hingga 21 April 1999. Beberapa lawatan juga akan dibuat ke negara-negara oleh Pre-Council of Asia dalam tahun ini;

- (iii) taklimat kepada duta-duta negara Asia yang beribu pejabat di Malaysia pada 28 September 1999;
- (iv) Program Berjalan Untuk Negara sebagai satu program di mana rakyat Malaysia menyatakan sokongan mereka terhadap usaha kerajaan untuk menjadi host Sukan Asia melalui aktiviti berjalan kaki yang telah dilaksanakan pada 6 November 1999;
- (v) menyediakan video, risalah-risalah dan dokumen-dokumen mengenai penawaran Sukan Asia 2006;
- (vi) memperkenalkan Malaysia kepada mereka yang terlibat dalam pemilihan host city;
- (vii) menyediakan laman web Sukan Asia; dan
- (viii) menyediakan dokumen penawaran yang boleh memberikan negara kita advantage, dengan izin, atau kelebihannya.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada program promosi yang dijalankan oleh kementerian, saya ingin tahu bagaimana response negara-negara yang dihubungi tentang peluang kita untuk menjadi tuan rumah, dan soalan kedua saya ingin tahu bagaimana, sejauh mana penglibatan pihak swasta setakat ini untuk melobi menjadi tuan rumah Sukan Asia?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, buat ketika ini masih awal lagi kita hendak buat kesimpulan sama ada kita akan dapat hak penganjuran Sukan Asia 2006 ataupun sebaliknya. Walaupun demikian perancangan yang telah digariskan oleh kementerian ini tetap dijalankan dengan rancak dan untuk makluman Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Menteri sendiri akan mengetuai satu rombongan untuk melawat beberapa buah negara di Timur Tengah pada 5 April ini. Saya selaku Timbalannya juga akan mengetuai satu rombongan untuk melawat negara China dan Mongolia pada pertengahan bulan ini.

Bersabit dengan penglibatan sektor swasta, suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa sektor swasta seperti sedia kala tetap akan dipelawa dan dilibatkan dalam penganjuran Sukan Asia sekiranya kita dapat hak penganjuran.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak ucap tahniahlah kepada Barisan Nasional yang menang di Sanggang. [*Tepuk*] Ini lebih manis lagi kita dapat dua kali ganda menang. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam peringkat awal ini saya ingin bertanya sama ada

negara-negara lain yang menunjukkan minat juga untuk menjadi host kepada Sukan Asia ini dan kalau ada, negara mana dan apakah kelebihan negara kita dan sudahkah fakta-fakta kelebihan ini diberi kepada campaigner kita ataupun pegawai-pegawai di luar negara supaya mempromosikan negara kita lebih hebat lagi dengan mengenali fakta-fakta kelebihan negara kita dari segi politik dan infrastruktur sukannya. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat beberapa buah negara yang berminat dalam rebutan hak penganjuran Sukan Asia 2006. Antaranya termasuk Hong Kong, Special Administrative Region, dengan izin, Qatar dan India. Kiranya kita hendak buat satu bandingan ataupun comparative study, dengan izin, di antara Malaysia dengan negara-negara ataupun lokasi-lokasi yang berkenaan, sukalah saya memaklumkan Dewan yang mulia ini setakat ini Qatar sekadar menunjukkan minat negara tersebut dalam hak penganjuran, tetapi belum lagi kita nampak ada apa-apa usaha yang menonjol. Sedangkan India walaupun ini merupakan satu syor ataupun cadangan yang disyorkan oleh pihak Majlis Olimpik negara itu tetapi setakat ini belum kita nampak lagi ada sebarang sokongan yang padu dari pihak Kerajaan India. Walhal Hong Kong pula walaupun pihak Hong Kong telah giat melobi untuk mendapatkan hak penganjuran Sukan Asia 2006 tetapi pada pengetahuan kita setakat ini Hong Kong belum ada lagi sebarang prasarana kesukanan yang dapat memberikan mereka kelebihan yang diharap-harapkan.

2. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Kewangan menyatakan selaras dengan pertumbuhan serta pemulihan ekonomi apakah tindakan susulan yang akan dan telah diambil kementeriannya untuk meningkatkan lagi prestasi pertumbuhan tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan prestasi pertumbuhan ekonomi negara, tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh kerajaan adalah merangkumi langkah-langkah berikut:

- (i) dorongan fiskal yang diperkenalkan pada tahun 1998 dan 1999 akan diteruskan pada tahun 2000 untuk mencergaskan lagi pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan perbelanjaan, penggunaan dan pelaburan Kerajaan Persekutuan;

- (ii) dasar kewangan yang longgar yang diamalkan pada tahun 1999 akan juga diteruskan pada tahun 2000 agar sektor swasta dan individu mendapat pembiayaan dengan kadar faedah yang rendah; dan
- (iii) penurunan cukai korporat semasa pembentangan Belanjawan 1998 dengan disusuli oleh penurunan 'cukai individu semasa' semasa pembentangan Belanjawan 2000 untuk terus menggalakkan produktiviti serta meningkatkan pendapatan boleh guna sektor swasta termasuk individu bagi meningkatkan permintaan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, isu-isu daya saing dan produktiviti negara juga telah diberi perhatian dasar agar pertumbuhan ekonomi yang mapan dapat dikekalkan secara jangka panjang. Ini termasuk;

- (i) penubuhan satu kumpulan pemikir, dengan izin, *think-tank* bagi menyediakan pelan strategik supaya Malaysia mampu menghadapi cabaran globalisasi serta berupaya mencakup peluang-peluang yang muncul daripada liberalisasi pasaran global;
- (ii) penyediaan pelan induk, dengan izin, knowledge economy (kekonomi) bagi membantu dan mempercepatkan transformasi ekonomi negara dan ekonomi berlandaskan pengeluaran kepada ekonomi yang didorong oleh pengetahuan; dan
- (iii) peningkatan rantaian nilai atau dengan izin, value chain sektor industri negara supaya nilai ditambah pengeluaran dan rangkaian antara industri dapat ditingkatkan seperti yang dirancangkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan akan memastikan ianya dilakukan dalam konteks mengekalkan kestabilan makroekonomi. Ini ialah untuk memastikan kadar inflasi terus rendah, kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran terus kukuh serta tahap pelaburan mampu dibiayai oleh tabungan negara.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan yang telah

diberikan. Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah langkah-langkah yang diambil ini telah dapat mencapai kejayaan?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, tindakan susulan yang saya sebutkan tadi setelah diambil oleh pihak kerajaan boleh dikatakan sangat berkesan oleh kerana bukan keyakinan peabur dalam negeri sahaja tetapi pelabur luar negeri juga kian bertambah dan juga ekonomi negara terus bertambah. Misalan kata dalam tahun ini kadar pertumbuhan ekonomi adalah dijangka meningkatkan kepada 5.8% dari 5.4%. Tetapi saya hendak menyatakan di sini apa jua langkah yang diambil oleh pihak kerajaan kalau tanpa sokongan dari rakyat ia tidak akan mendatangkan kesan. Dalam konteks ini, keputusan Sanggang sekali lagi menunjukkan bahawa rakyat sekali telah memberikan kepercayaan, keyakinan dan sokongan kepada pihak kerajaan dan sokongan yang terus diberikan ini sangat penting bagi kita bukan sahaja memulihkan ekonomi negara tetapi juga meneruskan pertumbuhan yang sangat tinggi ini. Sebagai Ahli Jawatankuasa Barisan Nasional negeri Pahang, Pengerusi MCA Pahang, saya juga mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya dari Barisan Nasional untuk tampil ke hadapan untuk menjayakan pilihan raya kecil ini. sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat tertarik dengan penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi dan kita melihat bahawa usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan bersungguh-sungguh untuk memastikan kesejahteraan rakyat sebab itu kita diberi kepercayaan oleh rakyat. Soalan saya kadang-kadang walaupun kita telah menunjukkan kemampuan, keupayaan dan kebolehan kita dalam mentadbirkan, tetapi serangan daripada luar boleh menyebabkan keadaan menjadi sebaliknya. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah usaha-usaha yang dijalankan tadi cukup mampu dan cukup mapan untuk kita menghadapi WTO dan juga liberalisasi yang telah dibawa terutamanya disogokkan oleh pihak Barat.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar dengan liberalisasi dan globalisasi. Kita akan terdedah kepada serangan daripada seluruh dunia. Oleh sebab ini, seperti mana saya katakan tadi kita telah menubuhkan satu *think-tank group* untuk mengkaji sedalam-dalamnya terhadap impak kepada Malaysia, kepada ekonomi Malaysia dan sebagainya dalam zaman globalisasi dan liberalisasi ini. Pelan induk ini kita akan melancarkannya selepas disempurnakan.

Dalam pada itu, untuk meneruskan pertumbuhan ekonomi mapan yang penting ialah kita mesti memastikan bahawa satu keadaan yang stabil dalam segi makro ekonomi ini sangat penting. Misalan kata inflasi yang rendah, akaun semasa imbangan pembayaran yang kukuh, unemployment rate yang rendah dan sebagainya dan perpaduan antara rakyat dalam Malaysia ini, ini semua akan memberikan kejayaan kepada kita untuk menentang serangan daripada masyarakat antarabangsa.

[Soalan No. 3 – Y.B. Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh) tidak hadir]

4. **Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menarik minat saintis dan pakar teknologi Malaysia yang kini bekerja di luar negeri pulang berkhidmat di tanah air.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Batu di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menarik minat saintis dan pakar teknologi Malaysia yang kini bekerja di luar negeri pulang dan berkhidmat di tanah air ialah:

- (i) menawarkan beberapa insentif istimewa kepada saintis Malaysia di luar negara untuk kembali bertugas di Malaysia. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa tawaran ini telah dibukakan sejak kita mengalami kegawatan ekonomi;
- (ii) mewujudkan persekitaran dan juga kemudahan-kemudahan yang sesuai seperti mana yang dilaksanakan oleh kerajaan. Mewujudkan kawasan Multimedia Super Corridor, Cyberjaya dan sebagainya; dan
- (iii) mengadakan data base rakyat Malaysia di luar negara yang berminat berkhidmat di Malaysia dan langkah ini adalah bagi mengenal pasti jumlah saintis Malaysia yang berada di luar negara.

Walau apa pun akhirnya yang penting sekali ialah minat yang berasaskan cinta dan semangat berkorban untuk membangunkan negara yang akan menarik mereka kembali untuk berkhidmat di negara ini.

Tuan Ng Lip Yong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa negara kita masih berkurangan saintis dan pakar teknologi dan kadar R&D, dengan izin, juga rendah berbanding dengan negara maju, adakah kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menarik minat saintis dan pakar teknologi asing datang ke negara kita.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, ya, memang kita ada menggalakkan.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Terima kasih, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian atas usaha yang diambil untuk menggalak saintis dan para pakar teknologi pulang ke Malaysia. Walau bagaimanapun, antara sebab-sebab yang menghalang saintis-saintis pulang berkhidmat ke negara kita ini ialah mereka diwajibkan mengambil peperiksaan tempatan sebelum mereka dibenarkan berkhidmat di negara kita. Jadi, saya ingin tahu adakah kementerian bercadang supaya mengecualikan syarat-syarat seperti ini?

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengikut apa yang kita ketahui bahawa kalau dikena pun syarat ini adalah satu perkara yang hanya sebagai formality. Tetapi yang lebih penting ialah kesanggupan mereka untuk kembali dan berkhidmat di negara kita. Bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa sambutan ataupun response daripada mereka setakat ini belumlah menggalakkan bukan disebabkan oleh masalah mereka terpaksa mengambil peperiksaan dan sebagainya. tetapi sebahagian besar adalah disebabkan oleh masalah keadaan alam sekitar ataupun keadaan sekeliling dan juga kemudahan-kemudahan yang terdapat di negara kita ini buat masa ini masih lagi belum begitu menarik minat mereka. Tetapi insya-Allah, dengan pewujudan MSC dan sebagainya saya kira ini satu langkah yang paling berkesan dan memberikan satu ruang bagi mereka untuk kembali dan berkhidmat di tanah air.

Yang keduanya, masalah dari segi tangga gaji dan sebagainya yang dianggap atau dibandingkan dengan apa yang ditawarkan di tempat lain masih lagi agak rendah. Misalnya, di Malaysia kita tawarkan tangga gaji antaranya RM6,000 ke RM8,000 sebulan ataupun yang tertinggi pernah kita tawarkan, pakar dalam microelectronic

yang bertugas di MIMOS dengan bayaran RM18,000 sebulan berbanding dengan bayaran yang diterima misalnya di negara luar seperti US dan sebagainya sehingga sepuluh kali ganda. Jadi, ini sebenarnya di antara perkara yang menyebabkan mereka masih kurang berminat tetapi dengan adanya program yang dilaksanakan oleh kerajaan, dengan pembukaan MSC dan sebagainya dan perkara-perkara lain yang sedang dilaksanakan, kita percaya bahawa akhirnya mereka akan kembali dengan semangat untuk sama-sama membangunkan kemajuan sains dan teknologi negara kita. Terima kasih.

[Soalan No. 5 – Y.B. Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian) tidak hadir]

[Soalan No. 6 – Y.B. Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) tidak hadir]

[Soalan No.7 – Y.B. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) tidak hadir]

[Soalan No. 8 – Y.B. Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor (Machang) tidak hadir]

9. **Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menyusun semula data-data dan fakta-fakta kependudukan dalam perangkaan negara untuk membolehkan pemantauan pencapaian suku-suku bangsa dalam pelbagai bidang pembangunan termasuklah dalam data-data kependudukan. Jikalau ia, adakah suku bangsa Kadazandusun akan dimuatkan sebagai salah satu daripada suku bangsa dalam perangkaan negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, data-data mengenai kependudukan negara boleh diperolehi melalui Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia yang dilaksanakan setiap sepuluh tahun. Banci terakhir telah pun dilaksanakan pada tahun 1991. Maklumat mengenai suku bangsa 'Kadazan dan Dusun' akan dimuatkan di dalam laporan banci tersebut. Data ini akan dikemas kini setelah siapnya Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000 yang akan dilaksanakan pada bulan Julai 2000 dan diterbitkan pada pertengahan tahun depan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tambahan. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum bahawa suku bangsa Kadazandusun iaitu salah satu daripada bangsa yang terbesar di negeri Sabah telah sekian lama memberi sumbangan ke arah pembinaan negara bangsa Malaysia termasuk dalam soal mempertahankan keamanan dan kemakmuran negara dan juga sedia maklum bahawa dalam tahun 2020 nanti iaitu setibanya Wawasan 2020 negara

kita dijangka akan mencapai/mendirikan sebuah bangsa yang dinamakan bangsa Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini ramai para pengkaji dan juga para pemimpin masyarakat Kadazandusun yang merasa bimbang sama ada masyarakat Kadazandusun ini juga akan dapat bersama-sama dengan suku bangsa yang lain menikmati mencapai tahap bangsa maju pada ketika itu. Jadi, dalam soal ini adakah, soalan saya ialah, adakah kerajaan akan memastikan supaya pemantauan dalam penyertaan suku bangsa Kadazandusun ini dalam semua bidang pembangunan akan dipastikan dan jika sekiranya kerajaan menghadapi kesukaran untuk memastikan maklumat-maklumat ini dapat diperolehi, saya ingin tahu, apakah kesukaran yang dihadapi oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tuaran Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan Barisan Nasional menghargai sumbangan kaum Kadazandusun dalam segi pembangunan dalam negara ini. Bukan hanya itu, kita juga berterima kasih dan menghargai sumbangan Kadazandusun dalam pilihan raya yang lepas di mana dia memenangi kerusi untuk Barisan Nasional. Dengan itu kerajaan juga telah mengiktiraf dengan melantik dua Menteri dari kumpulan tersebut. Mengenai masalah-masalah pemantauan, untuk makluman Yang Berhormat, di negara ini kita ada 36 kumpulan etnik. Jadi, dalam perangkaan-perangkaan kita memang semua ini diambil kira dan mereka juga dimasukkan dalam data-data yang penting bagi membolehkan Kerajaan Barisan Nasional merancang dan kemudian merangka dan melaksanakan pelbagai program pembangunan termasuk Program Pembasmian Kemiskinan. Dengan cara ini kita menentukan tidak ada kumpulan dan tidak ada group akan tertinggal.

Walau bagaimanapun, kita sedar atas keluhan dan permohonan beberapa kumpulan besar ini di mana mereka menghendaki satu penyelidikan dan pemantauan yang lebih detail kepada kumpulan-kumpulan masing-masing supaya mereka dapat melihat dengan lebih dekat prestasi-prestasi mereka dalam kegiatan sosial ekonomi negara. Perkara ini Kerajaan Barisan Nasional memang sekarang melihat dan mengkaji bagaimana kita dapat merangka satu dasar dan satu program di mana kita membuat satu pendekatan ke arah pemantauan sekurang-kurangnya untuk memantau prestasi sosial ekonomi kumpulan-kumpulan etnik yang lebih besar.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Terima kasih atas usaha kerajaan untuk mengadakan data-data

kependudukan di peringkat Jabatan Perdana Menteri tetapi terdapat juga masalah di mana pelabur-pelabur tidak dapat data secara cepat untuk melihat data-data tiap daerah di seluruh negara di Malaysia ini. Apakah kerajaan sudah ada data-data tiap-tiap daerah misalnya dari segi keluasan, bilangan penduduk, infrastruktur, itu keperluan asas dan kalau belum ada, apakah kerajaan bercadang supaya perkara ini dibuat dan memudahkan sesuatu organisasi ataupun pelabur itu untuk mendapatkan data-data tidak payah pergi ke daerah tersebut tetapi cukup berjumpa dengan Jabatan Perdana Menteri, mereka boleh mendapat informasi ini lebih cepat dan awal. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang kita sedar bahawa adalah penting bahawa semua maklumat yang penting ini dapat diperolehi oleh mana-mana pihak dengan cepat dan pantas. Perkara ini, Kerajaan Barisan Nasional, kerajaan kita telah berusaha khususnya melalui pengembangan teknologi maklumat ini kita telah merangka beberapa program di mana dalam beberapa tahun akan datang kita akan mendapatkan semua maklumat ini dengan secara pantas dan cepat. Dengan ini kita berharap ia akan membantu pelabur-pelabur yang akan datang.

10. **Tuan Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan tentang langkah kerajaan dalam melaksanakan dasar satu industri satu kampung terutama bagi daerah luar bandar yang berpotensi untuk dimajukan dalam bidang pertanian.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah salah satu daripada kementerian-kementerian yang turut mempromosikan pendekatan satu kampung satu produk (1K1P) dengan melaksanakan projek perintisnya pada pertengahan tahun 1997. Projek 1K1P ini juga dilaksanakan oleh beberapa kementerian lain di samping kerajaan-kerajaan negeri.

Bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 1K1P ini merupakan usaha untuk mempelbagaikan asas ekonomi luar bandar dan meningkatkan pendapatan luar bandar. Walau bagaimanapun, projek 1K1P ini tidak dikhususkan kepada bidang pertanian sahaja. Antara kelemahan yang telah dikesan dalam pelaksanaan 1K1P adalah kesukaran menentukan produk-produk yang dihasilkan akan mendapat pasaran. Sebagai usaha untuk mengatasi masalah ini Kementerian Pembangunan Luar

Bandar telah mengambil tindakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian untuk menggunakan khidmat pakar runding bagi membuat kajian pasaran, bukan sahaja dalam negara, bahkan juga di luar negara.

Adalah diharapkan kajian ini dapat memberi garis panduan yang lebih jelas dan tepat kepada masyarakat kampung untuk membuat perancangan yang lebih tersusun. Bantuan seterusnya yang akan dihulurkan oleh kerajaan ialah perancangan strategi dan rangkaian pasaran yang berkesan termasuk kawalan kualiti, pembungkusan dan sebagainya. Dengan pendekatan ini adalah bermakna bahawa keberkesanan 1K1P akan berlandaskan kepada dorongan pasaran dan strategi pemasaran.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Penjelasan yang begitu mantap dan saya sedar bahawa ‘Saudara’ Yang Berhormat baru menerajui kementerian ini tetapi adalah menjadi harapan bagi saya kerana saya ini apabila sebut ‘luar bandar’, ia begitu sensitif bagi saya kerana kawasan saya ini kawasan luar bandar. Jadi soalnya, sedarkah Yang Berhormat bahawa Program Satu Industri Satu Kampung ini telah tidak dapat diimplementasikan secara berkesan di kawasan saya, demikian juga di Larut, di kawasan saudara saya ada ‘terpelajar’. Boleh dikatakan 100 kampung susah hendak cari satu industri. Saya berharap dan berkeyakinan, walaupun Yang Berhormat baru menerajui kementerian ini tetapi Yang Berhormat juga datang daripada luar bandar, jadi cubalah buat komitmen, buat kajian kerana Pilihan Raya Parlimen Sanggang kita sudah menang. Jadi, ini menandakan bahawa rakyat inginkan pembangunan. Mereka tidak ingin janji-janji palsu termasuk juga janji palsu daripada kita. Mereka mahu kenyataan, mereka mahu realiti. Kalau masyarakat luar bandar ini kita beri mereka satu industri satu kampung ini saya percaya Pokok Sena pun kita boleh tawan bila-bila masa [*Tepuk*] dalam pilihan raya ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup, Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Yang Berhormat, daripada saya, saya memintalah kementerian ini agar dapat lebih prihatin, kalau boleh jangan kita sering menyatakan kita memantau, mengambil perhatian dan sebagainya, buat komitmen, di mana siapa juga kementerian bahawa masyarakat luar bandar harus kita angkat martabat mereka

kerana mereka ini adalah pendukung kuat kita menyokong kerajaan. Terima kasih, Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, panjangnya soalan. *[Ketawa]* Insya-Allah, walaupun panjang tetapi niatnya baik dan soalnya pun jelas. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya inilah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Setelah kita memperkenalkan 1K1P beberapa tahun kita dapati kelemahan seperti yang saya sebutkan tadi (ialah) walaupun kita menggalakkan masyarakat kampung mengeluarkan itu dan ini, menanam pokok dan menanam pokok buah-buahan, membuat itu dan ini termasuk menternak dan sebagainya tetapi apabila hasilnya telah keluar didapati pasarannya sukar ditembusi. Maka, kita telah membuat keputusan dan untuk maklumat Yang Berhormat, perunding yang kita telah berbincang adalah perunding yang bertaraf antarabangsa. Kita mahu melihat, kita mahu membuat kajian dari segi pasaran, bukan sahaja pasaran dalam negara bahkan pasaran di luar negara supaya apa sahaja produk yang dikeluarkan dalam negara dapat dirancang dengan lebih baik di peringkat kampung dan orang-orang kampung tidak lagi perlu mengkhawatiri bahawa produk mereka itu tidak akan ada pasarannya. Bermaknanya yang akan datang ini segala apa yang dikeluarkan dalam kampung, hendaklah berlandaskan apakah permintaan pada pasaran, bukan macam sekarang ini, hanya dikeluarkan bahan tetapi tidak tahu di mana pasarannya. Sekian, terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini semangat sedikitlah selepas menang ini, dia naik semangat. Saya amat tertarik dengan jawapan yang diberikan oleh Menteri. Cuma, berhubung dengan masalah yang dihadapi berhubung dengan perkara ini, adakah kementerian bercadang untuk menghantar rombongan kerana ada kerajaan-kerajaan negeri yang menghantar rombongan ke luar negara untuk melihat projek-projek yang sedemikian rupa supaya kita boleh bawa balik dan kita jadikan sebagai praktikal bagi kawasan-kawasan tertentu dan kalau boleh dalam rombongan ini dibawa Ahli-ahli Parlimen ataupun termasuk daripada pembangkang dan juga ketua-ketua kampung supaya program ini dapat dijalankan dengan lebih baik lagi. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat tadi. Memang ada rancangan untuk bukan sahaja Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetapi semua sektor yang mengendalikan program-program pengeluaran 1K1P ataupun pengeluaran lain dalam

negara menyertai trade fair ataupun pameran-pameran perdagangan di luar negara dan di dalam negara. Maka, kali ini bukan sahaja penyertaan sebagai pemerhati tetapi juga kita akan mengeluarkan (sebagai contoh-contoh) produk kita dan dipamerkan untuk pengenalan bagi pasaran-pasaran yang belum lagi mengenali produk-produk kampung kita. Insya-Allah, kita akan wujudkan (dengan cadangan Yang Berhormat) supaya penyertaan merangkumi juga ketua-ketua kampung, pembangkang dan sebagainya. Saya tidak tahu mengenai pembangkang, kalau mereka sama dasar dan sokong dasar kita mungkin tetapi kalau mereka menentang dasar kita mungkin kita tidak akan membawa mereka menyertai rombongan kita. Insya-Allah, kalau mereka bersama-sama kita dengan dasar ini akan ditimbang. Terima kasih banyak-banyak.

11. **Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Menteri Pertahanan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menangani masalah jenayah yang sering terjadi di kalangan bekas tentera; dan peranan Persatuan Bekas Perajurit dalam memantau masalah ini supaya bekas-bekas tentera ini benar-benar dapat berperanan dalam hal ehwal kemasyarakatan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin dalam usaha-usaha untuk menangani masalah jenayah di kalangan bekas tentera. ATM adalah sebuah organisasi ketenteraan yang amat mementingkan disiplin yang tinggi di semua peringkat anggotanya. Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) adalah salah satu unit ATM yang turut berperanan untuk bertanggungjawab untuk memupuk nilai-nilai kerohanian kepada semua anggota tentera melalui pelbagai kursus dan program yang dilaksanakan dari masa ke semasa. Program tersebut dirancang dengan objektif, bukan sahaja untuk membentuk dan melahirkan seorang anggota yang berdisiplin dan tinggi sahsiahnya semasa dalam perkhidmatan tetapi dapat terus mengamalkannya selepas bersara dari perkhidmatan dan menjadi rakyat yang berguna serta mematuhi undang-undang negara ini.

Kementerian melalui Perbadanan Hal Ehwal Bekas Prajurit (PERHEBAT) telah menyediakan pelbagai program latihan kemahiran, bantuan khidmat nasihat dan bimbingan, bantuan kewangan dan program-program kebajikan demi meningkat taraf sosio-ekonomi bakal-bakal dan bekas pesara ATM agar mereka dapat berdikari dalam penghidupan awam dan berjasa kepada masyarakat. Kementerian juga menjalinkan hubungan rapat dan sentiasa meningkatkan kerjasama serta menyokong apa juga

kegiatan yang dilaksanakan oleh pihak Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM). Pihak PBTM pula dari masa ke semasa sentiasa menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti kursus motivasi, kursus keusahawanan, bantuan khidmat nasihat, program kebajikan dan sosial serta lain-lain aktiviti demi menjaga kebajikan dan merapatkan hubungan silaturahim antara bekas-bekas tentera agar ahli-ahlinya tidak terbiar tanpa pembelaan dan terjebak dalam kegiatan jenayah.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada soalan tambahan untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, atas keterangan tadi oleh Yang Berhormat. Saya dimaklumkan yang kalangan bekas tentera yang terdiri daripada anggota-anggota yang terlibat dalam kes jenayah ini terdiri daripada anggota-anggota yang telah pun dilatih semasa berkhidmat sebagai anggota Gerak Khas. Mereka ini adalah pakar dalam mengguna senjata dan juga dalam latihan strategi dan juga, dengan izin, survival training. Kita ambillah contoh kes-kes Prebet Adam dan juga Kumpulan Styer. Ini bermakna kerajaan harus prihatin dan kita patut lebih perhatian kepada golongan ini sebelum mereka bersara khususnya dalam hal-hal penempatan pekerjaan.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang untuk memberi sesi kaunseling bagi menyediakan fikiran mental, saya fikir sekarang ini tidak ada sesi kaunseling, dan juga menentukan anggota-anggota ini ditempatkan dalam pekerjaan yang sesuai selaras dengan kepakaran mereka. Saya suka bercadang Persatuan Bekas Tentera yang sekarang sebagai NGO diletakkan di bawah naungan Kementerian Pertahanan supaya seorang Menteri dapat bertanggungjawab atas hal-hal mereka. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Wangsa Maju. Saya ucapkan terima kasih di atas pandangan dan cadangan dan beberapa pendekatan yang agak kita boleh guna pakai untuk memantapkan lagi hala tuju kementerian kita untuk membantu agar kebajikan tentera ini dapat dijaga dengan baik. Beliau mencadangkan beberapa kaedah dan cara yang cukup baik dan kementerian akan mengambil kira tentang apa yang Yang Berhormat telah majukan tadi.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada pihak Timbalan Menteri. Saya tidak hendak kait dengan Arau...dengan Sanggang...maaf! [Ketawa] Kembali kepada persoalan asal tadi iaitu

berhubung dengan isu adanya bekas tentera ini yang terlibat dengan jenayah tetapi pihak Barisan Nasional pun harus sedar dia memberi sumbangan besar kepada undi BN dalam tiap kali pilihan raya. Isunya ialah ada jawapan daripada pihak Timbalan Menteri tadi pelbagai langkah yang dibuat untuk memberi kepuasan dan keselesaan kepada pihak bekas tentera dalam menjalani hidup selepas bersara tetapi kita nampak dengan berlakunya peristiwa-peristiwa seperti mana disebutkan oleh pihak Yang Berhormat Wangsa Maju tadi menunjukkan pihak kerajaan sendiri tidak ada suatu jaminan ataupun pembelaan yang boleh meletakkan bahawa bekas tentera ini selepas bersara daripada perkhidmatan boleh menjalani hidup dengan baik sebagaimana didisiplin dalam perkhidmatan mereka dan boleh menjalani kehidupan dengan terjamin dari sudut ekonominya sebagaimana juga pesara-pesara daripada skim perkhidmatan lain daripada agensi-agensi kerajaan lain. Jadi, adakah pihak kerajaan sedar untuk mengambil beberapa langkah yang lebih baik bagi menjamin keadaan ini tidak berlaku. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bachok. Jaminan ini untuk melahirkan anak sebagai anak yang taat dan anak yang berguna bukan hanya kepada masyarakat juga kepada negara ini, adalah satu perkara yang kita tidak boleh tekankan bahawa akhirnya kita selaku bapa kepada anak dan tidak ada jaminan bahawa anak kita akan lahir sebagai manusia yang berguna tetapi setelah bapa kita akan berusaha untuk mengisi agar nilai-nilai yang baik di kalangan anggota keluarga kita tentera khususnya akan lahir di kalangan mereka maka dengan itu ditekankan bila mana tentera ini memasuki gelanggang ketenteraan yang penting ialah supaya ditanam suatu disiplin nilai-nilai ketaatan dan kesetiaan dalam perjuangan, mempertahankan negara. Sememangnya dalam keadaan mereka bila dalam perkhidmatan itu pelbagai cabaran yang dilalui.

Kementerian sentiasa prihatin untuk menjaga, seperti yang saya sebutkan tadi, bukan hanya menjaga bekas tentera, keluarga, anak-anak juga kita bagi biasiswa, bagi pelbagai bantuan kepada balu-balu, kepada mana-mana tentera yang gugur dalam perjuangan dan inilah sebahagian daripada tanggungjawab kementerian bagi menjaga keselesaan mereka dalam konteks dari segi perumahan - prasarana kita juga membina pelbagai kemudahan perumahan agar rakyat, khususnya tentera ini dapat keselesaan dalam menjaga penghidupan masyarakat. Insya-Allah di peringkat kementerian kita berusaha dalam memastikan bahawa tentera kita adalah ditahap yang cukup baik.

Pada puratanya keseluruhannya, berbanding dengan tentera-tentera yang lain, sebetulnya seperti yang saya sebut pada sidang yang lalu, tentera Malaysia adalah di antara tentera yang paling profesional dan yang cukup baik, yang cemerlang dalam perkhidmatan berbanding dengan tentera-tentera lain di Amerika Syarikat dan juga tempat-tempat lain. Banyak kejadian kes-kes seperti berlaku di Bosnia dan pelbagai kejadian berbanding cuma mungkin segelintir berlaku, tidaklah ini bermakna bila berlaku satu, dua, tiga orang bahawa keseluruhannya angkatan tentera itu mempunyai nilai yang tidak baik. Dan kita yakin bahawa Kementerian Pertahanan akan sentiasa berusaha memastikan agar keselesaan tentera ini dapat dijaga dengan baik.

12. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sejak kementerian ini ditukar nama dan ditambah fungsinya, berapa banyakkah usahawan bumiputera yang telah dilahirkan dengan jayanya. Berapa banyak pula yang kembali membantu usahawan-usahawan muda.

Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan membantu dan menggalakkan pembangunan usahawan tulen yang berkualiti, berdaya tahan, berdaya maju dan budaya saing dalam semua sektor, serta memupuk budaya keusahawanan di kalangan rakyat Malaysia. Selaras dengan objektif ini, pelbagai program keusahawanan dilaksanakan oleh kementerian dan agensi-agensinya termasuk di peringkat negeri. Program-program ini meliputi program-program berpakej yang menggabungkan pelbagai jenis kemudahan seperti penyediaan pembiayaan, penyediaan premis perniagaan, pewujudan peluang perniagaan dan pemasaran, latihan dan bimbingan.

Melalui program-program ini, kementerian telah berjaya mewujudkan usahawan-usahawan seperti berikut, iaitu statistik sehingga Oktober 1999.

PROGRAM	BILANGAN
Program Pembangunan Francais	575
Program Pembangunan Vendor	209
Program Mentor dan Menti	243
Program Pemasaran Bersepadu Perabot	142

Usahasama Tulen	53
Skim Kilang Bimbingan	30
Program Pembangunan Usahawan Siswazah	47
Program Usahawan PNS	146
Program Premis Perniagaan menerusi MARA, UDA Holding dan juga PKN-PKN	8,269
Program Penswastaaan Anak-Anak Syarikat Agensi (KPUN)	35
Program Pengusahawanan PKEN	4,778
Kontraktor Kerja Awam	15,917 kontraktor
Kontraktor Kerja Letrik	298 kontraktor
Pengeluaran Lesen Kenderaan Perdagangan	173,622 lesen

Di samping itu, kementerian juga telah membiayai 64,854 usahawan di bawah pelbagai program pembiayaan seperti Tabung Usahawan Kecil (TUK), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Skim Modal Asas, Skim Pembiayaan Francais dan Skim Bantuan Pembangunan Francais yang dilaksanakan oleh Majlis Amanah Rakyat, Syarikat Jaminan Kredit (CGC), Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Bhd (BPIMB), Perbadanan Nasional Bhd. (PNS) dan Yayasan Tekun Nasional (YTN).

Kementerian juga menyelaraskan program-program pembangunan usahawan yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi-agensinya di peringkat Persekutuan dan negeri melalui tiga jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Penyelarasan dan Pembangunan Usahawan (JPPU), Jawatankuasa Penyelarasan dan Pembangunan Usahawan di peringkat Persekutuan dan negeri (JPPUPN) serta Majlis Pembangunan Usahawan (MPU).

Sebelum seseorang usahawan dapat membantu orang lain menjadi usahawan, perniagaan mereka perlulah sudah mencapai tahap teguh dan mantap. Kementerian memang menekankan supaya adalah menjadi tanggungjawab sosial bagi mereka yang berjaya untuk membantu, membimbing dan melatih usahawan-usahawan baru. Dalam hal ini usahawan yang kementerian telah dapat mewujudkan, sungguhpun berjaya tetapi kebanyakan mereka masih berada di peringkat yang terlalu awal untuk dapat membimbing usahawan baru. Sungguhpun demikian, ada juga syarikat-syarikat yang telah dapat memberi bantuan kepada usahawan lain seperti syarikat-syarikat vendor yang berjaya dan syarikat-syarikat yang memfrancaiskan perniagaan mereka serta kontraktor berwibawa.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Terima kasih kepada Menteri dengan jawapan panjang lebar khususnya berjaya mewujudkan lebih banyak kontraktor kerja-kerja awam. Soalan tambahan saya ialah, bagaimana pulakah setelah berjaya melahirkan kontraktor-kontraktor tadi, bagaimana pulakah kementerian dapat membantu mereka untuk pasti mendapat peluang-peluang niaga yang lebih besar kerana banyak peluang itu pada masa ini dinikmati oleh syarikat-syarikat gergasi. Terima kasih.

Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan sebentar tadi iaitu bahawa kita mempunyai juga jawatankuasa yang menyelaras bagi melihat dan memantau tentang pembangunan usahawan-usahawan ini iaitu Jawatankuasa Penyelarasan dan Pembangunan Usahawan dan kita sentiasa mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan syarikat-syarikat besar seperti TNB dan lain-lain lagi untuk membantu mereka ini mendapat kerja-kerja yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat seperti ini. Jadi, apa yang kita lakukan ini adalah berterusan dan kadangkala kita juga menerima permohonan daripada kontraktor-kontraktor tertentu yang memohon untuk mendapat sokongan daripada syarikat-syarikat seperti ini dan memang kita mempermudah dan cuba mem*facilitied*, dengan izin, kehendak-kehendak mereka ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang tertarik dengan statistik dan data yang telah diberikan oleh Yang Berhormat dan juga pandang-tilik yang telah pun disampaikan kepada Dewan yang mulia ini. Cuma di dalam kajian yang teliti kalau kita pandang jauh dilayangkan, dan pandang dekat 'ditokekkan', apakah yang disebutkan sebagai kejayaan, pencapaiannya di dalam semua skim termasuk *francais, vendor, mentor*. Dan apakah usaha untuk menggunakan, institusi-institusi MARA untuk memajukan dengan sepenuhnya, misalnya dengan melalui maktab-maktab ITM dan sebagainya, kajian – penemuan yang digunakan untuk usahawan-usahawan. Saya berpendapat hanya pinjaman itu,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: ... pinjaman yang diberi termasuk pinjaman melalui MARA dan sebagainya, kalau tahun ini RM39 juta dan apakah keberkesanan dan prestasi pinjaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Rompin tidak tahu mengenai hal MARA. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Kepong, ya duduk.

Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong. Sememangnya kalau kita lihat bahawa statistik yang kita beri ini sudah tentulah ia menunjukkan kejayaan kerana Kementerian Pembangunan Usahawan diwujudkan hanya 5 tahun yang lepas iaitu waktu tahun 1995 iaitu pada pilihan raya yang sebelum ini. Jadi, bermakna bahawa segala statistik yang saya tunjuk ini mencatatkan iaitu bahawa kejayaan kerana kita mula daripada jumlah yang rendah. Namun, oleh kerana keadaan dan suasana itu tidaklah statik, ia merupakan dinamis, maka kerajaan tidak akan berpuas hati dengan pencapaian kita. Banyak lagi yang perlu dilakukan dan kalau sekiranya ada Yang Berhormat memberikan maklumat kepada saya selaku menteri dalam bidang-bidang yang tertentu yang perlu diperhebatkan lagi sudah tentu kementerian akan menerima baik pandangan daripada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat juga bertanggungjawab membantu usahawan di dalam negara kita ini.

Selain dari itu, Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan MARA, apakah yang akan dilakukan lagi. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan kita telah membuat beberapa cadangan kepada kerajaan supaya meluluskan beberapa cadangan kita untuk memajukan lagi usaha-usaha MARA untuk membantu rakyat dalam bidang-bidang tertentu, jadi ini kemungkinan akan dipertimbangkan oleh EPU dan insya-Allah kalau ianya diterima mungkin saya boleh mengumumkan apabila EPU mempertimbangkan permintaan dari kementerian saya di bawah peruntukan MARA ini.

Berkenaan dengan pinjaman, ia banyak pinjaman Yang Berhormat. Yang sebenarnya RM39 juta itu bukan jumlahnya, ia banyak lebih daripada itu dan saya ingin menyatakan bahawa mengikut sektor-sektornya, ada yang memuaskan, ada yang tidak memuaskan. Cuma pada hari ini saya boleh menyebutkan iaitu bahawa skim pinjaman di bawah TEKUN, yang kita berikan pinjaman-pinjaman kecil kepada peniaga-peniaga kecil, kita merasa begitu amat menggalakkan kerana bayaran balik itu kalau hendak disebutkan NPLnya adalah di antara hanya 3% ke 4% sahaja. Ini

amat menggalakkan dan memberi dorongan kepada TEKUN untuk terus memberi pinjaman-pinjaman ini kepada peniaga-peniaga kecil.

Jadi, itu hanya satu daripada pinjaman yang boleh disebut. Mungkin kalau Yang Berhormat hendak, Yang Berhormat tulis kepada saya dan saya boleh memberikan laporan berkenaan dengan tabung-tabung lain.

13. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, adakah kerajaan mengkaji untuk mempergiatkan perindustrian di kawasan luar bandar supaya masyarakat luar bandar boleh dapat pekerjaan dengan mudah dan sekaligus dapat mengelakkan masyarakat luar bandar khususnya generasi muda berhijrah ke pusat bandar.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan untuk mempergiatkan perindustrian tidak hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan perindustrian sedia ada tetapi merangkumi seluruh negara. Walau bagaimanapun, bagi kawasan-kawasan kurang membangun yang telah dikenal pasti iaitu koridor Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, pakej insentif yang lebih menarik telah ditawarkan oleh pihak kerajaan dengan tujuan untuk membangun kawasan-kawasan berkenaan. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa pada masa ini projek yang mempunyai nisbah dengan izin, *capital investment per employee* atau CIPE, kurang daripada RM55 ribu dianggap sebagai berintensifkan buruh dan tidak akan dipertimbangkan untuk lesen pengilang atau insentif cukai.

Walaupun bagaimanapun, kriteria ini dikecualikan bagi projek-projek di koridor Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Di samping itu kerajaan juga sedang mengkaji semula insentif-insentif sedia ada dengan tujuan untuk merangka pakej insentif yang lebih *competitive* bagi menggalakkan kemasukan pelaburan ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemilihan lokasi pelaburan adalah keputusan para pelabur sendiri. Daripada penelitian kementerian adalah didapati bahawa pelabur-pelabur memilih lokasi bagi projek mereka berdasarkan:

- (i) lokasi yang berhampiran dengan sumber bekalan;

- (ii) lokasi yang berhampiran dengan pelabuhan dan lapangan terbang terutamanya kepada industri-industri yang berorientasikan eksport; dan
- (iii) kemudahan infrastruktur yang baik.

Dalam usaha promosi bagi menarik pelaburan dari luar negara, MITI sentiasa mendapatkan kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing menempatkan operasi mereka di lokasi-lokasi yang sesuai. Kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan telah juga digesa untuk mempermudah pendapatan industri di peringkat negeri dan di daerah.

Dato Goh Siow Huat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada masa kini berapa peratus industri atau berapa buah kilang-kilang besar yang telah diusahakan di kawasan luar bandar. Sekian, terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada jawapan untuk peratusan berapa kilang-kilang itu di luar bandar, sebab pusat-pusat perindustrian yang ada di dalam bandar, ada yang di luar bandar, seperti Kulim Hi-Tech Park, adakah itu dianggap sebagai pusat di luar bandar atau pusat di dalam bandar. Jadi, kepada MITI, MITI selalunya mengadakan jawatankuasa bersama dengan kerajaan-kerajaan negeri, sentiasa kita mengadakan perbincangan sama ada tapak-tapak perindustrian didapati di mana-mana yang sesuai. Jadi, ini terpulang kepada kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan-kerajaan tempatan untuk menyediakan tapak-tapak perindustrian kepada pelaburan-pelaburan di luar bandar. Dan bagi pakejnya, MITI ini tidak ada pakej-pakej yang istimewa untuk kilang-kilang yang bertapak di perindustrian luar bandar. Kita cuma ada satu pakej yang menyeluruh, yang merangkumi seluruh negara dan juga pakej-pakej istimewa kepada koridor Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih. Saya ingin mengucapkan syabas kepada kementerian kerana telah berjaya menyusun dan mempergiatkan perwujudan industri di kawasan luar bandar dalam usaha supaya anak-anak muda kita tidak lari bekerja di bandar. Soalan saya, adakah kementerian sedar terdapat juga kilang-kilang ini tidak ikhlas dan bersungguh-sungguh untuk membantu rakyat tempatan apabila syarikat-syarikat yang berkenaan membayar gaji yang jauh lebih rendah daripada kilang-kilang yang ada di bandar, dan akhirnya

mereka mengambil pekerja-pekerja asing dan akibatnya kilang ini tidak sedikit pun membantu atau menghindar generasi muda daripada berhijrah ke bandar bahkan mendatangkan masalah yang lain apabila pekerja asing ini berjaya mengahwini anak-anak tempatan yang tidak sedar tentang kesan buruknya berkahwin dengan pekerja asing apabila mereka terpaksa kembali ke tempat asal mereka dan mereka ditinggalkan begitu sahaja yang akhirnya mendatangkan masalah sosial kepada penduduk luar bandar.

Soalan saya, adakah dan apakah tindakan ataupun langkah yang boleh diambil oleh kementerian seperti mengenakan syarat-syarat yang ketat terhadap syarikat-syarikat berkenaan yang mengutamakan pekerja asing dan memastikan mereka membayar gaji yang setimpal atau seperti mana yang dibayar oleh kilang-kilang yang berada di kawasan lain ataupun di bandar. Terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan gaji. Gaji yang dibayar kepada 'pelabur' asing dengan 'pelabur' tempatan adalah sama. Kita tidak ada perbezaannya. Berkenaan dengan kesan-kesan yang buruk seperti kahwin dengan pekerja-pekerja asing, memang ini berlaku. Pekerja-pekerja berkenaan yang paling ketara ialah pekerja-pekerja dari Bangladesh, mereka *handsome*. [Ketawa] Kita sekarang cuba membuat satu polisi yang boleh menjaga kepentingan rakyat Malaysia. Kita mengambil nota ini dan kita akan beri pertimbangan yang wajar dan waras. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa Jawab Lisan telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3,5,6,7,8 dan 14 hingga 22 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan Usul Anggaran Pembangunan 2000 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kesembilan]*

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.35 hingga B.41 [Jadual] –
Maksud P.35, P.36, P.37, P.39, P.40 [Anggaran Pembangunan 2000] –

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Bekalan B.35 hingga B.41 dan Kepala Pembangunan P.35 hingga P.40 Kementerian Dalam Negeri. Saya minta Yang Berhormat bagi Bintulu menyambung ucapannya.

11.06 pagi.

Dato' Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyambung ucapan di bawah B.37 Butiran 020000 dan 020400 mengenai Pasport. Bukankah Jabatan Imigresen adalah satu jabatan yang cekap dan efisien dan akan dianugerahkan ISO 9002. Jika begitu, apakah sebab pemegang pasport harus menunggu terlalu lama untuk mendapatkan gantian pasport yang baru. Setahu saya pasport yang baru ini mempunyai komputer chip yang berteknologi tinggi sehingga terlalu susah untuk dipalsukan lagi oleh sindiket.

Jadi, apakah kebimbangan Jabatan Imigresen untuk mengeluarkan pasport gantian? Kenapa kita tidak boleh keluarkan satu *standard time frame*, dengan izin, serta syarat-syarat dalam perkara ini? Saya juga dapat rasakan bahawa pihak Imigresen atau KDN akan menjawab bahawa pemegang pasport yang hilang bolehlah mendapatkan pasport perakuan kecemasan untuk ke luar negara tetapi ianya amat tidak sesuai kepada golongan ahli perniagaan kerana mereka sering melakukan

business trip, dengan izin, ianya amatlah menyeksakan kepada mereka untuk selalu ke Jabatan Imigresen untuk mendapatkan perakuan kecemasan.

Kita perlu memikirkan masalah golongan ini kerana mereka adalah pembayar cukai yang besar dan akhirnya akan menguntungkan kepada rakyat dan kerajaan. Begitu juga dengan golongan berpendapatan sederhana dan miskin, adalah terlalu membimbangkan golongan ini kerana mereka terpaksa membelanjakan wang dan masa untuk berulang alik. Saya amat bimbang jika pihak Imigresen tidak mengambil berat dalam hal ini, memohon passport yang telah hilang akan mengecam pihak kerajaan dan menuduh kita sebagai tidak efisien dan profesional.

Butiran 010000 dan 010100 – Pentadbiran. Tuan Pengerusi, saya dapati semua kakitangan dan pegawai Imigresen memakai lambang ‘*Service With A Smile*’ dengan izin, tetapi apabila berurusan dengan orang awam, saya dapati kakitangan atau pegawai Imigresen tidak semesra dengan lambang yang mereka pakai. Kadang-kadang kakitangan atau pegawai ini memberikan muka marah, muka masam, muka nangis dan macam-macam lagi muka ada. [*Ketawa*] [*Disampuk*] ‘Nangis’ bukan ‘manis’. Saya fikir bukanlah susah sangat dan tidak rugi kalau kita melemparkan senyuman dan bercakap dengan baik dengan orang awam.

Untuk itu saya ingin cadangkan agar pihak Imigresen menjalankan satu kursus hospitaliti di kalangan kakitangan dan pegawai Imigresen supaya mereka dapat memahami keperluan dan cara-cara untuk berurusan dengan orang awam.

Satu lagi ialah mengenai kes-kes di mana orang awam selalu diarahkan oleh kakitangan atau pegawai Imigresen untuk berurusan dari satu kaunter ke satu kaunter atau satu meja ke satu meja yang lain terutamanya jika mereka ini datang dari luar bandar dan tidak mempunyai pendidikan tinggi. Saya dapati seolah-olah kakitangan atau pegawai Imigresen tidak memahami tugas dan tanggungjawab sesuatu jawatan atau kaunter di Imigresen. Apakah pihak KDN akan ambil tindakan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan di Jabatan Imigresen? Maka saya ingin cadangkan agar pihak Imigresen mengambil inisiatif untuk membuat satu kursus khas untuk memberikan kefahaman mengenai tugas-tugas atau fungsi sesuatu kaunter atau jawatan yang ada di Imigresen.

Polis Diraja di bawah B.36 Butiran 010000 dan 010200 dalam Perkhidmatan Anggota Polis. Saya merasakan anggota polis telah memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman rakyat di negara kita. Malah, mereka

sanggup menggadaikan nyawa semasa menjalankan tugas mereka tetapi saya berpendapat gaji yang diterima oleh anggota polis terutamanya yang berpangkat low and middle rank agak rendah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

Dato' Tiong King Sing: Ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sedikit lagi.

Dato' Tiong King Sing: Adakah pihak KDN merancang untuk mengkaji semula sistem saaraan untuk anggota polis yang berpangkat low and middle rank, dengan izin, ini supaya ianya dapat menjaga kebaikan anggota polis.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat. Ya, cukup. Yan.

11.14 pagi.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.35 di bawah Butiran 020300 yang berkaitan dengan Kawalan Penerbitan, Teks Al-Quran dan Tapisan Filem.

Berkenaan dengan Kawalan Penerbitan telah banyak disentuh oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Cuma saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan terhadap kawalan yang diberikan khasnya kepada komik-komik yang datang dari negeri Jepun yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia yang antara lainnya seperti komik '*Mutiara Naga*', '*Doraemon*' dan yang terkini ialah '*Pokemon*' di mana komik-komik ini begitu banyak berada di pasaran dan sekarang ini sedang menguasai pemikiran ramai di kalangan anak-anak kita yang dari segi isi ceritanya dan perbahasan ceritanya juga tidak mendatangkan sebarang manfaat.

Keduanya, tentang Teks Al-Quran. Adalah diharapkan agar kementerian tidak memberikan tumpuan dalam kawalan penerbitan ini hanya kepada teks Al-Quran, juga mesti diberikan perhatian terhadap terjemahan dan tafsir Al-Quran kerana berada di dalam pasaran sekarang ini adalah terjemahan Al-Quran khasnya yang datang dari negeri seberang yang mana terdapat beberapa kesilapan. Antara kesilapannya adalah memulakan Al-Quran itu daripada sebelah kiri yakni surah Al-Fatihah dan Al-Baqarah daripada sebelah kiri dan tindakan telah pun diambil terhadap terjemahan yang sebegini di negeri Arab Saudi, di mana hasil daripada cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu telah mencadangkan kepada Pusat Penerbitan

Al-Quran di Madinah AlMunawarah bermula daripada tahun ini semua terjemahan Al-Quran yang dibuat di dalam bahasa Indonesia tidak lagi bermula daripada sebelah kiri tetapi bermula di sebelah kanan.

Malah diharapkan perkara ini juga dapat diberikan perhatian supaya mengambil tindakan seperti mana yang telah diambil oleh Kerajaan Arab Saudi. Terjemahan dan tafsiran hendaklah juga dibezakan kerana ada juga terjemahan-terjemahan Al-Quran ini yang dinamakan di kulit hadapannya sebagai Tafsiran sedangkan tidak terdapat sebarang tafsiran di dalam terjemahan tersebut. Yang ada hanyalah terjemahan dan bukan tafsiran.

Berkeman dengan Tapisan Filem – sebelum itu, Teks Al-Quran tadi, ada juga terdapat terjemahan-terjemahan Al-Quran yang datang daripada negeri seberang khususnya yang bermula muka surat pertamanya dengan Pancasila yang rasanya tidak ada kaitan langsung dengan Al-Quran dan sekali lagi Kerajaan Arab Saudi melalui ‘majma’ pencetakan Al-Qurannya telah pun menghapuskan semua Al-Quran yang diterjemahkan, yang dimulakan dengan Pancasila dan kita juga mengharapkan agar dalam konteks negara kita dimansuhkan terjemahan-terjemahan Al-Quran seperti mana yang telah saya sebutkan tadi. Kita mempunyai terbitan ataupun kita sendiri mempunyai terjemahan Al-Quran yang sudah cukup baik yang ada di dalam pasaran sekarang seperti mana yang telah dikeluarkan oleh pihak JAKIM.

Ketiga, perkara yang ingin disentuh adalah tentang Tapisan Filem. Saya ingin dapat penjelasan tentang tapisan filem ini, adakah tapisan filem ini hanya untuk filem-filem yang ditayangkan di pawagam ataupun termasuk filem-filem yang ditayangkan di televisyen. Ini adalah kerana akhir-akhir ini kita dapat melihat begitu banyak filem yang ditayangkan di TV, siri-siri yang ditayangkan di TV yang mempunyai ciri-ciri tahyul dan khurafat yang sudah sampai kepada peringkat agak keterlaluan, yang bagi orang Islam sudah tentulah ianya memberikan kesan kepada akidah itu sendiri.

Filem-filem seperti *Young Hercules*, *Tarzan*, *Xena The Warrior Princess*, *Power Rangers* dan sebagainya yang banyak mengagung-agungkan dewa-dewa dan ciri-ciri spirit dan juga ciri-ciri superpowers yang telah memberikan kesan kepada anak-anak muda khususnya kanak-kanak yang sentiasa tidak pernah miss untuk menonton filem-filem dan rancangan-rancangan kartun ini.

Selain daripada itu dapat juga kita lihat sekarang ini dalam konteks tapisan filem saya perhatikan filem dan juga siri-siri di TV yang dari segi terjemahannya

banyak tidak tepat dan saya juga memohon sekiranya dapat dalam konteks tapisan filem ini, kalau ianya di bawah Kementerian Dalam Negeri filem-filem yang datang dari negeri Arab yang banyak dibeli, yang menggunakan bahasa Arab yang 'fushah' supaya tidak diterjemahkan atau tidak dialihsuarakan ke dalam bahasa Malaysia tetapi dikekalkan di dalam bahasa asalnya, cuma diberikan alih bahasa ataupun sarikata di dalam bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia.

Akhirnya, sekali lagi merujuk kepada terjemahan ataupun pengawalan kepada Teks Al-Quran ini, saya sendiri telah mendapat beberapa pengalaman membawa beberapa Al-Quran daripada Timur Tengah yang kebetulan mempunyai cetakan yang agak berbeza sedikit dengan cetakan yang digunakan di Malaysia ataupun yang diluluskan di Malaysia ini supaya dilatih mereka yang berada di lapangan terbang itu yang melihat teks-teks Al-Quran yang dibawa ini supaya mereka ini diberikan pendedahan bahawa Al-Quran ini ada tujuh bahasa. Tujuh bahasa bermaksud ada pelbagai cetakan yang terdapat di negeri Arab sana yang sedikit pun tidak berubah makna, cuma mungkin dari segi huruf-huruf ataupun dari segi bahasa-bahasa yang digunakan agak sedikit berbeza. Mereka ini hendaklah dilatih untuk membezakan ayat-ayat ini ataupun teks-teks Al-Quran yang telah diterbitkan ini.

[Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dalam hal yang berkaitan dengan tahayul dan khurafat, adalah diharapkan agar kementerian memberikan perhatian yang serius terhadap sekali lagi penerbitan dan rancangan-rancangan yang dikeluarkan ini supaya tidak terjebak ceritanya dengan program-program yang memang dirancang untuk mengajak masyarakat kita untuk berfikir tidak dengan berpandukan kepada akidah itu sendiri tetapi lebih banyak berpandukan kepada ciri-ciri seperti mana yang telah saya nyatakan tadi yakni bersifat tahyul, khurafat dan tidak berpijak di bumi nyata. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya terpaksa memohon maaf kerana kesuntukan masa, memang ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak akan dapat berucap bagi kementerian ini dan sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, kalau ikut jadual yang ditentukan sehingga minggu yang lepas sepatutnya lapan kementerian sudah selesai, akan tetapi sehingga hari ini kita hanya memasuki ke kementerian yang keempat belas.

Jadi, saya hanya akan membenarkan seorang berucap dan selepas itu Yang Amat Berhormat akan diminta untuk menjawab. Jadi, saya memberi peluang kepada Tebrau untuk berucap – kawasan Pulai, minta maaf, kawasan Pulai untuk berucap.

11.23 pagi.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar [Pulai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyentuh di dalam Maksud Pembangunan P.35 Butiran 00300 bertajuk Rawatan dan Pemulihan Dadah, dengan anggaran tahun 2000 ini diberikan peruntukan RM21.5 juta lebih kurang.

Kita amat berterima kasih kepada kerajaan yang telah pun mengambil perhatian yang begitu serius dalam segala hal yang berlaku kepada seluruh rakyat dalam negara kita termasuk rakyat yang terjebak dengan masalah penyalahgunaan dadah hingga diadakan pusat-pusat rawatan dan pemulihan dadah.

Untuk makluman kepada semua bahawa rakyat ataupun orang-orang yang terjebak di dalam pemulihan dadah ini yang dimaksudkan di dalam pusat-pusat serenti terbahagi kepada dua - satu dengan secara paksa atau dengan undang-undang dan satu lagi dengan cara sukarela tetapi yang ada pada hari ini sebagaimana yang kita dimaklumkan bahawa penghuni-penghuni yang ada di dalam pusat-pusat rawatan pemulihan dadah ini adalah termasuk di dalam golongan orang-orang atau pelatih-pelatih yang dimasukkan itu dengan secara paksa atau undang-undang.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh di dalam dua bahagian ataupun dua faktor berhubung dengan masalah Pentadbiran dan juga masalah Keselamatan. Untuk makluman kepada Kementerian Dalam Negeri, diharapkan supaya dapat memberikan pertimbangan ataupun memberikan satu keistimewaan kepada pusat rawatan ini berhubung dengan masalah pentadbiran yang mana kita dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang berkhidmat di dalam pusat-pusat rawatan ini adalah masih lagi di dalam kekurangan dalam pelbagai bidang. Dari itu diharapkan kepada Kementerian Dalam Negeri supaya memberikan pertimbangan bahawa seluruh jawatan dan kakitangan yang berada di dalam pusat-pusat rawatan ini dapat diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Contoh satu daripadanya pusat rawatan yang ada di dalam kawasan Pulai, Pusat Serenti Tampoi umpamanya, banyak lagi kekurangan dalam bahagian jawatan, tidak kurang daripada 14 jawatan dan kakitangan yang ada

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat. Tidak kena mengena dengan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pulaui, sila duduk.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, tidak kena mengena dengan Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 12 mengenai melanjutkan masa persidangan. *“Tiap-tiap persidangan Majlis hendaklah dimulakan pada pukul 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari dan disambung semula dari pukul 2.30 petang hingga 5.30 petang atau lebih awal lagi setelah selesai atau ditangguhkan urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dengan syarat bahawa sesuatu usul yang akan diputuskan tanpa pindaan atau bahasan boleh dikeluarkan oleh seorang menteri pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan untuk mengubah waktu persidangan Majlis.”*

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa ramai yang hendak berucap dan saya mengucap syabas kepada Yang Amat Berhormat dan kepada kedua-dua Timbalan Menteri yang hadir dan ketiga-tiga berkumpul dan menggembleng tenaga untuk menjawab. Ini menunjukkan yang mengambil berat pertanggungjawabannya. Ini tanggungjawab yang baik. Contoh yang baik dan berilah peluang kepada orang-orang yang berminat, ada gejala yang baik, kalau ramai yang bangun, ini menunjukkan orang-orang berminat dan banyak peminat dan saya bercadang supaya kita lanjutkan mungkin kita perlu lanjutkan kepada tiga hari pada sidang ini dan mungkin malam ini tidak boleh, besok atau lusa kita lanjutkan kepada pukul 8.00 malam. Beri peluang kepada ahli-ahli Parlimen di sini.

Tuan Pengerusi, ini satu cadangan yang baik, menunjukkan kehairahan untuk menjawab, untuk menunjukkan tanggungjawab yang

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, saya akan membuat keputusan. Yang Berhormat, cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Memang telah saya katakan kesuntukan masa dan sebenarnya mengikut peraturan bukan semua Ahli Yang Berhormat yang mendapat peluang untuk berucap. Apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kepong kerana ada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berada di sini, sebenarnya kalau Yang Amat Berhormat tidak ada di sini pun, ada Timbalan Menteri dan mereka kepada saya samalah jawapan sama ada daripada Yang Amat Berhormat atau Timbalan Menteri, jawapan adalah bagi pihak kerajaan.

Jadi, apa keputusan yang telah dibuat, saya terpaksa mengikut apa yang telah saya buat dari keputusan itu. Dan Yang Berhormat bagi Pulau, sila sambung.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Atas peraturan ya?

Puan Fong Po Kuan: Peraturan, tetapi jika saya dibenarkan untuk berkata sepatah, sebab dalam masa ini adalah B.35 hingga B.41, ada tujuh maksud, ini bukan satu atau dua maksud sahaja. Jadi, oleh sebab itu, kita ada banyak fakta di dalam

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Apa yang disampaikan ini akan kami ambil perhatian dan kita akan semak pada masa yang akan datang. Yang Berhormat Pulau, teruskan.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya hendak sentuh berhubung masalah keselamatan. Keselamatan pusat-pusat serenti khususnya di Pusat Serenti Tampoi, dari segi keselamatan memang tidak terjamin apabila diadakan lawatan-lawatan berhubung dengan di pusat-pusat serenti, satu daripadanya di kawasan Pulau, maka satu perkara yang selalu dibangkitkan berhubung dengan keselamatan terutama sekali pagar. Oleh kerana penghuni-penghuni yang dimasukkan di dalam pusat-pusat serenti ini dengan secara undang-undang atau secara paksa, maka mereka tidak reda dimasukkan di dalam pusat-pusat serenti ini. Dengan sebab itu, pelbagai angkara akan dibuat, dengan lari dan rusuhan-rusuhan sebagaimana yang dimaklumkan dalam akhbar-akhbar kita.

Maka dari itu diharapkan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri dapat memberikan pertimbangan berhubung dengan masalah keselamatan khususnya pagar. Pagar yang ada sekarang ini, pagar yang telah uzur, yang telah berpuluh tahun. Dari itu diharapkan dapat pertimbangan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan masalah keselamatan pusat-pusat serenti ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat diminta menjawab.

11.30 pagi

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai perkara-perkara yang ada kaitan dengan

Kementerian Dalam Negeri dan bagi isu-isu atau perkara-perkara yang telah pun ditimbulkan dalam perbahasan ini, saya akan memberi penjelasan.

Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Langat telah membahaskan dengan panjang lebar mengenai Jabatan Pertahanan Awam (JPA) dan di atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap bidang tugas dan tanggungjawab jabatan tersebut, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Memanglah benar bahawa matlamat Jabatan Pertahanan Awam adalah untuk menjadikan 1% daripada penduduk negara ini sebagai anggota yang aktif dalam bidang pertahanan awam.

Perangkaantersebut adalah merupakan angka yang ideal berdasarkan standard pertahanan awam antarabangsa, walaupun hasratnya adalah sedemikian, Jabatan Pertahanan Awam hanya mampu memohon peruntukan bagi pengambilan sebilangan anggota baru yang difikirkan bersesuaian dengan kemampuan jabatan untuk mengelolaknya, di samping berusaha untuk terus mengekalkan anggota lama yang ada.

Pada masa ini Jabatan Pertahanan Awam juga sedang mengenal pasti mana-mana unit yang sesuai untuk dinaik taraf kepada Pejabat Pertahanan Awam Daerah. Bagi tujuan tersebut, mana-mana unit yang didapati memenuhi kriteria-kriteria seperti fakta kekerapan berlakunya bencana dan kecemasan di daerah-daerah berkenaan, kepadatan penduduk dan sebagainya akan dicadangkan kepada agensi pusat untuk pertimbangan supaya dinaik taraf.

Berkaitan dengan perkhidmatan 991, peruntukan bagi perkhidmatan talian kecemasan 991 telah pun dipohon bagi perkhidmatan ke seluruh negara, di samping itu di bawah perluasan dasar JPA3 telah juga memperolehi kenderaan tambahan, termasuk kenderaan khas penyelamat dan ambulans, walkie-talkie serta peralatan-peralatan penyelamat yang telah dibekalkan secara berperingkat-peringkat dari tahun ke tahun. Selain daripada itu, Jabatan Pertahanan Awam juga sentiasa dari masa ke semasa mengkaji kedudukan dan kemampuan untuk meningkatkan lagi prestasi perkhidmatannya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah pun menimbulkan mengenai kesukaran bagi mendapatkan pasport dan perkara ini juga telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu iaitu pasport gantian.

Saya ingin menjelaskan iaitu permohonan untuk mendapatkan pasport gantian akibat kehilangan adalah ditangguhkan pengeluarannya antara satu ke lima tahun

sebagai pengajaran supaya orang ramai lebih bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan pasport dokumen perjalanan mereka agar tidak digunakan oleh orang lain yang tidak berhak memilikinya. Sebenarnya, apabila kita telah mengenakan syarat ini, kita dapati bahawa kurangnya sedikit sekarang ini, kes-kes yang telah dibawa ke Jabatan Imigresen mengenai kekurangan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, terima kasih. Tentang pasport saya hendak tahu pada tahun 1998 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan 'smart passport' di Wilayah Persekutuan. Adakah smart passport ini akan diluaskan ke negeri-negeri lain. Sejauh mana perkembangan smart passport ini dan apa bezanya smart passport ini dengan pasport biasa dan berapa negara di dunia ini yang ada kemudahan, saya terlupa mesin yang boleh baca smart passport itu, menyebabkan pasport kita ini boleh digunakan di negara-negara lain. Negara mana yang kita boleh guna smart passport atau kita seorang sahaja yang boleh guna.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Pengerusi, berkaitan dengan smart passport, kita memang gembira dan bersyukur kerana Jabatan Imigresen telah pun memikirkan tujuan untuk mengadakan smart passport ini dan untuk tujuan itu mereka telah membuat segala kajian dari segi kesenangan untuk menggunakannya, dari segi mudah untuk mendapatkannya dan juga dari segi security passport itu sendiri.

Jadi, ini adalah tiga fakta yang telah diambil kira, jadi bukanlah sesuatu yang kita buat sehingga di tempat lain pasport kita itu payah hendak diperiksa ataupun sebagainya. Dan memang kita mulakan pengeluaran pasport ini di kawasan Wilayah Persekutuan, tetapi memanglah dicadangkan untuk semua supaya nanti bukan sahaja mereka di Wilayah Persekutuan sahaja yang akan memperolehi pasport seumpama ini, tetapi juga sesiapa juga nanti yang memegang pasport tidak kira di mana, insya-Allah, akan dapat memperolehinya dan pada waktu ini daripada segi sejauh manakah perkembangan dalam penggunaan pasport ini sebagaimana yang Yang Berhormat telah tanya tadi itu, daripada bilangannya, saya minta maaf, saya tidak dapat memberikan pada waktu ini, saya akan sampaikan jawapan secara bertulis.

Jadi, menyambung jawapan saya, Tuan Pengerusi, tentang kes kehilangan. Jadi, bagi kes kehilangan pertama kali yang dikenal pasti berpunca dari kecuai

pengeluaran pasport gantian ditangguhkan selama satu tahun, bagi kehilangan kali kedua dalam masa lima tahun, pengeluaran ditangguhkan selama tiga tahun dan bagi kehilangan kali ketiga dan seterusnya dalam tempoh lima tahun, pengeluaran pasport ditangguhkan selama lima tahun.

Jadi, kes-kes ini ada juga orang yang biasa hilang dua, tiga kali. Jadi, kalau begitu, kita terpaksa sah mengenakan ataupun beri dia susah sedikit hendak dapat pasport gantian, sebab nampaknya dia tidak berapa hirau sangat, dia ambil mudah, seolah-olah dokumen ini macam tak begitu penting kepadanya, sebab itu mudah hilang. Jadi, dengan itu, kita mestilah berbuat sesuatu syarat, sesuatu peraturan daripada hendak menggantikan pasport itu supaya nanti dia tahu bahawa dokumen seumpama itu bukan senang hendak didapati dan bukan sesuatu yang dia boleh senang-senang beri hilang sahajalah.

Sungguhpun begitu, Jabatan Imigresen Malaysia masih menggunakan budi bicara dengan mengeluarkan pasport gantian tanpa dikenakan tempoh penangguhan, setelah dikenal pasti pemohon berkenaan memang memerlukan pasport untuk keluar negara seperti untuk melanjutkan pelajaran. Pelajar-pelajar kita pun rajin juga, biasa juga mengalami kehilangan pasport. Ataupun menguruskan perniagaan ataupun bagi tujuan menjalankan tugas rasmi.

Jadi, penjelasan ini menepatilah dengan soalan yang telah dikemukakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pernah berlaku pasport yang dilaporkan hilang itu, sebenarnya telah diserahkan kepada orang yang tidak berhak memilikinya. Seperti warga negara asing untuk digunakan ke negara ketiga, ini adalah disebabkan pemegang pasport Malaysia boleh memasuki kebanyakan negara tanpa visa. Kejadian seumpama ini boleh mencemarkan nama baik negara, maka tindakan sudah semestinya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat, Ketua Pembangkang minta laluan.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Nanti, habiskan ayat ini. Maka tindakan yang tegas mesti diambil mengenai perkara ini, ini bukan sahaja satu kecuaiian tetapi ini sebenarnya satu perbuatan yang memang menyalahi undang-undang. Ya, sila.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Pengerusi, terima kasih dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan mengenai dengan penggunaan pasport antarabangsa Malaysia yang saya faham bahawa pemegang pasport antarabangsa negara kita tidak boleh menggunakan hanya untuk memasuki sesebuah ne gara sahaja iaitu Israel dan tidak ada sebarang sekatan untuk memasuki negara-negara lain, tetapi dengan kenyataan adakah kerajaan sedar, dengan kenyataan yang dibuat baru-baru ini oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mengancam pemegang-pemegang pasport antarabangsa yang mendapat visa haji untuk ke Mekah, telah diugut dengan satu kenyataan untuk menghantar pegawai-pegawai Imigresen Malaysia bagi menahan pemegang-pemegang pasport antarabangsa memasuki Jeddah. Adakah ini merupakan satu dasar kerajaan yang baru ataupun sebagai satu ancaman kerana ia telah meninggalkan kesan yang tidak baik kepada pemegang-pemegang pasport antarabangsa terutamanya para pelajar yang berada di luar negeri, kerana dengan ugutan yang demikian, para pelajar di luar negeri melaporkan bahawa terdapat satu peraturan baru yang dibuat oleh pihak Consulate Arab Saudi di Mesir umpamanya dengan satu peraturan yang lebih ketat yang tidak pernah dibuat sebelum ini iaitu tidak membenarkan pelajar-pelajar yang memegang pasport Malaysia untuk menunaikan haji kecuali mereka mesti mempunyai visa untuk tinggal di Mesir tidak kurang daripada tujuh bulan. Ini adalah akibat daripada kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh menteri yang berkenaan dan menyebabkan ramai pelajar atau bekas pelajar yang baru menamatkan pengajian dan ingin untuk menunaikan haji sebelum mereka pulang di antaranya dapat menjimatkan perbelanjaan dan sebagainya telah tidak dapat berbuat demikian.

Adakah kerajaan menyedari tentang perkara ini akibat daripada kenyataan yang dibuat itu? Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Pengerusi, memang masalah itu timbul setelah kenyataan dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan perkara ini telah pun dibincangkan dalam Kabinet dan kita telah membuat keputusan untuk tahun ini kita tidak mengenakan sekatan-sekatan seperti itu, tetapi untuk tahun yang akan datang, kita perlu mengkaji semula tentang perkara ini, sebab yang pertama ialah daripada segi ataupun untuk keperluan, kepentingan jemaah haji, mereka yang pergi melalui Tabung Haji pun tidak menggunakan pasport antarabangsa

melainkan digunakan pasport yang dikeluarkan berwarna hijau oleh Tabung Haji. Itu yang pertama.

Ada juga warga negara kita yang duduk di luar negara, yang berkhidmat di luar negara, kalau mereka hendak masuk dan pergi ke Mekah untuk menunaikan fardu haji, maka mereka boleh menggunakan pasport antarabangsa. Ada juga yang memintas, yang pergi keluar kerana tidak dapat hendak mengikuti rombongan Tabung Haji hendak pergi ke Mekah, ke luar ke negeri lain dan minta visa daripada luar dan masuk dan ini juga menimbulkan masalah juga kepada Tabung Haji kerana rakyat Malaysia yang pergi ke sana biasanya memerlukan khidmat daripada Tabung Haji, apabila mereka menghadapi masalah-masalah termasuk penginapan dan sebagainya. Ini adalah satu beban juga kepada Tabung Haji kerana jemaah haji yang ada pun perlu diberi perhatian juga dan ini pun adalah tambahan lagi dan bukan satu, dua orang sahaja yang terlibat, memang ramai dalam hal ini.

Dan kita juga memahami bahawa sebagaimana Ahli Yang Berhormat bagi Pendang kata, international passport boleh digunakan di mana-mana juga, yang ditegahkan kita menggunakan pasport antarabangsa untuk keluar negeri dan membuat lawatan ialah ke negara Israel. Jadi, itu adalah satu perkara yang memang benar, tetapi berkaitan dengan penggunaan pasport untuk pergi ke Mekah ini, kita sedang membuat satu kajian pada waktu ini supaya isu-isu kes-kes yang berkaitan dengan hal penggunaan pasport ini tidak akan menimbulkan masalah kepada rakyat Malaysia yang ingin menunaikan haji. Terima kasih.

Mengenai pertanyaan, mengapakah ramai pemohon menghadapi kesukaran untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan beberapa orang lagi Ahli Yang Berhormat yang lain, sukalah saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini, iaitu syarat-syarat kelayakan permohonan taraf kewarganegaraan adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:-

- (i) Pemohon cara masuk, Perkara 9(1) dan (2) Perlembagaan berumur lebih 21 tahun;
- (ii) Bermastautin selama 12 tahun;
- (iii) Berniat untuk bermastautin tetap di negara ini;
- (iv) Berkelakuan baik; dan

- (v) Mempunyai pengetahuan yang memadai dalam Bahasa Malaysia.

Isteri kepada warganegara, Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan bermastautin selama dua tahun dari tempoh menjadi penduduk tetap, berkelakuan baik dan berniat untuk bermastautin tetap di negara ini. Anak kepada warganegara, Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan, berumur bawah 21 tahun dan salah seorang ibu atau bapanya adalah warganegara. Lahir di Persekutuan sebelum hari merdeka, Perkara 16 Perlembagaan, bermastautin di Persekutuan selama tujuh tahun, berniat untuk bermastautin tetap, berkelakuan baik dan mempunyai pengetahuan mudah dalam Bahasa Malaysia.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pemberian taraf kewarganegaraan adalah anugerah yang tertinggi daripada pihak Kerajaan Persekutuan kepada warganegara asing. Oleh itu setiap permohonan akan dikaji dengan teliti sebelum perakuan dibuat. Justeru itu dalam menimbangkan setiap permohonan, faktor-faktor yang diambil kira ialah berniat dan berhasrat untuk tinggal selamanya di negara ini dan menghayati cara hidup masyarakat di negara ini, berkelakuan baik, mempunyai sumbangan kepada masyarakat dan negara dan taat setia kepada negara.

Selanjutnya daripada penelitian yang dibuat.....[*disampuk*].

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri. Berhubung dengan jawapan Yang Amat Berhormat tadi, ingin saya membuat sedikit pertanyaan. Seseorang warganegara asing yang telah dapat anugerah tertinggi menjadi warganegara kerana syarat-syarat dan sifat-sifat yang sudah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi. Tiba-tiba selepas menda pat anugerah tertinggi menjadi warganegara ini, tiba-tiba kelakuannya berubah. Dalam pilihan raya yang lalu terang-terang menyokong parti pembangkang. Dalam kawasan saya, asal Singapura kerana sifat-sifat permulaan seperti mana syarat-syarat yang berkenaan, dia telah dianugerahkan menjadi warganegara di sini dan tiba-tiba berubah perangai. Tentang kes begini apakah kerajaan tidak boleh menarik balik kerakyatan mereka yang telah jelas merugikan negara ini? Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Pengerusi, apabila seseorang itu telah menjadi warganegara Malaysia maka ia dianggap sebagai warganegara Malaysia yang biasa, ada kebebasan-kebebasan tertentu [*Tepuk*] dan juga jika sekiranya ia didapati telah melanggar apa-apa undang-undang yang ada dalam negara kita maka ia juga akan didakwa sebagaimana orang lain juga didakwa. Tetapi sekiranya berlaku perkara-perkara yang berkaitan dan pengkhianatan terhadap negara ataupun sabotaj dan sebagainya maka itu adalah tindakan-tindakan yang perlu diambil terhadapnya. Ini juga tidak mengecualikan rakyat Malaysia sendiri jika sekiranya didapati mengkhianati dan didapati mensabotaj ekonomi kita dan sebagainya itu adalah sesuatu tindakan yang perlu diambil. Ini bukanlah sesuatu yang dikecualikan, itu adalah peraturan yang digunakan pada waktu ini.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Kota Melaka yang ingin tahu berapa banyakkah tunggakan permohonan kewarganegaraan sehingga ini? Angka-angkanya adalah seperti berikut:

Perkara 19(1) - 4,692

Perkara 15(1) - 2,260

Perkara 15(2) - 140

Perkara 15(a) - 321

Perkara 16 - 428

Jumlahnya: - 841

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kluang mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah memperkenalkan penggunaan borang baru bagi memudahkan permohonan taraf kewarganegaraan dan seterusnya ingin tahu berapakah permohonan yang diterima setelah borang baru diperkenalkan berbanding borang lama.

Untuk makluman Yang Berhormat, setelah borang permohonan kewarganegaraan baru diperkenalkan pada awal tahun 1997, permohonan kewarganegaraan telah meningkat dengan ketara. Di samping itu, kementerian tidak lagi mendengar rungutan daripada orang ramai mengenai masalah untuk mengisi borang.

Merujuk kepada saranan Yang Berhormat bagi Kluang..... [*Disampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat Pendang bangun sekali lagi.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Amat Berhormat. Saya ingin mendapat penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, tentang status warganegara Burma yang tinggal di Langkawi. Adakah mereka telah pun layak untuk mendapat taraf sebagai rakyat dan diberi kerakyatan Malaysia kerana mereka pun boleh mengundi kerana mereka telah mendapat kad pengenalan untuk mengundi dan nama-nama mereka terdapat dalam senarai pendaftaran pengundi ataupun pemilih. Tetapi bila ditanya kepada mereka tentang kedudukan kad pengenalan mereka, mereka hanya mengatakan kad pengenalan yang mereka miliki itu hanya boleh digunakan untuk mengundi, tidak boleh digunakan untuk yang lain-lain. Jadi apakah status mereka yang sebenarnya ataupun adakah terdapat satu sindiket yang mengeluarkan kad-kad pengenalan palsu khusus kepada mereka bagi membolehkan mereka mengundi Barisan Nasional? Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Orang yang ada kad pengenalan yang boleh mengundi ia adalah rakyat kita dan soal kalau ditimbulkan bagaimana kad pengenalan itu diperolehi, itu adalah suatu yang perlu kita teliti. Kita tidak mahu supaya ada pemalsuan yang mungkin berlaku.

Kedua, daripada segi taraf ataupun sama ada orang itu layak untuk menjadi warganegara Malaysia sama ada ia daripada Burmah, mana-mana negara jiran, itu tertakluk kepada syarat-syarat yang saya telah tetapkan tadi. Yang telah saya terangkan tadi dan hal ini telah pun dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun dijawab dan dijelaskan dalam sesi soal jawab.

Berhubung dengan dakwaan Yang Berhormat bagi Kluang bahawa Jabatan Imigresen tidak 'honour' keputusan melanjutkan rayuan pas lawatan selama enam bulan yang telah diluluskan kepada seorang rakyat warganegara Singapura, pihak kementerian suka menasihatkan supaya kes ini dilaporkan secara spesifik supaya ianya dapat disiasat bagi mengenal pasti punca sebenar. Oleh itu sukacita kementerian ini dimaklumkan butir-butir berkaitan dengan segera.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah mengutarakan pertanyaan mengapakah permohonan kewarganegaraan daripada negeri Sabah lebih mudah mendapat taraf kewarganegaraan berbanding permohonan daripada India Muslim yang telah lama menetap di negara ini walaupun ada di kalangan mereka telah

memohon dua kali? Adalah tidak benar kenyataan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah menyatakan permohonan kewarganegaraan daripada orang-orang di Sabah lebih mudah daripada India Muslim. Ini adalah kerana syarat yang dikenakan adalah sama, iaitu dikehendaki menetap selama 12 tahun selepas mendapat taraf penduduk tetap.

Mengenai kesukaran orang India Muslim untuk mendapat taraf kewarganegaraan adalah kerana kebanyakan mereka masih terikat dengan negara asal mereka, iaitu negara India. Walaupun mereka menetap di sini, anak dan isteri mereka masih menetap di negara asal mereka.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah juga seterusnya meminta penjelasan daripada kementerian apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak polis berhubung dengan tindakan seorang Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Nakhoda, Selayang yang telah membawa dan mengeluarkan pistol semasa berada di masjid?

Berhubung perkara ini, satu laporan polis telah pun dibuat dan kes tersebut masih lagi dalam penyiasatan, Tuan Pengerusi. Kerajaan memberi jaminan bahawa tidak ada seorang pun yang akan terlepas daripada menerima hukuman di atas kesalahan yang telah dilakukan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Mengenai saranan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah supaya kerajaan memberi layanan istimewa kepada orang-orang dari Aceh yang beliau sifatkan sebagai pelarian Aceh, saya ingin menjelaskan iaitu Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf warganegara asing yang melarikan diri ke negara ini. Atas apa sebab sekalipun sebagai orang pelarian kerana Malaysia bukan *signatory* kepada *International Convention On Refugees*. Sebaliknya warganegara asing yang masuk secara tidak teratur adalah Pendatang Tanpa Izin (PTI). Malaysia tidak boleh memberi layanan istimewa kepada PTI Aceh kerana tindakan sedemikian boleh disalah anggap oleh pihak lain sebagai menyokong perjuangan PTI Aceh. Malaysia tetap dengan dasar tidak mencampuri urusan dalam negara asing. Samalah Malaysia tidak mahu negara asing mencampuri urusan dalam negara kita.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah juga menyentuh beberapa perkara mengenai kemudahan dalam penjara dan lock-up, permit-permit untuk mengadakan ceramah dan perlumbaan motor haram.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua penjara dan lock-up di Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Penjara 1953 dan standard yang digunakan telah diguna pakai di peringkat antarabangsa. Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai kemudahan-kemudahan dalam penjara dan setakat ini kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah berpatutan dan bersesuaian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Yang Amat Berhormat, saya ingin merujuk kepada Laporan Suruhanjaya Diraja yang telah menyiasat kecederaan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang telah tercatat dalam laporan itu, beliau telah ditelanjangkan semasa dalam tahanan polis dan ini adalah satu perkara yang sangat bertentangan dengan prinsip Islam. Saya ingin tahu adakah kerajaan pada masa akan datang akan memastikan amalan ini dihentikan dan tidak berlaku lagi?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah menanyakan satu soalan yang khusus, yang mengenainya saya tidak ada maklumat dan saya akan dapatkan maklumat dan saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat.

Untuk makluman, pemberian tilam serta selimut kepada banduan telah pun dilaksanakan oleh

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat, Kubang Kerian bangun sekali lagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Perkara ini adalah satu pengetahuan umum kerana ada dalam laporan siasatan diraja berkaitan dengan kecederaan yang dialami oleh Dato' Seri Anwar bila dipukul oleh bekas Ketua Polis. Saya rasa semua orang tahu. Tetapi pada prinsip umumnya saya hendak tahu adakah kementerian ini berpendapat menelanjangkan orang dalam tahanan, dalam lock-up dan sebagainya, satu perkara yang boleh diamalkan ataupun pada masa akan datang kerajaan tidak akan membenarkan sama sekali amalan ini?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Terhadap soalan itulah sama ada ini jadi amalan yang telah dijalankan oleh penjara – yang saya tahu ini bukanlah satu amalan tetapi oleh sebab soalan itu adalah soalan yang spesifik, saya tidak boleh memberi satu jawapan yang mengandaikan dan saya akan mendapat maklumat mengenai perkara ini.

Seterusnya disebabkan oleh pertambahan bilangan kemasukan banduan, kerajaan telah meluluskan peruntukan kewangan dari masa ke semasa untuk

pembelian tilam baru. Sebagai contoh pada tahun 2000 sahaja kerajaan telah meluluskan peruntukan RM1 juta kepada Jabatan Penjara bagi tujuan bagi menambah tilam mengikut jumlah yang diperlukan oleh banduan.

Berhubung dengan kesukaran mendapatkan permit polis untuk mengadakan ceramah-ceramah politik parti pembangkang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Meminta satu penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri.

Saya suka bangkit satu perkara berkenaan dengan dakwaan Ong Boon Keong, iaitu seorang NGO, baru-baru ini ada bertengkar dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang. Mereka menghalang keretanya dan dia dihantar ke lock-up di headquarters contingent.

Mengikut beliau, lock-up itu sebenarnya boleh menampung enam orang sahaja. Tetapi mereka beramai-ramai dengan orang-orang yang lain - 16 orang, seperti 'sardin' dalam bilik itu. Dan beliau juga mendakwa bahawa dalam lock-up itu tidak boleh pakai baju. Seluar tidak boleh, cuma tinggal seluar dalam sahaja dan mereka tidak ada tempat tidur. Tidur di atas simen sahaja. Adakah keadaan ini boleh diizinkan, berkenaan dengan hal ini Yang Amat Berhormat?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Orang yang melakukan kesalahan perlu dilock-upkan, kita kena lock-uplah. Kalau ramai sangat[Tepuk][Disampuk] Ya, saya tahu lock-up ada yang susah, ada yang kecil, ada yang besar apa semua. Jadi di tempat-tempat yang itu memang keadaan lock-up kita itu perlu diperbaiki. Saya amat memahami tentang perkara ini. Tetapi kalau dia tidak akan dilock-upkan hanya kerana lock-up itu kecil dan sempit bukan sesuatu yang boleh diketepikan. Walau bagaimanapun, itu bukanlah sesuatu yang – dilock-up begitu lama tetapi sementara untuk tindakan-tindakan yang lain diambil secepat mungkin.

Berhubung dengan permit polis untuk ceramah kerajaan tidak melarang mana-mana parti politik untuk mengadakan ceramah-ceramah politik. Walau bagaimanapun setiap parti yang ingin berbuat demikian hendaklah mematuhi syarat-syarat di dalam permit yang dikeluarkan. Keputusan polis untuk mengeluarkan atau tidak mengeluarkan sesuatu permit itu adalah berdasarkan kepada keadaan keselamatan dan

keadaan sekitar tempat yang akan diadakan ceramah. Adalah tidak benar ada campur tangan politik dalam hal ini. Pihak polis adalah satu pasukan yang profesional yang boleh menentukan apa yang baik untuk menjaga ketenteraman awam. Dalam hubungan ini kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam adalah puncak kejayaannya.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Yang Berhormat bagi Lumut ingin tahu sama ada projek...

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada yang bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Amat Berhormat sekali lagi. Ya, saya ada dua penjelasan yang saya pohon dapat jawapan. Yang pertama ialah dalam seminggu ini ada satu arahan daripada Ketua Polis Wilayah Persekutuan untuk tidak membenarkan ceramah politik semua parti diadakan di Wilayah Persekutuan. Dan yang kedua ialah saya hendak tahu adakah kerajaan melaksanakan latihan darurat dalam masa sebulan dua ini? Kalau ada apa tujuan latihan ini?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tidak. Saya tidak ada sebarang maklumat mengenai sebarang latihan darurat yang spesifik hendak diadakan pada tahun ini tetapi polis sebagai satu pasukan memang sentiasa terlatih untuk menghadapi apa juga darurat yang mungkin timbul dalam negara kita ini dari semasa ke semasa. [*Tepuk*] Dan berkaitan dengan hal yang ini adalah semuanya dilakukan oleh pihak polis atas apa yang mereka lihat supaya wajar atau tidak wajar dan daripada segi objektifnya polis dalam hal ini saya memang memahami benar kerana adakalanya juga pihak-pihak parti kerajaan pun kompelin kepada saya bertalu-talu juga tentang hal tindakan polis yang berkaitan dengan memberi permit dan meluluskan itu dan ini ataupun melarang kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan ceramah dan sebagainya biasa dilakukan. Dan kedua-dua pihak biasa membuat aduan tentang perkara ini. Tetapi yang pentingnya sebagaimana yang saya katakan tadi

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: ...nanti-nanti, bagi habis dulu jawab. Sebagaimana saya nyatakan tadi pentingnya ialah polis menjalankan kerja yang profesional dan saya tidak berhajat untuk mengganggu kerana ini akan

membuatkan satu keadaan yang mereka nanti sendiri tidak akan dapat menjalankan tugas sebagaimana yang diharapkan daripada mereka.

Tuan Pengerusi: Ya, sila-sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Amat Berhormat saya sebenarnya takut hendak sentuh isu polis kerana polis ada kuasa yang besar tetapi oleh kerana kita sebuah negara demokratik, kementerian ini adalah sangat penting untuk menentukan sama ada kita adalah negara demokrasi atau sebaliknya. Oleh kerana itulah saya memberanikan diri untuk bangun berucap bertanya pada pagi ini. Jadi saya hendak penjelasan yang tepat adakah larangan ini wujud dan kalau wujud apakah di wilayah sahaja larangan ini wujud, larangan ini berlaku. Ini penting. Maknanya kalau sudah berlaku larangan bererti satu lagi aspek demokrasi telah dicerobohi.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Yang pentingnya ialah polis mempunyai bidang-bidang kuasa yang mereka amat memahami dan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam lingkungan bidang kuasa yang telah pun ditetapkan itu. Bukanlah menjadi satu amalan polis tiap-tiap kali mereka lakukan sesuatu maka itu perlu dilaporkan. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa daripada segi tindakan yang dijalankan oleh polis saya berkeyakinan bahawa yang mereka pentingkan itu adalah daripada segi keselamatan dan ketenteraman awam, itu yang penting. Yang itu yang saya sentiasa ambil kira. Dan ini kalau ada apa-apa masalah yang berkaitan dengan hal polis memanglah perkara itu dibawa kepada pengetahuan saya kalau tidak maka perkara itu bukanlah menjadi sesuatu yang mengenainya saya mendapat laporan. Saya ingat Yang Berhormat tidak patut curiga bahawa negara ini memang negara yang demokratik. *[Tepuk]* Dan semua rakyat dalam negara kita ada hak iaitu untuk berpolitik dan juga menjalankan kegiatan-kegiatan mereka mengikut peraturan-peraturan dan undang-undangnya ada. Dan hak ini adalah juga bukan sahaja untuk parti kerajaan tetapi untuk semua. Apa yang berlaku daripada segi ceramah-ceramah yang ada dijalankan itu memang dijalankan dan bukan sesuatu yang ...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Biarlah saya habis ayat dulu. Bukanlah sesuatu yang ditegah tetapi kalaulah ada keadaan-keadaan yang pada pemikiran dan pertimbangan polis yang tidak wajar lagi diberi kelulusan maka polis akan mengambil tindakan mengenainya.

Tuan Pengerusi: Yang mana dulu itu? Ada dua orang bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini bersambung lagi. Lepas ini kawan saya dapat.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Demokratik pada pandangan pembangkang ialah keadaan di mana kita mempunyai kebebasan sampai ke satu peringkat – kebebasan mengikut undang-undang kita boleh bertukar kerajaan. Kalau setakat boleh bercakap tetapi kerajaan tidak terasa tergugat mana-mana

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Kejap-kejap, sikit, sikit. Soalannya begini, soalannya begini.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Jangan buat ucapanlah kalau hendak soal.

Tuan Husam bin Haji Musa: Soalannya ialah jika sekiranya Ketua Polis Wilayah telah benar-benar mengeluarkan satu arahan supaya tidak ada permit ceramah dikeluarkan, public/orang awam perlu diberitahu apa justifikasinya. Polis tidak boleh ada kuasa membuat sesuatu yang public sendiri tidak tahu apakah asas-asas tindakan itu. Kalau boleh Yang Berhormat dapat terangkan apa yang saya musykilkan itu.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sebagaimana saya nyatakan tadi polis ada bidang-bidang kuasa yang tertentu yang mereka tahu melaksanakannya dan mereka mesti melaksanakan itu mengikut bidang kuasa yang ada sekarang ini tanpa menjejaskan, tanpa menafikan hak-hak rakyat untuk menjalankan kegiatan-kegiatan seperti biasa. Kalau sesuatu yang mungkin luar biasa sesuatu yang pada pertimbangan mereka tidak wajar dilakukan maka mereka berhak untuk menyatakan, mengeluarkan arahan supaya tidak dilakukan. Ini adalah penting. Soal Yang Berhormat sebutkan tadi ini pun sudah masuk kepada dasar sebenarnya ini. Soal amalan demokrasi tengoklah yang kita amalkan di sini dan kita tahu juga baru-baru ini kerajaan PAS sudah mengambil alih – PAS telah mengambil alih kerajaan Terengganu dan kita tidak ada menafi hak-hak PAS untuk memerintah Terengganu setelah dipilih oleh kerajaan. Itulah demokrasi yang diamalkan di sini.

Tuan Pengerusi: Yan, bangun Yang Berhormat.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan tentang peranan polis ini dan ingin merujuk kepada kes terbaru di Sanggang. Saya ingin bertanya apakah keperluan kehadiran FRU yang berkawat di tengah-tengah jalan yang memasang kawat-kawat berduri di beberapa buah tempat mengundi dan juga kehadiran beberapa buah kenderaan tentera yang membawa bersama belakang lori-lori tersebut beberapa buah meriam di Sanggang.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Yang polis hendak bawa meriam ke Sanggang buat apa. Tetapi dari segi apa yang polis perlu lakukan itu penting dan tidak ada sebarang 'tanggapan' yang dilakukan. Segala kemungkinan boleh berlaku. Jadi yang pentingnya polis berada di situ dan saya tidak nampak kerana kehadiran polis di situ maka rakyat sudah jadi takut dan tidak boleh pergi ke tempat itu. *[Tepuk]*.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Dengan kehadiran FRU Yang Amat Berhormat di tempat membuang undi dengan memasang kawat berduri dan berkawat di tengah-tengah jalan menuju ke tempat mengundi ini menimbulkan ketakutan di kalangan rakyat. Yang keduanya saya ingin mendapat penjelasan tentang kehadiran macam saya sebut tadi meriam dibawa. Kalaupun mengawal keselamatan di tempat mengundi tidak akan sampai bawa meriam dengan askar untuk menjaga dengan meriam.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Pengerusi, polis tahu daripada apa segi maklumat-maklumat yang mereka dapati tentang apa situasi-situasi di mana sekalipun dan mereka mesti bertindak sewajarnya. Kita tidak mahu sesuatu kalau berlaku nanti maka polis juga akan dituduh. Mengapa tidak difikirkan awal-awal, mengapa tidak dibuat persediaan. Segalanya boleh berlaku. Keghairahan memang ada. Keghairahan semasa keadaan-keadaan yang mungkin tegang oleh sebab sesuatu kedua-dua pihak. Kita tidak tahu apa yang pentingnya persediaan mesti dibuat dan tidak ada sebarang 'tanggapan' telah dilakukan oleh pihak polis dan rakyat telah keluar begitu ramai untuk mengundi dan hari mengundi telah pergi walaupun jammed sana sini tetapi Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah SWT kerana pilihan raya di Sanggang itu adalah satu pilihan raya yang berjalan tanpa ada insiden-insiden yang buruk yang berlaku. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Boleh tidak kita dapat jumlah report atau laporan-laporan polis sepanjang kempen pilihan raya kecil Sanggang yang membenarkan atau membolehkan atau memberi alasan yang kuat kepada pihak polis untuk mengerahkan begitu banyak FRU bagi membenarkan tindakan-tindakan seperti yang disebut tadi bahawa ini sebagai langkah awal untuk menjaga keselamatan. Kerana sepanjang tempoh kempen itu tidak ada sebarang kejadian yang berlaku seperti pergaduhan dan sebagainya saya kira apa yang dibuat itu bukanlah sebenarnya tetapi ada motif tertentu. Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya ingat saudara jangan, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak usah baca terlalu dalam sangat kepada tindakan-tindakan yang polis itu. Kita tidak perlu mencurigai apa yang telah dilakukan oleh pihak polis yang pentingnya polis tidak menafikan hak mana-mana pihak untuk hendak pergi undi. Itu tidak dilakukan dan tidak dilakukan sebarang larangan kepada mana-mana pihak hendak mengadakan ceramah. Semua berjalan dalam keadaan yang baik tetapi pada hari pemilihan yang polis perlu pastikan ialah tidak akan berlaku nanti mana-mana pihak yang mahu mengundi tidak dapat mengundi oleh sebab berlakunya nanti ketegangan atau sebagainya atau pergaduhan. Walaupun berlaku mungkin dua tiga orang bertumbuk sesama mereka ini sudah semestinya akan menimbulkan satu keadaan di mana rakyat nanti rasa takut dan tidak mahu keluar mengundi. Yang pentingnya ialah pada hari itu kita mahu rakyat mengundi dan polis berjaga-jaga supaya tidak berlaku sesuatu yang akan menghalang rakyat mengundi. Dan alhamdulillah daripada segi voter turnout maka itu adalah satu pilihan yang kita rasa baik dan elok dan tidak ada insiden dan rakyat telah boleh membuat penentuan.

Tuan Pengerusi,...

Tuan Pengerusi: Ada satu lagi Yang Berhormat Seputeh bangun.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ini saya hendak jawab ini untuk Seputeh tidak mahu dengar.

Tuan Pengerusi: Ya, sila-sila, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya ingin tahu yang saya tahu dari laporan radio bahawa Yang Amat Berhormat berkata bahawa pemimpin pembangkang menyeru para pengundi di Sanggang jangan keluar mengundi kerana akan berlakunya huru-hara.

Saya ingin tahu siapakah ahli pembangkang yang mengeluarkan kenyataan seperti ini ataupun ini adalah sesuatu yang disalah lapor atau direka-rekakan.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya tidak tanya polis tentang hal-hal yang macam ini. Yang pentingnya ialah yang saya katakan tadi. Keputusan pilihan raya telah pun diadakan dan tidak ada ancaman daripada pihak polis menghalang sesiapa berceramah ataupun mengundi. Itu yang penting. Dan kalaulah mereka syaki mungkin ada sesuatu apa salahnya kalau perkara itu dicakapkan. Pakatlah siapa hendak tanya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, Yang Amat Berhormat nampaknya tidak faham soalan saya kerana dalam laporan di radio dan juga surat khabar Yang Amat Berhormat berkata bahawa terdapatnya pemimpin pembangkang yang menyeru para pengundi jangan keluar mengundi kerana kami berkata kepada mereka akan berlakunya huru-hara sekiranya mereka keluar mengundi. Sekarang soalan saya ialah siapakah pemimpin dari pembangkang yang mengeluarkan kenyataan seperti yang berikut.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya mendapat maklumat daripada intelligence yang berlaku mungkin ada penyokong-penyokong daripada parti pembangkang yang over enthusiastic yang tidak mahu supaya pengundi-pengundi Cina keluar mengundi. Jadi saya telah katakan bahawa mereka boleh keluar mengundi dan tidak akan ada sebarang kekacauan yang akan berlaku. Itu yang jaminan yang saya beri. *[Disampuk]* Inilah laporan-laporan yang saya telah dapat. Dalam keadaan pilihan raya macam-macam berlaku Yang Berhormat. Macam-macam boleh berlaku. Yang pentingnya dengar saya kata. Yang pentingnya pilihan raya diadakan, ceramah diadakan semua orang boleh keluar mengundi. Itu yang penting. *[Tepuk]*.

Tuan Pengerusi: Ya, ya, Pendang ya.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya telah melawat pada hari mengundi di Sanggang. Saya pergi di satu pusat mengundi dan saya diberitahu sehari sebelum mengundi itu petugas-petugas UMNO, Barisan Nasional yang datang daripada luar telah membawa keluar parang panjang dan segala tongkat dan sebagainya, dan tidak ada sebarang tindakan diambil. Saya sempat pergi ke sebuah tempat mengundi iaitu di Sanggang Seberang, di mana saya dapati pekerja-pekerja Barisan Nasional begitu sekali tidak dapat dikawal walaupun terdapat seorang menteri di situ. Saya

ingat mereka termasuk wanita-wanita memukul cermin motokar saya. Nasib baik cermin itu kuat, kalau tidak, dan saya dapati itu keadaan di mana barang kali kehadiran menteri-menteri ini telah merangsang petugas-petugas Barisan Nasional untuk bersikap samseng seperti itu. Adakah Yang Amat Berhormat Menteri ada maklumat tentang perkara itu. Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Hendak dengar apa orang kita cakap ini, cerita PAS kegiatan samseng ini pun banyak juga saya dengar [Sorak] Tetapi yang pentingnya ialah keghairahan pengundi-pengundi dan penyokong-penyokong ada, tetapi cerita UMNO bawa parang panjang tak ada. Ini tuduhan rambang [Tepuk] Jadi berilah kesempatan saya hendak menjawab yang lain lagi.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Ada yang bangun lagi Yang Berhormat, Kinabatangan ya, cukup ya.

Seorang Ahli Sini boleh, sana pun bolehlah juga.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya melihat keghairahan Yang Berhormat Yang Berhormat daripada pembangkang ini mengetengahkan soal Sanggang sedangkan banyak yang kita perlu perbincangkan. Ini pilihan raya, rakyat telah memilih Barisan Nasional [Tepuk] Cuba lagi kalau ada pilihan raya akan datang mana tahu ada pembangkang yang tidak ada, maka kita lawan balik, kita mahu pula tengok kawasan pembangkang ini, kita tawan juga, kalau juga pembangkang kalah tunggu pilihan raya yang akan datang. Masalah-masalah kehadiran polis

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat,

Tuan Moktar bin Radin:polis bukan mengundi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kinabatangan, apa penjelasan yang diminta itu.

Tuan Moktar bin Radin: Penjelasannya setujukah Yang Amat Berhormat bahawa pembangkang menggunakan forum ini untuk memberi tekanan kepada Yang Amat Berhormat, tetapi mereka silap Yang Amat Berhormat pintar menjelaskan kepada pembangkang yang mereka ini bercakap besar tetapi apabila di kampung, di kawasan kalah ceramah banyak orang, undi tidak ada. Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Memanglah kesempatan ini telah digunakan untuk menanya soalan-soalan yang berkaitan dengan Pilihanraya Kecil di Sangang itu yang keputusannya telah pun diketahui.

Yang Berhormat bagi Seputeh telah membangkitkan isu tembak mati oleh polis dan juga isu berkaitan dengan laporan post-mortem mangsa, salah tembak yang masih belum dikeluarkan. Berhubung perkara ini mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada sebelum pihak polis mengambil keputusan untuk mengambil tindakan ke atas sebarang penjenayah, maklumat-maklumat tertentu seperti memastikan sama ada penjenayah itu bersenjata ataupun tidak telah pun diperolehi melalui risikan oleh pihak polis. Sekiranya tindakan untuk menembak seseorang penjenayah diambil, ianya adalah merupakan satu tindakan yang terakhir dalam usaha untuk mempertahankan diri waktu menjalankan tugas. Sesungguhnya demikian, terdapat juga kes kejadian tembak mati berlaku disebabkan oleh kecuaiannya pihak anggota polis.

Bagi kes sebegini, kerajaan tidak pernah bertolak ansur dan pihak yang terlibat akan dihadapkan ke mahkamah seperti konstabel Tony anak Beliang yang didakwa di bawah Sekyen 304A Kanun Keseksaan kerana menyebabkan kematian doktor Tai Eng Teck. Mengenai kes mendiang Puan M. Selvamala, perkara ini juga telah dibincangkan semasa Soal Jawab yang telah pun dikemukakan di dalam Parlimen baru-baru ini.

Yang Berhormat bagi Seputeh juga mempersoalkan langkah polis yang menghalang dan menyuraikan perhimpunan haram yang diadakan, kerana menurut beliau ianya adalah tidak selaras dengan amalan demokrasi iaitu kebebasan untuk berhimpun secara aman. Mengenai perkara tersebut walaupun negara ini mengamalkan demokrasi ianya tidak bermakna seseorang itu bebas untuk melakukan apa sahaja termasuk mengadakan perhimpunan-perhimpunan haram atau melakukan jenayah. Dalam hubungan ini pihak polis terpaksa bertindak bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam itu terkawal.

Berkaitan dengan dasar kerajaan terhadap perkahwinan warganegara asing yang berkahwin dengan orang asing dan mengapakah isteri yang berkahwin dengan suami yang bertaraf warganegara menghadapi beberapa masalah untuk mendapatkan kemudahan di negeri ini. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Seputeh, mengikut undang-undang di negara ini sama ada undang-undang

perkahwinan Islam atau bukan Islam tidak menghalang warganegara berkahwin dengan warganegara asing. Bagi mereka yang telah berkahwin dan menetap di negara luar, kemudahan untuk menetap dan sebagainya adalah tertakluk kepada negara-negara tersebut.

Bagi isteri yang berkahwin dengan suami bertaraf warganegara, mereka akan diberikan kemudahan untuk tinggal di negara ini kecuali bagi mereka yang ada bukti yang menunjukkan yang mereka tidak sesuai menetap di negara ini.

Mengenai dakwaan Yang Berhormat bagi Seputeh bahawa pengadu kes-kes keganasan rumah tangga dan serangan seksual diabaikan adalah tidak benar. Pihak polis begitu prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka yang terlibat dan apa juga tindakan dan siasatan yang dijalankan adalah mengikut prosedur dan undang-undang yang berkuat kuasa.

Tuan Pengerusi: Ya Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Amat Berhormat. Sebenarnya soalan saya juga, adakah itu telah menjadi satu polisi kerajaan bahawa wanita di setengah negeri mereka tidak dialu-alukan untuk menjadi isteri lelaki di Malaysia khususnya mereka dari negara China dan Taiwan, kerana saya menerima laporan sepasang, seorang lelaki Malaysia yang mengahwini seorang wanita China yang duduk di negara China, mereka hanya dibenarkan untuk bertemu satu kali sahaja di Malaysia dan selama 2 minggu sahaja. Jadi kami juga mendapat banyak laporan bahawa ramai lelaki yang berniaga di China dan mengahwini wanita di negeri China itu, mereka memang menghadapi kesulitan seperti ini. Jadi, kenapakah wanita di negeri lain dialu-alukan menjadi isteri untuk lelaki di Malaysia tetapi bukan wanita di negeri China dan Taiwan.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kita tidak menghalang mana-mana lelaki Malaysia hendak kahwin mana-mana warganegara asing. Ini bukan satu dasar kita untuk menghalang, tetapi adalah, bila mereka kahwin itu memang ada kesusahan juga, daripada segi visa dan sebagainya. Jadi kalau hendak cari orang lain hendak kahwin ada masalah kenalah hadapi tetapi cinta dapat mengatasi segala-galanya insya-Allah.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat mencadangkan supaya anggota Rela diberi latihan khusus di bawah kendalian Polis Diraja Malaysia agar boleh bertindak lebih cekap dan berkesan. Untuk makluman Yang Berhormat buat masa ini, Rela

mempunyai tiga buah pusat latihan iaitu Bukit Selambau, Sungai Petani, Kuala Berang, Besut dan Sungai Udang, Melaka. Peruntukan yang disediakan bagi melatih anggota Rela dalam anggaran RM1.3 juta setahun. Kursus-kursus berkenaan telah pun dijalankan dan dengan bantuan Polis Diraja Malaysia dan jenis-jenis kursus yang diberikan kepada anggota Rela termasuk kursus asas, kursus lanjutan termasuk modul penggunaan senjata, kursus ketua platon.

Kursus-kursus yang dijalankan buat masa ini adalah mencukupi untuk membantu agensi keselamatan lain bagi mengekalkan keamanan. Tuan Pengerusi Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Kepong: *[Bangun]*

Seputeh: *[Bangun]*

Rantau Panjang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat, ramai yang bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Dengan penjelasan yang pendek sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya Yang Berhormat bagi Kepong

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya tertarik kepada jawapan Yang Amat Berhormat mengenai kursus dan modul yang diadakan untuk Rela, memang kita perlukan kerana sejak tahun 1948 lagi dan beberapa tahun tidak dihidupkan kemudian dihidupkan pada masa ini, dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa kadang kala ahli-ahli Rela ini menyalahgunakan misalnya senapang, di kampung-kampung untuk menembak helang-helang dan sebagainya. Inilah ..

Tuan Pengerusi: Menembak apa Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Helang, helang dan sebagainya. Untuk menyalahgunakan..

Tuan Pengerusi: Helang Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Helang.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ya helang, jentayulah di Langkawi. Jentayu tak ada dah sekarang. Helang pun kurang.

Beberapa Ahli: Soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan tu Yang Amat Berhormat dan kadang kala nama Rela disalahgunakan untuk merampas ataupun mencero bohi kawasan-kawasan lapang seperti Jinjang Utara dan baik Yang Amat Berhormat kerajaan pun sudah

mengambil tindakan meroboh tetapi ini menunjukkan itu nama-nama Rela disalahgunakan termasuk sekarang di Jinjang Utara ada satu kawasan lapang dijadikan bangunan Rela tetapi disalahgunakan untuk perniagaan dan sebagainya. Inilah masalah Tuan Pengerusi, saya berharap Yang Amat Berhormat dapat memperhatikan, apakah kegiatan-kegiatan yang sebenarnya yang dilakukan ataupun disalahgunakan oleh anggota-anggota Rela di seluruh negara. Sekian.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ada cerita salah gunakan senapang tembak helang. Jadi senjata digunakan, sesiapa yang memiliki senjata sama ada anggota polis atau siapa, ada syarat-syaratnya dan tanggungjawab menggunakan senjata, tidak boleh disalahgunakan. Sebarang kejadian di mana didapati seseorang itu menyalahgunakan senjata yang diberikan kepadanya memang tindakan akan diambil, is very serious offend.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Pokok Sena ada mempersoalkan
[Beberapa orang Ahli bangun]

Tuan Pengerusi: Ada dua orang bangun lagi Yang Berhormat, hendak beri jalan tak. Ya, yang mana hendak beri ini?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Menyentuh masalah Rela, boleh dikatakan umum mengetahui tentang kedudukan Rela ini dan kursus-kursus latihan telah pun diberi kepada Rela, tetapi nampaknya senjata yang digunakan oleh rela begitu teruk sangat. Kadang-kadang sekali tembak 'kopak' jatuh. Ini memang kenyataan. Kalau boleh saya menyeru kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya senapang-senapang yang digunakan oleh Rela ini gantikan dengan yang baru, jenis breech browning ke atau sebagainya. Jangan beri yang bunuh sekali tembak sekali jatuh, kopak Sekali tembak sekali terkopak. Kadang-kadang waktu hendak pergi sekali setahun untuk memperbaharui lesen sebahagian besar Rela ini menggeletar, takut kepada Amra, takut-takut tak lulus pemeriksaan senapang Rela oleh Amra itu, kerana senapang tua, kalau diberi percuma pada saya pun, saya tak mahu guna Rela punya. Jadi harap Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri peka tentang perkara ini.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan tidak beri senapang kepada Rela yang tidak boleh digunakan tetapi pihak yang telah diberi senapang, menyimpan senapang kenalah jaga, jangan sampai tak boleh guna, sampai

rosak. Senapang yang rosak seperti Yang Berhormat katakan tadi yang tak boleh dipakai itu, itu bukan sesuatu yang benarlah pada sayalah, pada sayalah, kalau ada yang betul-betul sila beritahu kita ganti balik dengan senapang yang lebih baik.

Tuan Pengerusi: Ada satu lagi Yang Berhormat ya.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya tengok jam, nanti saya tak sempat hendak menjawab.

Tuan Pengerusi: Ya, ya

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Amat Berhormat. Sebenarnya saya mendapati Yang Amat Berhormat tidak menjawab soalan saya mengenai permohonan Parti Sosialis Malaysia yang mana saya telah memberi satu penerangan bahawa jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri itu tidak boleh diterima kerana semua butir-butir mengenai permohonan mereka telah ditulis dan dijalankan tetapi yang pendaftaran parti mereka itu masih ditolak. Yang kedua ialah mengenai, adakah kerajaan akan meminda Akta Penjagaan Anak yang mana membenarkan ibu untuk menandatangani dokumen permohonan untuk anak mereka, untuk pasport dan juga kad pengenalan yang mana anak perempuan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga merupakan satu mangsa kerana ketidakadilan dalam Akta Penjagaan Anak ini yang mana suami asingnya berhak untuk menandatangani borang permohonan untuk pasport tetapi beliau sendiri sebagai seorang wanita Malaysia tidak berhak untuk menandatangani, menyokong permohonan anaknya untuk pasport.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Pasal kes yang spesifik yang Ahli Yang Berhormat timbulkan itu saya rasa pasal tanda tangan dan pasport ya, saya minta maaf, saya kena mendapat maklumat dan kalau Yang Berhormat perlu jawapan, itu saya akan beri secara bertulis tetapi ada juga Yang Berhormat telah sebut tadi pasal hal pendaftaran parti sosialis, perkara ini telah pun dikemukakan dalam sesi soal jawab dan penjelasan telah pun diberikan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak memuaskan.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ya, tidak memuaskan. Kalau begitu tolonglah hantar satu surat kepada saya. Segala pertanyaan yang telah pun ada dalam kertas saudara itu tetapi sebagaimana yang saya katakan ialah kerana perkara yang telah pun dibahaskan, pun telah ditimbulkan dalam sesi soal jawab

mengenai sesuatu isu tidaklah kita masukkan ke dalam ini untuk memberi jawapan. Kita menghadapi masalah kesuntukan masa dan bukan hendak melarikan daripada memberi jawapan dan kalau perlu juga jawapannya itu kita boleh hantar secara bertulis.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena juga mendakwa polis gagal membanteras jenayah judi haram dan judi mesin slot. Saya ingin menjelaskan bahawa pihak polis sentiasa membuat serbuan di tempat-tempat yang kita ketahui menjalankan judi haram. Namun demikian, walaupun serbuan demi serbuan, tangkapan demi tangkapan dan rampasan demi rampasan telah dibuat pengusaha-pengusaha judi haram mesin slot masih juga boleh menganjurkan judi mesin slot dengan menggantikan dengan mesin-mesin slot yang baru. Walaupun keadaannya sedemikian, pihak polis sentiasa berusaha dan akan tetap meneruskan tindakan membanteras kegiatan judi haram tersebut.

Sebenarnya perkara ini adalah satu perkara yang serius yang telah diberi, yang sekarang ini kita sedang memberi perhatian tentang bagaimanakah kita hendak menghapuskan secara berkesan dan secara efektif. Kejadian-kejadian seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena berkaitan dengan perkara ini bukan di satu tempat, di merata tempat ia berlaku. Kita perlu mengkaji dan perkara ini telah pun dibincang baru-baru ini dalam Jemaah Menteri tentang berapa seriusnya, insya-Allah dengan tindakan yang kita cadangkan maka kita dapat menghapuskan ataupun sekurang-kurangnya dapat dikurangkan kepada semimum mungkin sebarang masalah dan kita memang tidak mahu lihat jenayah judi haram dan mesin slot ini berleluasa.

Berhubung dengan dakwaan Yang Berhormat bagi Pokok Sena mengenai seorang yang bernama Gopala Krishnan telah diserang oleh samseng-samseng semasa kempen pilihan raya DUN Sanggang, perkara ini akan disiasat dengan sewajarnya oleh polis kerana laporan telah dibuat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Yang Amat Berhormat, saya hendak minta penjelasan tentang pembanterasannya terhadap judi mesin slot ini tadi. Saya terima kasihlah kerana pihak kementerian akan berusaha untuk mempertingkatkan usaha-usaha pembersihan penghapusan ini. Cuma saya hendak minta penjelasan apakah dalam usaha untuk pembersihan ini terdapat juga unsur-unsur mengambil kira unsur-unsur kemungkinan, saya tidak menuduh, kemungkinan

bahawa pusat-pusat judi tanpa lesen ini yang diwujudkan secara yang begitu bebas ini, bila ia diserbu, dirampas kemudian wujud lagi, saya bimbang kalau kemungkinan ada pihak-pihak tertentu yang juga turut memberikan perlindungan. Ada sindiket-sindiket tertentu yang membabitkan pihak yang berkuasa yang memberikan perlindungan kepada mereka. Sebab bagi saya terlalu mudah sangat, habis dia buka, habis dia buka lagi.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kita akan kaji daripada segala aspek untuk membanteras perkara ini. Itu yang akan kita lakukan kerana tindakan yang berkesan perlu diambil mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi: Yan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Menyentuh tentang judi, saya ingin bertanya tentang judi digital yang akan melanda negara kita melalui interactive TV dan mobile phone. Menurut satu laporan dalam *Far Eastern Economic Review*, 24 Febuari 2000, saya bacakan di sini dengan izin, "*In December the company launch Maxis Net, it's Internet Service Provider. By March customers be able to use the mobile phones to serve the net, check bank balances and find out the winning numbers in Malaysia's ubiquitous four-digit draws and Maxis is promoting the service heavily even though Telekom currently hold more than 50% market share in Internet services.*" Penggunaan interactive TV dan mobile phone untuk judi ini.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Keghairahan manusia hendak berjudi ini macam-macam dia guna segala-galanya pendekatan yang antaranya seperti Yang Berhormat sebutkan tadi Tetapi ini adalah perkara yang sebagaimana saya kata ada penting dan pihak polis mesti dan diharapkan akan memberi apa juga kawalan dan memastikan yang ia tidak akan dilakukan.

Berkaitan dengan, ini pasal Gopala Krishnan saya dok tengah cakap tadi ini, saya sudah jawab kata pihak polis sedang siasat. Yang Berhormat juga ingin tahu apakah keputusan siasatan mengenai Report No. 20255/99 yang telah dibuat di Balai Polis Dang Wangi, untuk makluman Yang Berhormat perkara berkenaan adalah di bawah tindakan Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Seterusnya Yang Berhormat bagi Pokok Sena bertanya mengapakah Jabatan Pendaftaran Negara meluluskan pertukaran nama Islam setelah mereka menjadi murtad. Untuk makluman Yang Berhormat kad pengenalan yang diwajibkan bagi

mereka yang berumur 12 tahun ialah merupakan dokumen mengenai pengenalan bagi setiap orang. Dengan adanya kad pengenalan tersebut akan memudahkan lagi pihak awam dan swasta untuk mengenali identiti seseorang. Oleh yang demikian, mengikut Peraturan 14(1) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990, setiap orang yang mempunyai kad pengenalan hendaklah melaporkan kepada Jabatan Pendaftaran Negara yang terdekat jika orang tersebut menukar nama, memperoleh kewarganegaraan Malaysia ataupun dilucutkan taraf kewarganegaraannya dan ada dalam miliknya satu kad pengenalan yang mengandungi butir-butir selain daripada alamatnya yang ada yang pada pengetahuannya adalah tidak betul.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena juga tadi telah pun menimbulkan beberapa perkara yang berkaitan dengan masalah terdapat penerbitan hiburan yang melanggar syarat-syarat permit kod etika KDN, mempersoalkan pembatalan majalah KDN dan juga semasa permulaan tadi Yang Berhormat juga telah menimbulkan beberapa perkara yang berkaitan dengan Quran-Quran yang dijual di negara kita ini, terjemahan-terjemahan yang telah dibawa masuk dari negara-negara asing, negara-negara lain dan juga dari segi terjemahan yang kurang tepat, saya hendak minta kerjasama Yang Berhormat dalam hal ini. Kalau ada perkara yang khusus ataupun Yang Berhormat terjumpa naskhah-naskhah Quran yang tidak tepat dan tidak betul cepat-cepatlah beritahu kepada kita hendak hantar terus kepada saya pun boleh, saya akan serahkan kepada JAKIM untuk mereka buat siasatan dengan cepat sebelum naskhah-naskhah itu tersebar luas dan dibaca oleh orang-orang Islam kerana ini adalah satu kesalahan yang kita kena banteras cepat. Jadi, saya minta Yang Berhormat beritahu awal-awal dan janganlah tunggu sampai ada sesi perbahasan mengenai KDN barulah perkara ini hendak dibawa kerana perkara ini adalah satu kesalahan yang kita tidak mahu membenarkan.

Berkaitan dengan censorship, censorship memang adalah untuk semua filem, sama ada filem yang ditayangkan di pawagam ataupun yang ditayangkan ataupun yang disiarkan melalui televisyen-televisyen. Censorship memang dikenakan untuk semua dan ada kod-kod dan ada syarat-syarat dan panduan-panduan yang telah pun diguna pakai dan diikuti oleh mereka yang menganggotai panel penapisan filem ini dan anggota panel penapisan filem ini adalah terdiri daripada rakyat-rakyat Malaysia yang mewakili pelbagai bidang dan profesion termasuk juga mereka daripada Jabatan Agama Islam pun ada juga kerana mereka juga perlu mengambil peranan dalam hal

yang berkaitan dengan censorship kerana kita tidak mahu filem-filem yang disiarkan umpamanya, kalau dari segi agama yang berlawanan dengan akidah....

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:yang tidak boleh diterima dan ada juga, saya ingat Yang Berhormat tentu dapat ingat beberapa kali filem-filem yang tidak dapat disiarkan oleh sebab ia menggambarkan atau mengisahkan suatu yang bertentangan dengan ajaran agama kita.

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat. Saya hendak minta penjelasan sedikit mengenai Jabatan Pendaftaran sebentar tadi, kerana saya telah menerima aduan terutama sekali, masih ada pegawai-pegawai di Jabatan Pendaftaran yang mencatatkan rekod kelahiran di sijil kelahiran anak-anak yang bersalin di hospital, apabila tidak mendapat pengesahan daripada bapa kepada kanak-kanak tersebut, ditulisnya nama kanak-kanak itu dengan nama 'tidak bernama' bin sekian-sekianlah. Tidak bernama maksudnya, nanti saya jelaskan Yang Amat Berhormat.

Jadi, di surat beranak itu ataupun sijil kelahiran itu direkodkan 'tidak bernama' bin kalau bin Ahmad, bin Ahmadlah tetapi budak itu tidak bernama sehinggalah sukarnya budak itu hendak ambil periksa dan masuk sekolah pun mendapat malu daripada kawan-kawan dan susah hendak ambil periksa kerana tidak bernama.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, maknanya namanya ialah 'tidak bernama'.

Tuan Saupi bin Daud: Tidak bernama, jadi saya hendak minta penjelasan boleh tidak maknanya benda-benda macam ini ditukar, diubah, maknanya gunakan common sense, gunakan budi bicara bila mungkin, saya tahu kes ini bapa kepada kanak-kanak yang kecil itu tidak berada di rumah, jadi dia tidak sempat pergi buat surat beranak. Jadi hasilnya sampailah besar budak itu tidak bernama.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Itulah saya ingat tadi sengaja diberi nama budak itu 'tidak bernama,' tetapi ini kes yang cukup spesifik, ini satu perkara yang menghairankan saya, tidak boleh berlaku, macam mana kita mendaftarkan tanpa nama, melainkan kalaulah nama dia tu dia hendak panggil macam Ben atau apa-apakah, hendak beri style, Ben Bela dan sebagainya, walaupun maknanya 'anak bela' tetapi Melayu ini kadang-kadang dia guna macam-macam namalah yang sedap, dia fikir yang baik itu dia gunalah sama ada dia hendak panggil

Ben Ahmad sebagai nama sebenarnya Ben Ahmad itu anak Ahmad, tetapi pilihan seorang bapa untuk menamakan anak itu dengan nama pilihan dia, tidak dipersoalkan oleh Jabatan Pendaftaran Awam kerana itu hak dia tetapi ini cukup spesifik beritahu kepada sayalah siapa yang berkenaan dan suruhlah bapa pergi ambil sumpah tukarlah beri nama lain yang elok-elok sedikit beri kepada anak dia, itulah yang sebaik-baiknya.

Tuan Saupi bin Daud: Yang Amat Berhormat mungkin kurang faham dengan pernyataan saya tadi, bukan bapa dia yang beri nama 'tidak bernama' tadi, pihak yang mengeluarkan siji l kelahiran apabila tidak mendapat pengesahan daripada bapa kepada kanak-kanak tersebut maka dimasukkan nama kanak-kanak itu 'tidak bernama'. Jadi, sekarang ini budak itu menduduki peperiksaan, jadi dia malulah bila di atas meja dia tulis 'Tidak Bernama bin Razak'.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya hairan macam mana kejadian ini berlaku tentu ada seseorang yang telah membuat laporan, manalah pihak Jabatan Pendaftaran akan tahu, tentulah ada seseorang yang membuat laporan tentang perkara ini maka pendaftaran itu dilakukan. Itu yang penting, tetapi kalau ada, ini satu kesilapan, saya bukanlah satu kebiasaan bagi Jabatan Pendaftaran Negara hendak bertindak seperti ini dan ini adalah satu perkara yang cukup spesifik dan saya minta Yang Berhormat tulis kepada saya biarlah kita betulkan.

Tuan Pengerusi: Pendang bangun pula.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Tuan Pengerusi, dan terima kasih Yang Amat Berhormat sekali lagi, saya ingin mendapat penjelasan juga mengenai kad pengenalan, mengenai dengan agama kerana menjelang pilihan raya yang lalu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat pengumuman bahawa agama akan dimasukkan dalam kad pengenalan dan kita memanglah, itu pun merupakan salah satu daripada permintaan kita. Saya telah diadakan oleh seorang pemegang kad pengenalan yang baru dia perolehi daripada Kulim Bandar Baru Dalam kad pengenalannya itu ditulis tentang agama, dia seorang Melayu Islam tetapi ditulis 'tiada beragama'.

Jadi, dia telah meminta pendapat saya bagaimana dia hendak buat perkara ini. Saya kata kena buat laporan polislah kerana dia sudah tentulah akan menimbulkan banyak kesulitan kalau dicatat dalam kad pengenalannya itu, dia tiada agama. Bagaimana kalau berlaku accident dan sebagainya dan menyebabkan kematian tentu

akan menimbulkan banyak kesulitan. Jadi, dia telah memberitahu kepada saya dia hendak mendapatkan pandangan saya, saya katakan kepada pihak yang memberitahu kepada saya itu supaya membuat laporan polis. Adakah perkara seperti ini ada dalam pengetahuan kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Perkara itu tidak payahlah dilaporkan kepada polis tetapi kalau kes-kes yang macam itu silakan beritahu sahajalah, bukan satu perkara yang susah kita hendak ambil tindakan dan saya harap orang yang berkenaan itu walaupun namanya nama Islam tidak pula menganggap dia itu sebagai atheist maka bila ditanya dia tidak mahu, dia kata tidak ada agama mungkin begitu, sebabnya pihak pendaftaran tidak boleh mengada-adakan maklumat yang ikut sesuka dia, semua ini diberi atas keterangan dan maklumat yang diberikan oleh pihak yang mahukan pendaftaran namanya dan maklumat-maklumat yang lain dimasukkan dalam borang sebelum sesuatu dokumen yang lain dikeluarkan dan kahu berlaku salah dan silap maka itu boleh diperbetulkan, ini bukan satu dasar yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Salah dan silap mungkin berlaku dan saya tidak kata salah dan silap ini tidak boleh diperbaiki, dibetulkan. Lebih baik jika sekiranya Yang Berhormat terus beritahu saya awal-awal lagi supaya pihak yang berkenaan tidak menderita apabila dokumennya kata dia tidak beragama sedangkan dia beragama Islam, it is not the problem, dengan izin.

Tuan Pengerusi saya hendak.....

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ada beberapa perkara saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat tadi.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Mesti dengan perkara yang berkaitan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, yang saya bangkit tadi. Pertama, saya hendak bangkitkan tentang masalah pertukaran nama daripada Islam kepada bukan Islam itu. Cuma saya hendak perelaskan bahawa apa yang saya bangkitkan hari itu ialah saya minta supaya peruntukan yang sedia ada itu ada kawalan ataupun tidak diguna pakai ke atas orang Islam sehingga begitu mudah untuk orang Islam ini, dia menukar nama daripada Islam kepada bukan Islam dan ini yang menjadi masalah yang pernah saya bangkitkan di peringkat Jabatan Perdana Menteri tempoh hari berkenaan dengan bagaimana rungutan daripada Jabatan Pendaftaran Negara kepada

Pusat Islam dan sebagainya yang menyulitkan keadaan ini sehingga memaksa pihak Jabatan Pendaftaran Negara meluluskan sebab ada waktu ketika yang Jabatan Pendaftaran Negara sama ada melewati permohonan tukar nama daripada Islam kepada bukan Islam ataupun enggan tetapi apabila diambil perintah mahkamah, mahkamah memerintahkan supaya Jabatan Pendaftaran Negara itu meluluskan permohonan tersebut dan ini mendatangkan keadaan suasana yang tidak baik kepada perkembangan maruah dan akidah umat Islam. Itu yang saya minta penjelasan.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Jabatan Pendaftaran, dia hanya merekodkan apa yang diberi kepada dia dalam hal yang berkaitan dengan pendaftaran mengikut kehendak seseorang itu. Mungkin seseorang itu Islam tetapi kalau nama dia Railey Jeffry, orang kata mungkin Railey Jeffry itu bukan Islam tetapi dia itu seorang Muslim. Itu bekas Timbalan Menteri kitalah. Jadi, mungkin pada nama setengah orang mahu supaya nama itu “diArabkan” kerana menunjukkan dialah orang Islam. Tetapi ada juga nama Awang bin Damit tetapi dia Islam, boleh jadi dia bukan Islam juga.

Jadi, nama ini adalah sebenarnya pilihan seseorang itu yang mahu namanya, nama yang tertentu, yang itu kita faham. Kalau ada isu yang berkaitan yang bersabit dengan hal-hal yang berkaitan dengan mahkamah dan kalau mahkamah beri perintah, maka kita ikut apa yang diperintahkan oleh mahkamah. Yang keduanya, kalau dia ada hubung kait dengan hal-hal yang berkaitan dengan melibatkan Jabatan Agama Islam daripada segi yang murtad case, ini bukanlah sesuatu yang di bawah tanggungjawab Jabatan Pendaftaran Awam untuk menyelesaikannya. Itu bukan, itu di luar bidang kita.

Sebagaimana saya kata, kita hanya bertugas merekod dan mencatat apa yang disampaikan kepadanya untuk tujuan mengeluarkan antaranya ialah identity card (kad pengenalan) ataupun hendak mengeluarkan surat lahir, surat beranak dan sebagainya. Jadi, kita bergantung kepada maklumat dan biasanya kita tidak boleh mempersoalkan. Kalau dia sudah tahu, pak cik itu kata dia hendak beri nama anak dia Kuala Ketil, takkan kita nak kata “Apa beri nama Kuala Ketil ni, tak ada kah nama yang elok?” Itu bukan menjadi tugas untuk mempersoalkan apa yang diputuskan oleh pihak yang melaporkan untuk maklumat yang didaftarkan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Banyak sikit hendak tanya ni pasal lama tak mai. Yang saya bangkitkan tadi ialah

saya ada rekod 795 orang, angka yang berakhir pada tahun 1997 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara yang memperakui bahawa angka tersebut ialah angka menunjukkan bahawa orang Islam tukar nama daripada nama Islam kepada bukan Islam dan direkod di situ adalah murtad. Ini masalah dia.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Dalam kad pengenalan?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tak, bukan, bukan, ini rekod tukar nama, bukan la gi tukar nama daripada yang tidak elok kepada yang elok tetapi nama daripada Islam yang sudah elok itu kepada bukan Islam dan mereka hanya perlu menggunakan Borang JPN 5/1 dengan setem pelekat RM2, satu akuan berkanun (akuan sumpah yang mengatakan bahawa mereka tukar nama daripada Islam kepada bukan Islam), satu salinan fotostat kad pengenalan, permohonan sijil dan sijil kelahiran, satu salinan dokumen sokongan mengenai sebab-sebab pertukaran nama.

Ini yang berlaku dan diperakui oleh Jabatan Pendaftaran Negara, mereka menghadapi kesulitan dalam masalah ini. Dan ada satu peraturan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara perlu mendapat *recommendation* daripada Pusat Islam ataupun Jabatan Agama Islam tetapi selalunya diberitahu oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Pusat Islam dan Jabatan Agama Islam kebanyakan mendiamkan diri dan mereka tidak ada upaya lain melainkan terpaksa meluluskan sebab apabila dibuat perintah mahkamah, mereka kena buat. Ini masalah yang berlaku.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Apa yang berlaku, itu saya katakan tadi yang perintah mahkamah itu penting yang kita tidak abaikan. Yang keduanya ialah hal yang berkaitan, yang bersabit dengan Jabatan Agama Islam yang tidak memberi apa-apa jawapan kepada kes-kes yang spesifik yang ditanyakan itu, ini adalah dalam bidang kuasa Jabatan Agama Islam dan saya tidak hendak mempersoalkan perkara ini pada waktu ini. Tetapi mungkin ada sebab-sebab mereka sendiri dan saya tidaklah hendak memberi jawapan bagi pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali, Ahli Yang Berhormat bagi Pulau telah pun menimbulkan perkara ...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat, ada soalan saya tadi Yang Berhormat tidak jawab.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Yang mana?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Berkenaan dengan majalah-majalah hiburan tadi ini.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Mana majalah hiburan?
[Bertanya kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Zainal Abidin bin Zin)]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang tidak ikut kod etika tu.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Oh, ini pasal *Detik* ni?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pasal *Detik* dan juga majalah hiburan yang melanggar syarat.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Yang melanggar syarat, kita ambil tindakan. Terima kasih kalau beritahu ada yang melanggar syarat, yang tidak ikut syarat, kita ambil tindakan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya dapati sekarang ini Yang Amat Berhormat, berlambak-lambak di pasaran sekarang ini, majalah-majalah itu tidak mengikut syarat. Walaupun satu ketika dulu saya pernah ke Kementerian Dalam Negeri, memberi kepada Dato' Megat tetapi sehingga sekarang didapati bahawa majalah-majalah seperti yang saya sebut majalah *Hai*, majalah *Mangga* dan sebagainya yang tidak mengikut kod etika tersebut.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya minta Yang Berhormat tolong kutip majalah ini, yang keluar sekarang inilah, bagi pada saya, saya ambil tindakan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Begini Yang Berhormat, saya rasa.....

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tak begini, pasal apa

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jawapan tersebut adalah tidak wajar.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Begini, begini

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sepatutnya ada *enforcement* daripada pihak kementerian.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ada *enforcement*. Ada kadang-kadang kita terlupa. Kalau kita semua ada, tidak payahlah kita timbul perkara ini. Apa salahnya kalau saya minta Yang Berhormat beri kerjasama.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya sudah beritahu, saya sudah senaraikan dalam ucapan saya hari itu, senarai nama-nama majalah. Jadi, saya harap pihak kementerianlah. Takkanlah saya pula kerja, baik saya jadi menteri.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tak, tak. Nak jadi menteri tak apalah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kita tukarlah lepas itu. [Ketawa]

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tak apalah. Kerjalah bagi tukar. Bukan susah sangat. Bukan ada halangan kalau kerja nak ditukar.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ha, kalau Yang Berhormat suruh saya kerja, lebih baik berhenti saja sebab saya sudah baca senarai dan saya percaya Timbalan Menteri, dua orang Timbalan Menteri sudah pun mencatat dan bukan sahaja dalam persoalan itu, saya hendak bangkit juga satu lagi ialah berkenaan dengan KDN, Yang Berhormat. Saya minta penjelasan Yang Berhormat

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Timbalan Menteri saya kata, telah ambil maklumat dan akan menyusuli mengenai kes-kes yang spesifik yang telah ditimbulkan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Satu lagi, berkenaan dengan akhbar *Tina Morusu*. [Menunjukkan akhbar *Tina Morusu*] Saya hendak minta penjelasan, apakah akhbar *Tina Morusu* ini, akhbar yang mempunyai permit KDN?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kalau tidak ada permit, tidak boleh keluar. Kalau dia keluar, kita akan rampas dan kita akan ambil tindakan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya ada naskhah. Saya tidak tahu bagaimana dia punya prosedur itu, naskhah 30.3.2000 tetapi kalau dilihat kepada KDN ini, *Tina Morusu* saya pun tidak faham apa dia tulis ini.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ha, jangan pula bagi maklumat tidak betul. Yang Berhormat tidak faham, saya pun tidak faham.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Hak yang dalam bahasa ini, PP5987/1/98, sedangkan kalau saya faham bahawa itu merupakan permit atau KDN 98 lah dan saya difahamkan permit ini tamat tempoh tahun 1999, kalau tidak silap ingatan saya. Tetapi dia masih lagi diedarkan 30.3.2000, ada gambar Menteri Kerja Raya. Saya tidak tahulah, kot memang dibenarkan wala upun tidak ada permit tetapi *Harakah* tidak ada permit diambil tindakan. *Harakah* yang ada permit, dikurangkan.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kalau dia dikeluarkan, tentu ada permit. Yang Berhormat tidak boleh membuat satu andaian dan saya tidak boleh memberi jawapan kepada andaian yang telah diberikan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Menyampuk]

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kalau spesifik, kalau Yang Berhormat memang tahu benar-benar

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Itu saya minta penjelasan sebab saya dok faham selalu apabila KDN ini disebut kalau tahun itu, sudah tentu kalau 1999, 1999. Kalau 2000, 2000 tetapi di sini dia masih memakai – ini naskhah 30.3.2000 tetapi permit itu masih memakai permit 1998. Tak tahulah kot-kot ada lima tahun sekali. Ha, kalau di *Berita Harian* ini [*Menunjukkan akhbar Berita Harian*] dia tulis 2000. Tak tahulah kot kementerian ada prosedur baru, lima tahun sekali, permit lulus. Pakai ‘godok’ lagu tu aja.

Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tak usahlah cakap macam perlu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Ketawa*] Tak perlu, ini cuma sebut sahaja, ini perbezaan - ini *Berita Harian* 2000 [*menunjukkan akhbar Berita Harian*], ini 1998 [*menunjukkan akhbar Tina Morusu*] tetapi edaran yang saya lihat 30.3.2000.

Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sat lagi keluar, saya ambil.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ha, boleh. Saya baik dengan dia. Biasalah kita.

Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Terima kasih. Jadi, akhir sekali, Yang Berhormat bagi Pulau telah pun menimbulkan perkara yang berkaitan dengan pusat serenti, saya ucap terima kasih kerana telah mengambil perhatian kepada hal-hal yang berkaitan dengan pusat serenti yang sempit, yang tidak besar untuk menempatkan mereka yang ditahan iaitu

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: [*Bangun*]

Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: yang bersabit dengan penyalahgunaan dadah dan mahu supaya juga tahap kawalan barang-barang yang ada yang telah ditimbulkan dan telah disebut, disenaraikan oleh Yang Berhormat tadi itu supaya juga diberi perhatian dan juga ADK memberi latihan khusus kepada pengawal keselamatan

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Laluan.

Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: yang bertaraf polis bantuan supaya mereka lebih cekap dalam tugas-tugasnya – satu saranan yang saya terima baik dan juga dicadangkan supaya pagar yang reput iaitu berkaitan dengan pusat serenti di Pulau, di kawasan itu saya akan membuat lawatan supaya pusat itu dapat diperbaiki dan dengan itu boleh digunakan untuk tujuan sebagaimana yang telah ditetapkan bagi sesebuah pusat serenti.

Tuan Pengerusi: Ya, Yan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Sedikit sahaja Yang Amat Berhormat, tentang pusat serenti. Saya dua kali dapat masuk ke dalam Penjara Pulau Pinang dan Penjara Kajang dan juga kepada beberapa buah pusat serenti. Yang malangnya pusat serenti ini, seperti mana sedia maklumlah, penghuninya ramai orang Melayu yang orang Islam tetapi ketika berada di pusat serenti ini, benda-benda asas yang berkaitan dengan hukum agama tidak langsung diberikan perhatian, antaranya adalah penghuni pusat serenti semuanya kena pakai seluar pendek.

Jadi, ini melibatkan maruah dan hukum. Begitu juga yang berada di penjara, mereka diminta untuk memakai seluar pendek. Jikalau benda ini boleh diberikan perhatian, benda yang *basic* tentang aurat.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Daripada segi didikan agama dan ceramah-ceramah agama memang diberi. Ini menjadi satu kegiatan yang sentiasa dijalankan di pusat serenti khususnya bagi penghuni-penghuni pusat serenti yang beragama Islam.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sebenarnya saya sudah habis dah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ada, pusat serenti, minta yang akhir.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya akhir dah, habis dah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Lama-lama sekalilah. Yang Amat Berhormat, berkenaan dengan proses pemulihan penagih-penagih dadah ini. Kita lihat bahawa seperti yang pernah disebut bahawa 70% daripada mereka yang keluar daripada pusat serenti ini akan menagih semula. Seolah-olah menunjukkan bahawa program itu agak kurang berkesan dan saya dilaporkan bahawa kadang-kadang program yang ada di dalam itu lebih menjurus kepada menghukum mereka. Menghukum mereka, jadi seolah-olah mereka rasa tertekan walaupun tidak nampak sangat menghukum tetapi mereka merasa tertekan.

Sebab itu saya ingin mendapat penjelasan walaupun tidak dapat hari ini, tetapi secara bertulis, apakah bentuk-bentuk program merawat mereka? Sebab bagi saya ialah mereka ini penting kepada untuk dirawat bukan dihukum sebab mereka ini bukan hanya dilihat sebagai pesalah tetapi harus dilihat sebagai pesakit. Tetapi apabila mereka dilihat sebagai pesalah akhirnya pendekatan itu lebih banyak kepada

menghukum. Apabila menghukum, sebab itu keberkesanan daripada program itu, dia keluar dia akan menagih semula walaupun ada golongan profesional yang terlibat dalam penagihan dadah itu, dia masuk, dia keluar, akhirnya dia sambung balik. Sebab itu, saya dilaporkan oleh beberapa orang daripada mereka itu terdapat bentuk-bentuk yang agak berbeza dari sudut merawat dan menghukum ini.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Memang tempat itu adalah untuk rawatan, bukanlah tempat hukuman. Kalau setakat hukum pun, dia dimasukkan di pusat serenti untuk tujuan rawatan. Dan memang ada yang dah keluar, patah balik tetapi bukanlah 70%, patah balik memang ada.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: 70%, kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri kelmarin, dalam surat khabar. Sewaktu penyerahan tugas daripada Dato' Megat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Bukan saya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Betul.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Jangan silap.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *Berita Harian*.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Itu Dato' Megat cakap, bukan saya cakap.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya difahamkan bahawa laporan itu ialah kenyataan Timbalan Menteri bahawa 70% penagihan semula berlaku ke atas mereka yang dirawat keluar daripada pusat.

Tuan Pengerusi: Cukuplah tu, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tak baca surat khabarkah?

Tuan Pengerusi: Tak apalah, 70%.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tak apalah. Jadi, Yang Berhormat kata surat khabar tak betul. Terima kasihlah.

Tuan Pengerusi: Baik. Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Confirm *Berita Harian* tidak betul.

[Ketawa]

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tak apalah, jadi kita beri rawatan tetapi kalau ada yang semasa dalam pusat serenti, melakukan apa-apa kesalahan daripada segi disiplin dan sebagainya, maka hukuman tentu ada daripada segi itu. Bukan tidak ada hukum. Ada hukum dan denda mungkin macam-macam lagilah, mereka yang tidak mengikut peraturan-peraturan dan kegiatan-kegiatan yang

telah pun diadakan di pusat serenti itu. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sekian jawapan saya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM143,965,400 bagi Maksud B.35; RM1,868,784,600 bagi Maksud B.36; RM235,907,400 bagi Maksud B.37; RM7,280,000 bagi Maksud B.38; RM90,897,000 bagi Maksud B.39; RM176,717,300 bagi Maksud B.40; dan RM10,425,000 bagi Maksud B.41 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sejumlah RM143,965,400 bagi Maksud B.35; RM1,868,784,600 bagi Maksud B.36; RM235,907,400 bagi Maksud B.37; RM7,280,000 bagi Maksud B.38; RM90,897,000 bagi Maksud B.39; RM176,717,300 bagi Maksud B.40; dan RM10,425,000 bagi Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM52,288,210 bagi Maksud P.35; RM321,240,000 bagi Maksud P.36; RM116,569,070 bagi Maksud P.37; RM210,059,500 bagi Maksud P.39 dan RM167,198,010 bagi Maksud P.40 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM52,288,210 bagi Maksud P.35; RM321,240,000 bagi Maksud P.36; RM116,569,070 bagi Maksud P.37; RM210,059,500 bagi Maksud P.39 dan RM167,198,010 bagi Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.42 [Jadual] –
Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan 2000] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.42 dan Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Tambun.

2.33 ptg.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Pengerusi, di bawah Butiran Hal Ehwal Orang Asli. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan di bawah rancangan pembangunan sosio-ekonomi, saya dapat melihat kedudukan Orang Asli di tempat-tempat tertentu telah bertambah tinggi dari segi kedudukan sosio-ekonomi mereka. Mereka mendapat rumah kediaman yang lebih baik, infrastruktur dalam bentuk jalan dan bekalan elektrik serta projek-projek ekonomi, malah dalam beberapa projek ekonomi melibatkan pertanian dalam bentuk getah dan kelapa sawit. Ada tempat-tempat di mana masyarakat tempatan bekerja dengan Orang Asli, bermakna Orang Asli telah mencapai tahap pembangunan sosio-ekonomi yang lebih tinggi daripada dahulu. Dari segi bekalan elektrik, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan adanya bekalan elektrik, Orang Asli sudah dapat menikmati kemudahan televisyen dan saya percaya bahawa televisyen mempunyai peranan yang besar terutama untuk membuka minda mereka supaya mereka dapat menjadi golongan mainstream pada masa akan datang.

Saya ingin menyentuh dua perkara sahaja. Pertama mengenai rasa concerns saya tentang masa hadapan Orang Asli dari segi kerajaan di manakah kerajaan hendak meletak Orang Asli

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Larut minta penjelasan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta Yang Berhormat bagi Tambun, kalau boleh memang adakah Orang Asli ini di kawasan Tambun ini. Sebab yang saya tahu Orang Asli di Perak terutamanya kebanyakannya di Sungai Siput, di sebelah Tapah. Jadi, hendak tahu jugalah kalau ada Orang Asli di sebelah Tambun ini. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di kawasan saya ada lebih kurang 300 penghuni Orang Asli, jikalau dikalikan dengan 6 bermakna ada lebih kurang....berapa?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 6x3, 1,800 ya.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: 1,800 orang Orang Asli. 1,800 orang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Matematik saya bagus.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Jadi, saya ada authoritylah bercakap tentang Orang Asli ini. Terima kasih. Concerns saya tentang masa hadapan Orang Asli. Jikalau kita lihat dari segi mainstream dalam tempoh 20 tahun pada tahun 2020 di manakah kita hendak meletakkan Orang Asli ini. Adakah pembangunan yang kita lakukan sekarang di kawasan-kawasan pedalaman yang diduduki oleh Orang Asli ini akan menjadi kawasan yang begitu terpisah dengan kawasan pembangunan mainstream ataupun kita mempunyai perancangan pada masa akan datang. Sekarang kita bangunkan kawasan Orang Asli, perhubungan jalan raya akan dibuat. Kawasan Orang Asli ini juga akan menjadi kawasan perbandaran. Maksud saya perbandaran, dari segi definisi perbandaran negara kita di mana sekelompok beberapa puluh ribu penduduk dikira sebagai satu kawasan perbandaran. Bila mana pada tahun 2020 kita jangka lebih kurang 60% hingga 70% penduduk akan menjadi penduduk kawasan perbandaran. Jadi, persoalan saya di manakah kedudukan Orang Asli pada masa itu.

Kedua, mengenai dengan soal pendidikan dan teknologi. Kita telah menerima hakikat bahawa pada masa akan datang yang akan menentukan sesuatu bangsa dapat menikmati kedudukan yang lebih baik adalah berasas kepada penguasaan ilmu dan teknologi. Dalam penelitian saya, Orang Asli tidak begitu berprestasi dalam bidang pendidikan. Di beberapa sekolah di kawasan tempat saya, saya dapati kebanyakan mereka yang lari sekolah, yang tidak lulus memang sudah menjadi satu kebiasaan kepada mereka dan ada sekolah residential pun tidak begitu berprestasi tinggi. Saya dapati bahawa minat mereka terhadap pendidikan tidak begitu tinggi. Mungkin oleh kerana suasana kawasan mereka duduk, yang ada hutan, ada sungai, tempat untuk mereka bermain-main dan generasi yang sebelum ataupun generasi yang sudah lepas sekolah mengamalkan hidup yang begitu relaks dalam suasana tersebut mungkin

mempengaruhi anak-anak ataupun mereka yang bersekolah menjadikan mereka tidak begitu berminat untuk bersekolah. Saya ingin mendapat pandangan daripada kementerian apakah cara-cara yang patut dilakukan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ataupun kementerian ini dalam memastikan prestasi anak-anak Orang Asli dalam konteks untuk memastikan pada masa akan datang mereka akan berada dalam mainstream.

Saya berpendapat juga bahawa tidakkah boleh anak-anak Orang Asli yang berjaya di negara ni diletakkan di dalam jabatan ini sebagai role-model kepada Orang-orang Asli. Tentulah ada juga beberapa orang yang berjaya ke universiti, ke sekolah menengah ataupun lulus Tingkatan Lima. Walaupun dia lulus Tingkatan Lima tidak layak untuk jawatan-jawatan yang lebih tinggi, mereka boleh dilatih secara khas untuk menduduki jawatan-jawatan yang lebih tinggi dalam jabatan ini kerana saya rasa Orang Asli lebih bersesuaian untuk menjadi pemimpin untuk membangunkan masyarakat mereka sendiri, jika dibandingkan dengan, katalah daripada kaum lain untuk membangunkan mereka.

Ketiga, saya ingin menyentuh mengenai dengan Orang Asli yang beragama Islam. Saya dapati bahawa kursus-kursus untuk meningkatkan kefahaman Islam di kalangan Orang Asli ini tidak banyak dilakukan. Kalaupun ada guru-guru yang bukan benar-benar berkualiti tinggi, makna guru-guru yang sudah dianggap yang kurang hebat yang akan dihantar ke kawasan Orang Asli. Kemudian jadual kursus-kursus agama tidak banyak dan kadangkala tidak mengikut jadual. Di samping itu, tidak ada kitab-kitab. Saya pergi ke surau-surau Orang Asli tidak ada kitab-kitab untuk mereka membaca. Saya ada mengikuti kelas pengajian Orang Asli, saya dapati pada peringkat ini setelah mereka lama memeluk agama Islam, mereka masih lagi membaca Juz Amma bagi orang-orang yang sepatutnya kita tahu sudah ke peringkat yang lebih tinggi, sehinggakan hendak cari imam di kalangan Orang Asli juga agak sukar, walaupun kerajaan ada menghantar satu, dua orang daripada satu-satu kawasan pergi umrah tetapi mereka tidak ada confidence untuk memimpin Orang-orang Asli dari segi bidang agama ini. Saya berharap kerajaan dapat melihat kepada perkara ini, saya anggap perkara ini amat penting untuk mereka.

Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan Butiran Hubungan Kaum di bawah Perpaduan Negara. Negara kita unik kerana kita mempunyai pelbagai kaum dan setiap kaum ini mempunyai bilangan yang besar. Ia berbeza dengan negara lain

yang dia ada satu kaum yang besar sampai 80%, 90% dan ia ada minority group dalam 10%, 20%. Di sini boleh dikatakan bangsa-bangsa, kaum-kaum yang besar ini adalah merupakan major race di negara kita. Daripada perbincangan-perbincangan di Parlimen ini, saya merasa agak bimbang melihat kecenderungan akhirnya hubungan kaum ini akan rosak disebabkan, saya dapati, ada pendapat-pendapat di mana apa yang dilakukan oleh kaum lain yang dibolehkan oleh budaya mereka, yang tidak boleh dibolehkan oleh budaya kaum lain ini yang tidak dipersetujui oleh kaum lain.

Saya berharap kerajaan dapat membuat satu kajian mendalam, umpamanya dari segi minuman keras. Bagaimanakah statusnya di negara kita ini, bolehkah atau tidak? Pada fahaman saya dalam sebuah negara Islam, yang bukan Islam boleh minum minuman keras tetapi bagaimana di negara kita kerana ada di kalangan umat Islam yang begitu mempertikaikan tentang minuman keras seolah-olah di negara kita sudah tidak boleh minum minuman keras dan ini tentunya akan menjejaskan hubungan di antara kaum. Ada lagi perkara-perkara yang sensitif kepada satu agama yang tidak sensitif ataupun diamalkan oleh agama lain yang sudah menjadi isu yang sering didebat dan juga dipertikaikan supaya jangan dilaksanakan.

Saya anggap pada peringkat ini, hubungan kaum di negara kita masih lagi baik, Tuan Pengerusi. Kita belum lagi ke peringkat terjejas sampai kepada peringkat negara-negara lain berlaku pembunuhan dan sebagainya. Jadi, pada peringkat ini ebk kita buat study dari segi perkara-perkara yang sensitif kita senaraikan apakah perkara-perkara yang sensitif dari segi agama Islam macam mana, bukan agama Islam macam mana dan kita membuat satu keputusan yang mana boleh, yang mana tidak boleh, supaya semua kaum dapat hidup secara harmoni di negara ini kerana kita perlu menerima hakikat kalau kita hendak melihat Malaysia sebuah negara yang berdaulat pada masa akan datang, sebuah negara yang maju, hakikat kita mempunyai kaum yang pelbagai ini mesti kita te rima. Keharmonian kaum ini menjadi asas kepada masa hadapan negara kita dan ini mesti dipertahankan. Jadi, dari segi sosiologinya, mana-mana yang dianggap sensitif ini harus kita selesaikan pada masa kita sedang aman ini. Kalau masa kita sudah berga duh teruk antara kaum, barulah kita hendak mengkaji, kemudian hendak diketengahkan kepada masyarakat, pada masa itu saya rasa kita sudah terlambat. Jadi, saya berharap pada masa inilah ini dilakukan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka, minta penjelasan.

Tuan Kerk Kim Hock: Ya, terima kasih. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tambun bahawa keharmonian kaum itu memang begitu penting bagi negara kita dan kita begitu bernasib baik bahawa berbilang kaum di Malaysia dapat hidup dengan begitu aman tetapi selalunya kontroversi yang akan menjejaskan perpaduan kaum ialah oleh kerana cetusan isu-isu politik seperti isu Astro, di mana orang mempertikaikan kesetiaan satu kaum lain. Dan kadang-kadang ia adalah kerana pentadbiran yang tidak baik yang dilakukan oleh segelintir pegawai seperti apa yang berlaku di UTM di mana Pameran Tahun Baru Cina itu dinasihatkan untuk dilambat-lambatkan. Mana kita boleh lambatkan Pameran Tahun Baru Cina enam bulan kemudian. Jadi sebenarnya maksud saya ialah kalau kita hendak betul-betul jalinkan satu hubungan yang baik di antara semua kaum, parti-parti politik, pemimpin politik haruslah begitu sensitif terhadap isu-isu sedemikian yang saya katakan. Adakah Yang Berhormat bersetuju?.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya lihat dalam negara kita kepimpinan negara diberi oleh parti-parti politik. Tentunya parti politik memainkan peranan penting dalam soal ini. Malahan konsep Barisan Nasional diwujudkan atas dasar kita memahami bahawa negara ini mempunyai kaum-kaum yang besar itu sebabnya bahawa Barisan Nasional diwujudkan supaya persefahaman kaum ini dapat dilakukan. Bermakna bahawa asas-asas kepada perpaduan kaum ini sudah ada, sudah diwujudkan melalui konsep Barisan Nasional dan juga dasar-dasar yang dilakukan oleh kerajaan telah pun kita nampak hasilnya iaitu yang kita nikmati sehingga sekarang, satu fasa di mana kita telah mencapai satu keharmonian dan perpaduan kaum yang begitu baik. Yang saya bimbang apabila kita hendak ke hadapan, akan datang ini, masalah akan lebih kompleks lagi dalam semua bidang, dalam bidang agama, kompleks, dalam bidang ekonomi, bidang sosial. Jadi, daripada sekarang, pada masa kita dalam keadaan yang cukup harmoni perasaan cinta kasih antara kaum kita telah meningkat begitu tinggi, pada masa inilah kita harus berusaha, perkara-perkara yang kita anggap sensitif. Kita semua tahu, saya tahu, Tuan Pengerusi juga tahu, semua orang tahu, perkara-perkara yang sensitif ini dikaji dan kemudian dilihat dari segi perspektif agama, manakah yang diboleh, manakah yang tidak boleh supaya kita tidak membuat satu keputusan berdasarkan kepada pemikiran peribadi kita, itu yang akan merosakkan. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh butiran 020600 – Perundangan dan Advokasi

Tuan Pengerusi, banyak pertubuhan bukan kerajaan dan juga wanita parti-parti politik sudah lama berlobi untuk perubahan atau pinda undang-undang yang tidak memberi kedudukan atau hak yang sama kepada wanita, yang di antaranya telah diketengahkan oleh rakan saya Yang Berhormat Batu Gajah iaitu berkenaan dengan 1961, *Child Guardianship Act* dan juga Akta Imigrasi dan saya ingin tambahkan satu lagi iaitu, dengan izin, *Women and Girls Protection Act 1973*. Akta ini di antara lain, memberi kuasa kepada pegawai kebajikan masyarakat untuk menahan wanita yang di bawah 21 tahun yang dianggap oleh pegawai ini bahawa mereka berada dalam keadaan yang bahaya. Dalam keadaan bahaya ialah sekiranya pegawai ini percaya mereka dilatih atau diguna sebagai pelacur ataupun mereka selalunya di tempat-tempat seperti ini atau dianggap mereka menghadapi bahaya moral.

Tuan Pengerusi, yang pertama, umur di bawah 21 tahun ini adakah dipertikaikan kerana seorang budak kalau di bawah 18 dikatakan budak tetapi selepas 18 tahun dia dikira dewasa. Akta ini juga dipertikaikan kerana memberi kerajaan atau the state, satu moral authority di mana hanya wanita sahaja yang mesti dikawal dari segi moral tetapi lelaki yang tidak kira umurnya 12, 13, 14, 15, mereka boleh kunjung tempat-tempat yang dikatakan bahaya untuk gadis atau wanita, maka ini tidak memberi kedudukan yang sama kepada wanita.

Pertubuhan wanita juga mendapati bahawa akta ini telah disalah guna. Gadis-gadis yang di bawah 21 tahun yang bekerja di tempat-tempat seperti karaoke, *lounge*, mereka bekerja di sana tetapi ditahan dan mereka boleh ditahan selama 3 tahun sekiranya pegawai kebajikan masyarakat berpendapat itu adalah langkah yang munasabah. Selain daripada itu di bawah Akta Perlindungan dan Gadis, berhubung dengan *statutory rape*, dengan izin, seksyen 16(1)(i) di bawah *Women and Girls Protection Act 1973*, stated that, “*a person who has a canal knowledge with a female person under 16 years of age is punishable with imprisonment up to 5 years or a fine of up to RM10,000 or both.*”

Tetapi di bawah seksyen 375 of the Penal Code, dengan izin, *statutory rape is a serious crime punishable with imprisonment of at least 5 year up to a maximum of 20 years and shall be liable to whipping*. Maka sekiranya berlaku *statutory rape* iaitu seorang lelaki yang mengadakan perhubungan seks dengan gadis atau perempuan

yang di bawah 16 tahun, adakah dia akan dicharge di bawah Panel Code 375 ataupun di bawah *Women and Girls Protection Act*, itu adalah diputuskan oleh *Public Prosecutor Officer* dan kita telah dapat beberapa kes di mana perogol-perogol telah dicharge di bawah *Women and Girls Protection Act* dan mereka hanya didenda RM3,000 sahaja.

Ini adalah bercanggahan dengan akta ini di mana tujuannya ialah untuk melindungi mereka yang dieksploitasi dan bukan untuk memberi hukuman yang lebih ringan kepada perogol. Maka banyak pertubuhan wanita telah merayu supaya akta ini dimansuhkan kerana akta *Child Protection Act 1991* telah cukup untuk melindungi mereka yang di bawah umur. Dan berkenaan dengan hukuman terhadap ‘bapa ayam’ atau *pimp* di dalam *Women and Girls Protection Act* ini, kita perlu mengadakan di dalam Penal Code dan hukumannya patut diberatkan.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh 030400 – Perhubungan Kaum, yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tambun. Saya memang bersetuju bahawa pandangan Tambun itu adalah penting [*Disampuk*] Tadi Yang Berhormat Tambun telah berbahas dari segi agama dan budaya tetapi saya ingin memberi pandangan dari segi ekonomi dan dasar kerajaan. Saya berpendapat bahawa dasar kerajaan tentang kuota berdasarkan kaum atau bumiputera dan bukan bumiputera itu telah membahagikan rakyat dan itu telah memberi kesan yang negatif kepada perhubungan kaum.

Kita boleh nampak dari segi – saya bukan hendak cabar bahawa kita tidak beri

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Minta laluan.

Puan Chong Eng: Nanti saya habis ya tidak beri bantuan kepada bumiputera tetapi apa yang saya katakan di sini ialah kita jangan mengadakan dasar berdasarkan perkauman. Saya hendak cadangkan bahawa dasar ini diganti dengan sosial ekonomi status seseorang itu dan kita memberi bantuan kepada mereka yang perlu bantuan, tidak kira bumiputera atau bukan bumiputera. Itu yang saya maksudkan kerana sekiranya kita lihat dalam perhubungan di universiti. Di mana pelajar bumiputera dan bukan bumiputera, mereka kurang bercampur. Dan mengikut kajian, dasar bumiputera dan bukan bumiputera adalah unsur yang utama dan dalam sekolah pun, dalam sekolah

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau berdiri.

Puan Chong Eng: Okay.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Yang Berhormat kerana beri saya laluan. Tuan Pengerusi, saya dengar tadi Yang Berhormat berhujah mengenai dasar ekonomi baru yang memberikan satu target iaitu 30%, mungkin itu yang disebut pencapaian dan ada kuota-kuota yang ditentukan pada bumiputera dari segi ekonomi. Kalau kita melihat dari segi kajian ekonomi itu sendiri bahawa kaum bumiputera adalah jauh lebih ketinggalan dalam bidang ekonomi dan perbezaan pendapatan kaum dan juga kedudukan kaum bumiputera ini adalah sebenarnya merupakan satu perkara yang boleh menjejaskan masa depan negara sebagaimana berlaku 13 Mei. Kerana berlakunya 13 Mei timbul daripada rasa tidak puas hati di kalangan kaum-kaum yang ada di Malaysia dan salah satu dari unsurnya oleh kerana pendapatan yang berbeza. Saya rasa itu asas di mana pembahagian, pengagihan ekonomi itu diberikan penekanan kepada kaum bumiputera kerana kaum bumiputera jauh ketinggalan. Jika perkara ini terus dibiarkan ia akan menular dan menjadikan rasa tidak puas hati dan perpaduan kaum tidak akan dapat diwujudkan. Itu asas yang saya harap Yang Berhormat tentu tahulah ataupun Yang Berhormat tidak dapat maklumat itu sebenarnya. Terima kasih.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya memang tahu asasnya tetapi 30 tahun sudah berlalu dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun kadang-kadang ada mengatakan bumiputera tidak boleh selalu hendak mengharap kerajaan dan ini ada juga satu organisasi yang bernama TERAS yang mengatakan dasar ini, dasar bumiputera dan bukan bumiputera sekiranya dikaji dengan mendalam mungkin dia akan melambatkan kaum bumiputera.....

Tuan Wilfred Madius bin Tangau : *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan berdiri.

Puan Chong Eng:untuk membolehkan bersaing dengan kaum yang lain dalam jangka masa yang lebih pendek kalau sekiranya mereka tidak diberi bantuan selalu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Nanti, tidak ada masa.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis.

Tuan Wilfred Madius bin Tangau : Sedikit penjelasan.

Puan Chong Eng: Saya harap Yang Berhormat faham. Saya bukan katakan jangan beri bantuan kepada bumiputera. Yang saya katakan ialah kita mengadakan satu kajian untuk mengenal pasti apakah kesannya dasar bumiputera dan bukan bumiputera ini terhadap perhubungan di antara kaum supaya kita betul-betul menjaga keharmonian ini antara kaum di dalam negara ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat habis Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Setengah minit-setengah minit, ya. Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan mengenai Butiran 070300 dan 081700.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 700, ya.

Puan Chong Eng: Ya, 700 iaitu Bantuan Geran Tahunan Kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan dan Geran Tahunan Kepada NGO di bawah Kementerian.

Saya suka hati sekiranya saya boleh dapat tahu di antara dua-dua ini apa perbezaannya dan apakah pertubuhan-pertubuhan yang mendapat geran ini dan saya difahamkan bahawa pada tahun lepas di bawah HAWA terdapat banyak peruntukan yang tidak dapat dihabiskan dan pada akhir tiga bulan, pertubuhan-pertubuhan diminta supaya dapat menjalankan program-program supaya menghabiskan peruntukan ini.

Saya ingin tahu bagaimana peruntukan ini diberi kepada pertubuhan-pertubuhan, adakah ada satu jawatankuasa untuk meluluskan permohonan peruntukan ini dan mengapa pada tahun lepas peruntukan ini tidak dapat dihabiskan dan saya harap ini boleh diubah supaya kita ada perancangan yang lebih baik.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah ya.

Puan Chong Eng: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Subang.

3.02 ptg.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar [Subang]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berucap. Saya merujuk kepada isu Rukun Tetangga di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Maksud B.42 Butiran 030300.

Anggaran peruntukan kepada kementerian tersebut dalam Belanjawan 2000 telah meningkat bagi tahun 2000 sebanyak RM8.9 juta jika dibanding dengan

anggaran bagi tahun 1999 tetapi peruntukan untuk Rukun Tetangga bagi tahun 2000 dikurangkan sebanyak RM746,666 jika dibandingkan dengan anggaran bagi tahun 1999. Hakikat kekurangan peruntukan bagi Rukun Tetangga sangat merungsingkan kerana pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam Belanjawan yang sama telah meramalkan prestasi aktiviti bagi Rukun Tetangga yang lebih banyak bagi tahun 2000 berbanding dengan tahun 1999.

Tuan Pengerusi, didapati daripada maklumat anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 2000 bahawa kawasan Rukun Tetangga akan bertambah daripada 1,936 bagi tahun 1999 kepada 2,036 kawasan bagi tahun 2000. Bilangan kegiatan kejurangan juga dijangka akan bertambah daripada 15,000 aktiviti pada tahun 1999 kepada 16,000 aktiviti pada tahun 2000. Jumlah peserta yang terlibat pun akan meningkat daripada 1.8 juta orang kepada 2 juta orang. Bilangan kelas Tabika, bilangan kanak-kanak, bilangan guru-guru semuanya akan bertambah. Lihatlah muka surat 589 di buku itu.

Bagaimanakah pihak pentadbiran Rukun Tetangga dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut dengan berkesan dengan peruntukan yang telah dikurangkan. Soalan saya, bolehkah pihak kementerian berikan sedikit penjelasan kerana nampaknya peruntukan yang dicadangkan bercanggah dengan objektif yang ingin dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh satu lagi perkara yang berkaitan. Saya diberitahu peranan Rukun Tetangga kini telah ditukar daripada keselamatan kepada kejurangan. Saya bimbang kerana dalam kawasan Parlimen saya di dapati perubahan ini tidak mungkin selaras dengan kehendak rakyat jelata. Walaupun Subang merupakan kawasan perumahan bandar, ianya dikelilingi oleh kawasan perumahan yang sedang dibina. Kongsi-kongsi merata tempat berhampiran, mengandungi banyak elemen jenayah. Perangkaan jenayah tempatan pun bukti hakikat malang ini, oleh kerana penduduk di kawasan di Subang khasnya di USJ tidak dapat apa juga bantuan kewangan daripada Rukun Tetangga, mereka telah mewujudkan konsep *Neighborhood watch* iaitu pasukan keselamatan sukarela yang tidak banyak beza daripada konsep keselamatan Rukun Tetangga awa-awalnya.

Sebagai wakil rakyat, saya pun membantu usaha-usaha penduduk di kawasan ini dengan mendapatkan sumbangan daripada pihak korporat tempatan baru-baru ini. Dalam konteks ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada pihak

kementerian untuk menimbangkan memberi pengecualian cukai bagi sumbangan swasta yang memajukan aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Serdang dulu. Serdang dulu.

3.06 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh B.42 Butiran 050000 Hal Ehwal Orang Asli.

Saya memang sependapat dengan Yang Berhormat bagi Tambun berkaitan dengan cara mana untuk meningkatkan sosial ekonomi Orang Asli kerana di kawasan saya terdapat dua buah kampung Orang Asli.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa kementerian pernah mengatakan bahawa, satu program melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah wujud yang dipanggil Pelan Strategi Pembangunan Orang Asli pada tahun 1997 hingga 2005. Saya minta penjelasan, selepas tiga tahun telah dilaksanakan program ini prestasi untuk menaikkan atau meninggikan sosio-ekonomi Orang Asli tahap mana kerana sudah tiga tahun dilalui pelaksanaan program-program untuk pelbagai aspek termasuk kesihatan, kebudayaan, ekonomi, sosial dan pendidikan, maka apa jadinya selepas tiga tahun untuk memberi faedah kepada Orang Asli ini?

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya hendak sentuh berkaitan dengan kampung Orang Asli di kawasan saya. Saya pernah bertanya kepada pihak kementerian berkaitan dengan, apa sebab lambat untuk diwartakan melalui Kerajaan Negeri Selangor untuk diwartakan Kampung Orang Asli Sungai Rasau. Soalan ini telah dibangkitkan pada tahun 1997 dalam Dewan yang mulia ini. Pada ketika itu jawapan yang dikatakan oleh kerana permohonan untuk diwartakan Kampung Sungai Rasau, Batu 14 Puchong ini telah dikemukakan kepada pihak kerajaan. Maklumat yang diberi oleh pihak kementerian dikatakan tidak ada maklumat langsung berkaitan dengan 'diwartakan' ini untuk rizab Orang Asli.

Selepas tiga tahun ini, saya masih belum tahu apa sebabnya Kampung Orang Asli Sungai Rasau, Batu 14 Puchong ini masih..., apa sebab lambat untuk diwartakan, sama ada pihak kementerian telah mendapat maklumat secara langsung daripada pihak kerajaan dan sebab-sebab tidak akan diwartakan.

Tuan Pengerusi, Kampung Sungai Rasau, Batu 14 Puchong memang terletak di satu kawasan strategik, pembangunan yang begitu baik kerana kawasan Puchong

telah dibangun begitu pesat dan kawasan kampung Orang Asli terletak tidak jauh daripada Putrajaya,

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Dato' Yap Pian Hon:di tengah-tengah kawasan yang sedang membangun, maka apa rancangan atau program yang akan di

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian bangun Yang Berhormat. Hendak beri, dia minta penjelasan agaknya. Sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat, saya hendak tumpang tanya sedikit pasal Yang Berhormat kata Orang Asli ini terlibat dengan tapak Putrajaya. Berapakah pampasan yang diberikan kepada Orang Asli mengikut hektar tiap-tiap tapak yang mereka miliki di...., – tidak apa kalau Yang Berhormat tidak tahu. Yang Berhormat masukkan dalam ucapan itu.

Dato' Yap Pian Hon: Di Kampung Orang Asli Sungai Rasau terletak di Kompartmen 18, Hutan Simpan Air Hitam yang telah dipindah kawasan ini pada 40 tahun lebih dahulu. Sebenarnya, Orang Asli yang terletak di Puchong ini di Kampung Pulas, oleh kerana kawasan itu sentiasa dilanda banjir, dengan demikian kerajaan memang memberi pertolongan supaya pindah Orang Asli ke kawasan Kompartmen 18, Hutan Simpan Air Hitam sejak tahun 60-an. Mereka telah ditempatkan di atas tapak seluas 205 ekar.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kawasan yang terletak begitu strategik pembangunannya, apakah program yang telah dilakukan oleh Jabatan Orang Asli sepanjang masa ini? Saya rasa ini satu masalah yang sedang dihadapi oleh Orang Asli walaupun saya memang sentiasa mengemukakan perkara ini dengan pihak yang berkenaan tetapi masih belum ada satu matlamat dan sasaran yang tertentu untuk meninggikan lagi masyarakat Orang Asli.

Tuan Pengerusi, oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa tahun ini sebanyak RM30.9 juta disediakan untuk Orang Asli termasuk RM7 juta untuk bantuan persekolahan dan di samping itu 120 orang pelajar Orang Asli di IPTA tempatan bernilai RM300 akan diberi. Ini satu bantuan yang telah disampaikan kepada Orang Asli tetapi saya minta pandangan daripada pihak kementerian taraf pendidikan Orang Asli sehingga kini di tahap mana? Keciciran murid-murid Orang Asli, saya difahamkan begitu ramai, apa langkah kita ambil untuk

mengatasi keciciran murid-murid Orang Asli sepanjang masa di mana bantuan kerajaan begitu banyak wang yang diuntukkan.

Jadi, ini adalah satu perkara saya minta juga dapat diberitahu dan juga saya hendak mendapat tahu sosio ekonomi di Kampung Orang Asli Sungai Rasau ini perlu ditingkatkan setaraf dengan sebelah kawasan yang telah dimajukan.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini kerana kepentingan rakyat Orang Asli, penting kerana di sebelah kawasannya telah maju dengan begitu pesat, mereka ketinggalan, mundur dan akan jadikan satu masalah sosial, maka saya mintalah pandangan cara mana untuk atasi masalah sosial di kawasan Orang Asli yang begitu dekat dengan Putrajaya, dekat Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang yang tidak jauh daripada Shah Alam dan Petaling Jaya, Kuala Lumpur, maka itu satu pandangan penting untuk bagi satu rumusan demi kepentingan Orang Asli di kawasan saya ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Parit Buntar.

3.13 ptg.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020300 Perkaunselan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan kualiti perkhidmatan perkaunselan yang diberi kepada client.

Kita sedar bahawa khidmat kaunseling adalah begitu terhad di negara ini sama ada bagi penduduk bandar atau luar bandar yang begitu teruk dilanda oleh pembangunan, natijah-natijah pembangunan terutamanya bagi penduduk luar bandar itu. Khidmat kaunseling kekeluargaan umpamanya sangat-sangat diperlukan oleh kebanyakan keluarga di negara ini, malangnya tenaga mahir di bidang kaunseling yang boleh mengendalikan khidmat kaunseling sangat sedikit bilangannya.

Memang tidak dapat dinafikan tradisi kaunseling di Malaysia agak baru, namun begitu kita perlu memberi tenaga dan kekuatan kepada aktiviti kaunseling ini yang saya dapati semakin hari semakin relevan dalam masyarakat Malaysia yang semakin bergolak. Semakin kita membangun, semakin banyak natijah negatif yang tidak dijangka melanda masyarakat, institusi keluarga menjadi salah satu institusi masyarakat yang menerima kesan negatif langsung daripada program pembangunan. Institusi keluarga semakin lumpuh, semakin terdedah kepada bahaya ancaman dalam dan luar serta semakin tidak berupaya menghadapi cabaran kehidupan yang semakin

sengit. Kelayuan, kelesuan dan kerapuhan institusi keluarga tidak perlu dipersoalkan lagi.

Ini terbukti melalui semakin tingginya kadar perceraian, apa ertinya kita mendabik dada bahawa kita berjaya di dalam membangunkan negara sedangkan sebahagian anggota masyarakat wanita terutamanya telah dihimpit, terdesak dan hilang punca, helpless dalam meneruskan kehidupan.

Isu tuntutan nafkah yang tidak berkesudahan, gantung tidak bertali, tiada pembelaan, menjalani hidup tanpa pengarah, penderitaan dan air mata yang sering merundung mereka dan sebagainya adalah di antara kesan langsung perceraian yang memerlukan khidmat nasihat dan kaunseling.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, di akhir-akhir ini hampir setiap keluarga dilanda masalah demi masalah. Masalah anak-anak yang tidak minat belajar, masalah salah laku, masalah kederhakaan kepada ibu bapa, masalah kelonggaran hubungan kekeluargaan, masalah hilang hormat kepada ahli keluarga yang lebih tua, masalah tidak berminat menghayati agama dan sebagainya adalah merupakan masalah-masalah yang menyebabkan keluarga menjadi haru-biru dan tonggang-langgang.

Saya dan teman-teman kaunselor yang lain sering didatangi oleh ketua-ketua keluarga untuk mendapatkan khidmat kaunseling mengenai pelbagai permasalahan keluarga yang begitu meruncing, yang menghantui kehidupan keluarga mereka. Kemampuan saya dan teman-teman kaunselor yang lain untuk memberi khidmat kaunseling amatlah terhad.

Saya menjangka setiap keluarga sebenarnya secara langsung atau tidak secara langsung memerlukan khidmat kaunseling ini. Kebanyakan mereka yang datang untuk mendapatkan khidmat kaunseling memberitahu bahawa mereka telah mencuba sedaya upaya untuk meredakan keadaan tetapi biasanya masalah yang dihadapi teta p tinggal masalah. Kebanyakan ibu bapa terutamanya seolah-olah putus harap dan hilang punca untuk menghadapi masalah keluarga yang semakin mengawat. Sudah tentu dalam suasana ini, mereka memerlukan pertolongan segera dari segi khidmat nasihat, kesimpatian dan mendapatkan tunjuk ajar serta rumusan bagi membolehkan mereka keluar daripada masalah yang sentiasa meruntun mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya -

- (i) diperbanyakkan kursus kaunseling di peringkat sijil, diploma dan ijazah di IPTA bagi menambah bilangan kaunselor yang benar-benar berkemahiran;
- (ii) diberi galakan istimewa kepada bakal-bakal pemegang sijil, diploma dan ijazah di bidang kaunseling ini supaya lebih ramai siswa-siswi berminat dalam bidang ini;
- (iii) memberi target umpamanya sepuluh tahun daripada sekarang, setiap daerah mempunyai urusetia dan pejabat operasi kaunseling komuniti khususnya yang berkaitan dengan permasalahan keluarga ;
- (iv) melengkapkan ilmu dan kemahiran serta menambah tenaga para kaunselor yang sedia ada di jabatan-jabatan agama negeri dan daerah;
- (v) melatih bakat-bakat terpendam yang ada di peringkat akar umbi untuk menjadi pusat rujukan kaunseling pertama di peringkat akar umbi. Setelah itu, kes-kes tersebut boleh dirujuk kepada organisasi kaunseling yang lebih tinggi di peringkat daerah, terutamanya secara 'referral,' dengan izin, dan
- (vi) menginstitusikan khidmat kaunseling dalam kehidupan masyarakat mulai daripada bawah hingga ke peringkat yang paling atas.

Tuan Pengerusi, saya ingin pula merujuk kepada Butiran 020800 – Ehwat Pemulihan yang mendapat peruntukan hampir RM57 juta. Objektif pemulihan seperti yang termaklum adalah untuk membantu, memulih dan meningkatkan kesejahteraan hidup keluarga, kanak-kanak, warga tua dan orang kurang upaya yang tidak berkemampuan supaya dapat hidup dengan lebih sempurna dan boleh berdikari dengan pemulihan dan latihan kemahiran yang sesuai. Jumlah kes untuk lima golongan iaitu juvana, wanita dan gadis, orang kurang upaya, bantuan kanak-kanak dan bantuan orang tua ialah hampir 30,000 kes.

Saya bersetuju kerajaan mengambil daya utama dalam aktiviti pemulihan ini tetapi pada masa yang sama, Tuan Pengerusi, tugas ini hendaklah dikongsi bersama oleh ahli-ahli keluarga itu sendiri termasuk anggota masyarakat yang prihatin dan badan-badan bukan kerajaan yang perlu bersama-sama memikul tanggungjawab ini.

Memandangkan akhir-akhir ini perangkaan menunjukkan kes-kes seperti ini semakin meningkat dan ada di antaranya begitu mendadak, saya beranggapan kerajaan melalui agensi-agensinya tidak mungkin dapat menangani masalah yang semakin meruncing ini secara bersendirian. Penglibatan yang lebih menyeluruh dari segenap lapisan masyarakat perlulah difikirkan.

Tuan Pengerusi, oleh itu, sa ya ingin mencadangkan supaya –

- (i) tugas memulih mereka yang hidup tidak mengikut norma-norma kemasyarakatan hendaklah dipikul bersama oleh anggota masyarakat khususnya ahli-ahli keluarga terdekat;
- (ii) ditanamkan semangat keprihatinan di kalangan ahli keluarga dan anggota masyarakat untuk menangani masalah sosial ini kerana kegagalan menanganinya bererti terjejaslah keharmonian dan kestabilan masyarakat;
- (iii) memberi kursus dan latihan khas kepada keluarga yang mempunyai ahli keluarga yang perlu dipulih supaya mereka faham akan peranan dan tanggungjawab mereka bersama-sama menangani masalah pemulihan yang dihadapi ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin merujuk kepada Butiran 040000 – Hal Ehwal Wanita (HAWA). Saya terperanjat bila mendapati peruntukan untuk HAWA telah dikurangkan daripada hampir RM22 juta pada tahun 1999 kepada RM1.5 juta bagi tahun 2000. Ini menunjukkan pengurangan 92.8%. Pengurangan ini adalah di antara pengurangan yang tertinggi di dalam Anggaran Belanjawan 2000 ini.

Tuan Pengerusi, sukar bagi saya untuk menyokong pengurangan peruntukan yang drastik ini. Hal mengenai penyertaan wanita di dalam proses pembangunan negara begitu luas dan begitu kompleks dan memerlukan program dan subprogram yang banyak. Selama ini tumpuan HAWA banyak kepada wanita bandar dan tidak banyak yang dilakukan terhadap wanita luar bandar. Seperti yang kita maklum, kebanyakan wanita luar bandar hidup dalam keadaan sosio-ekonomi yang rata-ratanya rendah, majoriti daripada mereka mempunyai kelayakan akademik yang rendah, kurang pendedahan kepada ehwal ha-hal semasa, kurang ilmu dan kemahiran untuk mencari saluran-saluran bagi melibatkan diri dengan lebih aktif dalam usaha pembangunan, pendapatan yang rendah, persekitaran untuk menyertai pembanguan yang kurang menggalakkan dan sebagainya adalah di antara perkara-perkara yang

menyebabkan wanita desa terutamanya tidak berupaya untuk menyertai usaha pembangunan yang berlaku di sekitar mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan -

- (i) peruntukan yang lebih besar diperuntukkan kepada kementerian untuk projek-projek HAWA;
- (ii) merancang projek-projek kendalian HAWA khusus untuk masyarakat di luar bandar;
- (iii) membuat kajian bagi mendapatkan pendekatan, strategi dan taktik terbaik untuk melibatkan wanita luar bandar dalam arus perdana pembangunan;
- (iv) melatih ejen-ejen perubahan di kalangan wanita luar bandar bagi mengepalai gerakan melibatkan mereka dalam proses pembangunan; dan
- (v) mencari cara-cara tersendiri yang lebih sesuai dengan realiti sosio-ekonomi mereka kerana cara-cara yang import biasanya kurang sesuai untuk masyarakat kita khasnya masyarakat di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang ini dan mudah-mudahan apa yang disebutkan ini, insya-Allah akan diambil perhatian untuk kebaikan masyarakat, kebaikan negara dan kebaikan umat Muhammad s.a.w. dan manusia sejabatnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau.

3.22 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Terima kasih kerana saya diberi peluang untuk membincangkan perkara B.42 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Ada beberapa tajuk yang ingin saya bincangkan di sini dan saya akan cuba membincangkannya secara ringkas supaya dapat saya menghabiskan perkara-perkara yang ingin saya sebutkan.

Pertamanya, mengenai Butiran 020000 – Kebajikan Masyarakat yang mendapat peruntukan sebanyak RM102,950,200.

Tuan Pengerusi, Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah sebuah jabatan yang memainkan peranan penting dalam menyumbangkan bantuan berbentuk perlindungan

undang-undang kaunseling, perlindungan kepada mangsa keganasan sama ada kanak-kanak, wanita, orang-orang tua dan juga menyalurkan sumber bantuan kepada mereka yang tidak bernasib baik.

Memang tidak dapat dinafikan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan NGO yang telah mendapat sokongan daripada kerajaan telah memberi kesejahteraan sosial yang besar terutamanya kepada mereka yang memerlukan.

Dalam masa sepuluh tahun iaitu pada tahun 1990 ke tahun 2000, peruntukan mengurus kementerian telah bertambah daripada RM55 juta kepada RM239.2 juta dan pertambahan ini adalah sebanyak 434%. Ini berlaku kerana negara makmur, kerana kerajaan berjaya mengurus ekonomi dengan betul dan tepat.

Saya ingin menyentuh mengenai isu warga tua. Kita berterima kasih kepada kerajaan yang telah mengiktiraf warga tua sebagai warga emas. Sumbangan warga emas tidak ternilai harganya. Kita akui bahawa warga emas yang tidak mempunyai waris di tempatkan di rumah-rumah kebajikan masyarakat yang didirikan oleh kerajaan dan juga yang didirikan oleh badan-badan sukarela seperti MPKSM. Tetapi, walau bagaimanapun, masih ada lagi banyak warga emas yang tua, yang uzur, yang terabai di kampung-kampung kerana keadaan sekarang ini di mana sebahagian daripada waris-waris atau anak-anak bekerja di bandar-bandar.

Saya memandang berat keadaan ini. Bagi saya, mereka yang merupakan warga emas adalah mereka yang telah menyumbang kepada pembangunan negara. Bagi mereka yang bekerja, mereka mendapat pencen dan kehidupan mereka boleh ditanggung oleh pencen yang mereka dapati. Tetapi bagi warga emas yang terdiri daripada petani-petani, nelayan dan juga mereka yang tidak bekerja dengan kerajaan ataupun pihak swasta yang bergaji bulanan, hidup mereka setelah mereka tua terabai begitu sahaja.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya kerajaan menimbang bayaran bulanan kepada warga emas yang tidak mempunyai pencen. Di negara-negara yang maju, kita melihat bahawa bayaran kebajikan diberikan bukan sahaja kepada warga emas tetapi kepada mereka yang tidak bekerja. Namun, saya sendiri merasakan bahawa saya tidak bersetuju kepada mereka yang masih lagi mempunyai tenaga, yang masih lagi mempunyai kemampuan dan mereka boleh menyara hidup mereka melalui peluang-peluang pekerjaan yang banyak di

negara kita dan mereka ini bagi saya tidak perlu dibantu. Yang perlu dibantu kepada mereka yang masih mempunyai kemampuan dan keupayaan ini adalah dibantu untuk mereka mendapat pekerjaan untuk mereka menyara hidup mereka.

Tetapi bagi warga emas yang telah lama hidup, telah lama merasai pahit maung perjuangan bersama-sama untuk membangunkan negara kita, saya meminta supaya pihak kementerian membuat kajian, apakah dengan kemampuan dan juga dengan kemantapan ekonomi yang kita nikmati hari ini, dengan kebijaksanaan yang telah pun kerajaan laksanakan dan kemampuan kekukuhan kewangan negara, kita dapat menentukan bayaran pemberian kepada warga emas ini dalam bentuk bulanan supaya mereka dapat menghabiskan sisa-sisa hidup mereka dengan bahagia di dalam sebuah negara yang merdeka dan menikmati kemakmuran yang kita nikmati hari ini.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, saya juga melihat banyak warga emas yang hari ini disebabkan oleh pembangunan negara yang begitu pesat, anak-anak telah banyak berhijrah ke bandar-bandar, mereka yang tinggal di kampung teraba i. Apabila memberikan bantuan kepada pihak-pihak yang terlibat, saya dapati ada warga emas yang suami isteri terabai di rumah dalam keadaan yang uzur dan mereka tidak dapat menguruskan diri mereka.

Oleh sebab yang berkenaan, saya memohon kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya mewujudkan satu pasukan sukarela di bawah kelolaan kerajaan untuk mereka memberi perkhidmatan kepada warga emas yang tidak dapat menguruskan diri mereka berada dalam keadaan yang terbiar dan juga mereka yang berada dalam keadaan yang daif kerana bagi negara kita sebagaimana yang saya sebutkan tadi, negara kita yang makmur dan juga kita mendapat pencapaian yang begini hebat, saya merasakan sebagai masyarakat yang prihatin dan masyarakat penyayang, mereka ini juga perlu kita beri pembelaan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi mengenai usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan kerja-kerja kesukarelaan di negara kita. Saya mengucapkan tahniah kepada bekas Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang mana telah menubuhkan pasukan-pasukan sukarela bagi negara kita.

Saya dapati rakyat di negara kita hari ini oleh kerana kepesatan pembangunan, begitu kurang di kalangan generasi muda yang sanggup memberi sumbangan kepada kerja-kerja kebajikan dan mengikut laporan yang saya telah pun menjalankan kajian pada tahun 1999 sebanyak 4,300 badan kebajikan sukarela telah pun ditubuhkan dan

yang menerima geran daripada kerajaan sebanyak 164 dan yang mendapat manfaat daripada penubuhan tersebut sebanyak 7,500 orang.

Ini bererti setiap satu badan ataupun NGO kebajikan ini memberi perkhidmatan kepada dua orang sahaja, kalau melihat daripada perbezaan dan perbandingan angka yang saya sebutkan tadi. Ini membuktikan sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan juga melalui pengalaman yang saya lihat, kebanyakan mereka yang ada di dalam NGO-NGO badan kebajikan sukarela ini adalah terdiri daripada mereka yang telah pun lanjut usia. Dan kegiatan-kegiatan NGO ini juga tidak justified, dengan izin, dengan bilangan yang telah pun saya sebutkan berbanding dengan mereka yang mendapat manfaat.

Saya merasakan bahawa perkara ini perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan dan saya berharap kajian dapat dibuat dan usaha-usaha dapat dilakukan supaya generasi muda yang ada hari ini, di samping kita mengejar pembangunan, kita juga merasa bertanggungjawab kepada masyarakat di sekeliling yang ada di sekitar kita.

Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada Butiran 030000 – Perpaduan Negara. Perpaduan adalah asas kepada kestabilan negara. Faktor perpaduan adalah faktor penting yang akan menentukan masa depan negara kita. Sikap ekstrem yang melanda setengah golongan lebih-lebih lagi parti politik, jika dibiarkan akan memporakporandakan negara.

Saya mengakui peranan aktif Jabatan Perpaduan Negara dalam menyatupadukan rakyat Malaysia di kalangan kanak-kanak tadika, penduduk-penduduk bandar dan juga penduduk-penduduk di sekitar bandar, dengan mengadakan program Rukun Tetangga, Jiran Muda dan lain-lain, tetapi saya agak bimbang, di antara kanak-kanak tadika dan juga penduduk bandar, pelajar-pelajar, kita tidak melihat usaha bersungguh-sungguh yang dijalankan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam usaha perpaduan di kalangan pelajar-pelajar.

Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa Kementerian Pendidikan telah menjalankan usaha-usaha perpaduan, tetapi saya merasakan sebagaimana rakan-rakan yang lain, usaha-usaha ini harus dilipatgandakan kerana kita bimbang sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tadi, di peringkat universiti kita melihat pelajar-pelajar kita bergerak secara kumpulan mengikut kaum masing-masing. Tidak ada sebagaimana sepuluh tahun ataupun dua puluh tahun yang lalu, di

mana hubungan di antara rakyat berbilang kaum dan juga pelajar-pelajar berbilang kaum di universiti begitu erat sekali. Tetapi hari ini, kita lihat ada kerenggangan di mana pelajar-pelajar Melayunya selain daripada belajar, mereka sibuk dengan urusan-urusan NGO masing-masing dan kadang-kadang pada waktu malamnya mereka mendengar ceramah-ceramah yang didatangkan entah dari mana, yang menumpukan kepada soal-soal keagamaan dan kadang-kadang terlibat dalam soal politik.

Begitu juga pelajar bukan bumiputera sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Mereka merasa bimbang, merasakan tidak puas hati dengan adanya dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan dari segi kuota yang ditentukan kepada bumiputera. Ketidakfahaman ini saya fikir harus dibetulkan apabila mereka nanti menjadi orang yang dewasa mereka menjadi sebagaimana yang kita ada pada hari ini dapat mengekalkan dan juga dapat mengeratkan perpaduan kaum di negara kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Puan Chong Eng: Terima kasih. Saya berpendapat bahawa bukan di antara bumiputera dan bukan bumiputera sahaja. Sekarang di antara bumiputera pun menjadi masalah, ada perpecahan. Saya berpendapat, itu pendapat sayalah. Saya tidak tahu adakah Yang Berhormat setuju atau tidak? Itu adalah berdasarkan pelaksanaan dasar bumiputera dan bukan bumiputera kerana mereka yang beruntung daripada dasar ini ialah bumiputera yang sudah berada. Umpamanya, saham khas adalah diperuntukkan kepada mereka yang mampu membeli saham itu, bukan bumiputera-bumiputera yang biasa ataupun mereka yang berkaitan dengan UMNO sahaja yang dapat atau menantu menteri ataupun anak-anak menteri, itu satu.

Yang kedua, umpamanya Amanah Saham Nasional. Mereka yang boleh beli banyak saham itu akan untung lebih. Mereka yang tidak mampu beli, tidak boleh dapat dividenlah. Ini telah menyebabkan jurang di antara bumiputera yang kaya dan tidak berada lebih jauh lagi dan ini adalah masalah. Dahulu ialah di antara Cina dan Melayu, sekarang ialah within the bumiputera. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya rasa cukup. Nanti takut tidak ada masa untuk jawab.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, saya pun tidak dapat hendak memberi peluang yang panjang sebab Yang Berhormat mengambil masa saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya Yang Berhormat

Puan Hajjah Mastika Junaidah binti Husin: Tetapi untuk jawapan umum yang saya akan berikan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat sudah cukup. *[Ketawa]*

Puan Hajjah Mastika Junaidah bt. Husin: Tuan Pengerusi, sebenarnya ada beberapa perkara lagi. Tetapi saya hendak menjawab ini. Boleh Yang Berhormat benarkan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya lagi minit hanya diperuntukkan untuk Yang Berhormat.

Puan Hajjah Mastika Junaidah binti Husin: Apakah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kalau kita lihat dari segi global, sebenarnya kita di bawah negara demokrasi dan juga tidak mengamalkan sistem sebagaimana komunis. Jadi, tidak ada pembahagian sama rata sebagaimana yang dihasratkan. Maksudnya, siapa yang mampu memang dia boleh mencapai pencapaian yang lebih baik tetapi pembelaan kepada semua pihak dijalankan di negara kita dan ia tidak berlaku sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi antara bumiputera berlaku kerana ada pihak yang mengapi-apikan. Pembelaan sebenarnya dibuat sama ada kepada mereka yang mempunyai kemampuan dan juga kepada mereka yang tidak mampu.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tadi apa yang disebutkan oleh wakil Yang Berhormat bagi Parit Buntar mengenai HAWA, walaupun saya tidak menghabiskan ucapan saya. Sebenarnya mungkin Yang Berhormat bagi Parit Buntar tidak faham bahawa HAWA ada Jawatankuasa Perunding HalEhwal Wanita di tiap-tiap negeri. Dan kita juga menjalankan program-program pembelaan kepada masyarakat di luar bandar kerana HAWA yang ada di negeri-negeri mempunyai jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat daerah dan luar bandarlah menjadi penumpuan kepada Jawatankuasa Perunding HalEhwal di peringkat negeri. Ini yang saya rasa pihak pembangkang kadang-kadang melihat suatu perkara itu daripada skop yang kecil tetapi tidak melihat kepada skop yang lebih menyeluruh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Puan Hajjah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian.

3.35 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, terima kasih saya ucapkan. Saya mengambil bahagian untuk membincangkan B.42 - 030000 - Perpaduan Negara dan B, B yang seterusnya. Sudah tiba masanya untuk kementerian ini memandang Islam sebagai satu forces untuk perpaduan dan bukan lagi satu kuasa untuk perpecahan.

Sebenarnya, mengikut propaganda yang telah dilancarkan oleh pihak-pihak tertentu di sebelah Barat - bukan semua daripada Barat tetapi sesetengah pihak yang telah meletakkan Islam sebagai satu kuasa pemecah-belah dan ini telah mempengaruhi sebahagian daripada perancang-perancang dasar di negara kita sehingga terbawa-bawa. Sesuatu yang berkait dengan Islam adalah sesuatu yang berkait dengan perpecahan.

Dalam masa yang ringkas ini sukalah saya membawa perhatian Yang Berhormat semua bahawa Islam telah mempunyai prinsip-prinsip yang boleh diguna pakai yang ternyata berkesan dan dari segi menyatu-padukan masyarakat berbilang kaum dan agama. Ini bukan sahaja satu prinsip yang tercatat dalam kitab-kitab, buku-buku, dalam sumber-sumber perundangan dan ajaran Islam tetapi juga telah tercatat dalam sejarah peradaban Islam yang begitu lama yang saya tidak sempat sebutkan dalam masa yang singkat ini.

Pada asasnya Islam telah menyatakan persamaan di kalangan manusia dalam beberapa aspek dalam masa yang singkat ini. Untuk tujuan yang singkat saya merujuk kepada dua, tiga perkara di mana Islam menekankan asas persamaan.

Persamaan pertama yang diberikan oleh Islam ialah persamaan dari segi asal-usul kejadian dan juga penciptaan. Berasaskan asas inilah Kerajaan Negeri Kelantan umpamanya telah membawa satu konsep baru dalam menangani kedudukan Orang Asli. Orang Asli pada pandangan Islam adalah sama seperti golongan masyarakat yang lain. Mereka ialah keturunan Adam dan tiap-tiap keturunan Adam, walau apa latar belakang sosio-ekonomi yang telah mempengaruhi kedudukan mereka mempunyai kedudukan yang sama. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] : 'telah dimulakan keturunan Adam,' dan ini adalah satu perisytiharan persamaan hak dan atas asas itulah saya suka membawa kementerian ini melihat bahawa sebenarnya kementerian ini telah gagal untuk membangunkan Orang Asli untuk 40 tahun yang

lalu. Kalau tidak Yang Berhormat bagi Tambun, Yang Berhormat bagi Serdang tidak perlu bercakap di sini tentang kedudukan Orang Asli.

Sebenarnya, kalau kita sempat bersama dengan Orang Asli, ternyata seakan-akan mereka dilayan sebagai satu kumpulan bukan manusia dalam memberikan perhatian untuk meningkatkan mereka sama-sama terlibat dalam mobalisasi sosial ini benar-benar tersusun. Dalam masa yang singkat ini, saya hanya merujuk kepada dua instrumen mobalisasi sosial, iaitu pemilikan tanah dan juga kemudahan pendidikan.

Dalam beberapa kesempatan saya telah menginap bersama dengan Orang Asli di beberapa tempat. Anak-anak Orang Asli pukul 6.30 pagi sudah sampai di sekolah yang sudah tentu tuan-tuan boleh bayangkan, Yang Berhormat boleh bayangkan satu sekolah yang sangat ringkas, yang sangat daif, dengan penuh kesejukan, naik land rover. Tetapi pada hari - katakan kita bersekolah di sebelah Pantai Barat bermula pada Hari Isnin, di Pantai Timur bermula pada Hari Ahad. Pada Hari Ahad, guru-guru belum sampai. Pada Hari Khamis, guru-guru sudah balik. Jadi, hanya ada tiga hari untuk anak-anak Orang Asli bersekolah. Dan itu pun pada Hari Isnin, dalam penggal pengajian di sebelah Pantai Timur bermula pada jam yang sudah agak lewat. Apabila sudah 8.30 pagi anak-anak Orang Asli ini belum terima guru-guru mereka, pukul 9.00 pagi dia orang cabut baju, dia orang terjun sungai mandi. Lepas itu balik ke kampung masing-masing.

Yang menyebabkan kita boleh lihat, walaupun saya tidak sempat membawa statistik yang lengkap di sini pada hari ini, perkembangan pendidikan anak-anak Orang Asli pada dasarnya pendidikan telah gagal untuk membawa mereka meningkat daripada satu tahap yang mereka warisi sebelum ini kepada satu tahap baru sebagai satu warga Malaysia yang sama taraf dengan orang Melayu dengan orang Cina dan dengan orang India. Persamaan taraf kemanusiaan inilah yang paling penting yang perlu menjadi paradigma negara supaya kita tidak melihat kemanusiaan dalam aspek ras. Umpamanya, satu pengalaman yang kecil walaupun mungkin rakan-rakan lain tidak bersetuju. Semasa di universiti, sampai hari ini perasaan saya terguris apa bila ada anak orang Cina yang benar-benar miskin tidak dapat bantuan kerajaan, tidak dapat biasiswa, semata-mata kerana dia orang Cina. Sedangkan mengikut Islam, sesiapa yang layak untuk ases kepada pengetahuan mesti mempunyai kemudahan yang sama selagi mana kerajaan mempunyai kemampuan. Ini tidak boleh dibataskan kepada ras dan bangsa yang tertentu.

Yang kedua ialah pemilikan tanah. Jarang kerajaan negeri di seluruh Malaysia memberikan pemilikan tanah kepada Orang Asli. Pemilikan tanah memainkan peranan yang besar dalam mencorakkan kehidupan ekonomi mereka. Tanpa pemilikan tanah mereka akan kekal sebagai satu bangsa yang beralih-alih. Mereka mengusahakan tanah di sini pada hari ini dan kemudian beralih pada masa yang lain ke tempat yang lain. Tetapi dengan pemilikan tanah sekarang pun Orang Asli sudah tahu harga tanah. Dia hendak geran tanah. Dia hendak ada tempat pemilikan tanah. Mana kebun yang menjadi hak mereka.

Sebab itu kita tengok dalam kes Putrajaya, walaupun saya tidak berani menuduh di sini, saya sudah berikan soalan tetapi soalan saya tidak berjawab. Berapakah keluasan tanah milik Orang Asli yang telah diambil oleh Perbadanan Putrajaya. Dan adakah tanah Orang Asli ini dibayar sama harganya dengan tanah yang dibayar kepada pengusaha ladang yang juga diambil dalam projek Putrajaya? Kalau tidak sama bererti kita telah menafikan hak Orang-orang Asli untuk mendapat kedudukan yang sama dari segi undang-undang dan hak-hak mereka dalam negara ini dan ini adalah satu penentuan orientasi yang sangat besar dalam hasrat kita hendak membangunkan Orang Asli dengan asas tanggungjawab yang sebenar. Kalau tidak ialah kerana kita hendak mempolitikkan. Sekarang BA kuat, setengah Orang Asli ini sokong BA, Barisan Alternatif maka kita pun datang ke Dewan ini teringat nasib Orang Asli. 40 tahun dulu Orang Asli ini semuanya menyokong...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Arau bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat mana bangun?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Boleh Yang Berhormat saya minta laluan?

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh, boleh, boleh. Sekejap, fasal satu point nanti tertinggal. Sekejap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu minit sudah habis.

Tuan Husam bin Haji Musa: Perpaduan, ya. Ya, perpaduan, perpaduan. Sekejap, saya habis tajuk Perpaduan dulu. Perpaduan satu perkara yang sangat penting. Semua orang hendak perpaduan. Kalau berpecah semua orang sedih. Tetapi saya mahu kerajaan melihat perpaduan dalam skop yang non-politics iaitu tidak ada satu pihak yang lebih dulu disalahkan. Satu pihak telah didapati bersalah dan pihak ini seakan-akan didera. Oleh kerana masa kita singkat, saya tidak boleh tunjukkan

penderaan-penderaan itu tetapi satu contoh yang paling mudah ialah ada lagi orang-orang yang menyokong pembangkang di Kelantan yang begitu lama masih lagi didera untuk mendapat kemudahan-kemudahan. Baja padi di Kelantan masih lagi cop dacing dan ada orang yang menyokong parti PAS di Kelantan tidak dapat baja padi. Dan ini telah berjalan lama.

Inilah unsur yang membawa kepada perpecahan. Sebab itu perpecahan mestilah dilihat dalam toleransi kerajaan itu sendiri menangani perubahan-perubahan politik yang ada dalam negara kita. Dan sama dalam macam keluarga. Kalau ada orang satu orang anak. Abang dia pun pukul dia, emak dia pun diskriminasi dia, pukul dia, dia mungkin tidak menangis, sudah habis tangisan dia. Dia mungkin tidak mengamuk tetapi jauh dalam hati dia ialah hati dia kecil. Dia akan dewasa dalam satu perasaan yang luka dan inilah yang menjadi asas kepada sebahagian daripada sebab perpecahan itu berlaku....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Arau...

Tuan Husam bin Haji Musa: Oleh sebab itu, ya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masih tunggu awak...

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, ayat saya belum habis..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...hendak berikan kebenaran.

Tuan Husam bin Haji Musa: ...oleh sebab itu, habis sudah masa? Oh, Arau hendak bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mendengar tadi pandangan generasi PAS baru. Saya bersetuju pandangan Yang Berhormat kupasan mengenai Islam dan juga toleransi dalam Islam yang telah lama kita bawa sebenarnya. Tetapi bila kita bercakap soal dasarnya yang besar tetapi soal penjurusannya saya rasa tidak ada diskriminasi pada yang miskin walaupun bukan Islam....

Tuan Husam bin Haji Musa: Masa singkat, Yang Berhormat. Soalan, soalan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Satu perkara lagi saya hendak tanya Yang Berhormat, ini soalan, ini baru hendak soal. Kelantan memerintah dulu, PAS yang memerintah di kawasan Orang Asli yang Yang Berhormat sebutkan tadi dulu memang dalam kerajaan PAS, apa kerajaan PAS telah lakukan dalam pemberian

tanah, dalam soal mendakwah mereka terutamanya. Sebab mereka ini agamanya tidak menentu dan dakwah boleh dijalankan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya faham soalan itu, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya boleh jawab soalan ini dalam masa yang ringkas dalam dua bentuk. Apa yang kita buat dan apa yang kita tidak boleh buat. Yang kita telah buat kita beri milik tanah. On the spot saya tidak ada statistik tetapi on record memang ada. Pertama kali dalam sejarah negara kita Orang Asli ada geran tanah atas nama mereka. Yang kedua, kita bina surau, kita hantar mubaligh untuk duduk sekali azan, sembahyang, jadi imam, baca Quran dengan mereka. Yang kita tidak boleh buat sebahagian daripada pelaksanaan pembangunan Orang Asli terletak di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang perlu disusun semula, dikaji semula supaya orientasi jabatan ini sendiri dimodenkan, disesuaikan dengan kehendak pembangunan Orang Asli. Bukan hendak jaga Orang Asli ini perkara kecil-kecil. Dia punya kraftangan hendak pergi jual kat mana, bukan itu sahaja. Kita hendak pembangunan yang benar-benar menyeluruh termasuk dalam peningkatan minda mereka.

Balik kepada Arau balik. Macam mana boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, masa sudah cukup sebenarnya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Arau nanti puas hatikah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan minta lagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Okay, okay. *[Ketawa]* Masa saya sudah habis?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lumut.

3.46 ptg.

Tuan Kong Cho Ha [Lumut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Maksud B.42 di bawah tajuk Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, negara kita terdapat ramai rakyat yang kurang bernasib baik. Mereka seperti anak-anak terencat akal, anak-anak yatim, mereka yang kecacatan

anggota dan sebagainya. Mereka ini membebankan keluarga mereka dari segi penjagaan, beban kewangan dan mental. Untuk meringankan beban kepada keluarga-keluarga yang terlibat masyarakat kita juga mempunyai NGO dan pertubuhan yang lain yang sedar dan mementingkan masalah-masalah tersebut. Mereka ini dengan usaha sendiri secara sukarela menubuhkan NGO dan pertubuhan untuk memberi perkhidmatan kepada kumpulan rakyat yang kurang bernasib baik atau istimewa ini. Usaha mereka menunjukkan rakyat dan masyarakat penyayang, dengan izin, caring society. Usaha mereka sedikit sebanyak membantu kerajaan meringankan beban kerajaan dalam usaha memberi penjagaan yang sempurna kepada kumpulan yang istimewa ini. Usaha NGO dan pertubuhan tersebut patut dihargai oleh kerajaan kerana mereka mendapat sumber kewangan dari orang awam dan sumbangan dari pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya terdapat sebuah sekolah semangat maju untuk kanak-kanak terencat akal yang terdiri dari lebih 70 orang murid yang diberi pendidikan dan penjagaan dan murid-murid itu terdiri daripada berbilang kaum. Dan yang kedua, juga ada satu pusat penjagaan kanak-kanak cacat, dengan izin, the care center for the handicap children dan terdapat lebih dari 300 orang di bawah jagaan pusat itu.

Dan pusat itu memberi penjagaan dan mengajar orang-orang cacat itu macam mana menjaga sendiri dan juga mengajar ahli-ahli keluarga dengan cara yang betul untuk menjaga anak-anak cacat. Dan pusat itu juga mencari derma untuk memberi rawatan kepada orang-orang cacat seperti memberi kaki palsu, tangan palsu ataupun mencari penderma untuk pembedahan di hospital-hospital yang tertentu. Dan juga terdapat satu rumah wawasan untuk anak-anak yatim di kawasan saya. Dan khasnya di kawasan saya ada satu Pusat Hemodialisis Manjong untuk memberi rawatan pesakit buah pinggang yang ditubuhkan dengan kutipan tabung sebanyak RM1 juta dari rakyat tempatan demi kepentingan pesakit buah pinggang. Dan pesakit-pesakit yang dirawat di pusat itu terdiri daripada pesakit berbilang kaum.

Tuan Pengerusi, pertubuhan dan NGO pusat-pusat tersebut kadangkala memerlukan sokongan dan bantuan daripada kerajaan dalam usaha mereka demi kepentingan orang-orang istimewa ini. Semua pusat-pusat yang tersebut menjalankan perkhidmatan mereka dalam bangunan yang kecil yang disewa atau dipinjam tanpa

sewa dari orang awam. Usaha mereka untuk mendapat tanah untuk membina pusat yang lebih sempurna itu, gagal.

Permohonan selama sepuluh tahun pun tidak diluluskan oleh pejabat tanah. Di kawasan saya walaupun padang bola, taman kanak-kanak diswastakan untuk pembangunan pusat komersial tetapi tidak ada tanah untuk orang cacat, orang terencat akal, anak-anak yatim dan sebagainya. Saya bercadang bahawa kementerian melalui Kerajaan Pusat mengarahkan kerajaan negeri supaya menyediakan tanah di bandar-bandar besar khas untuk tujuan-tujuan tersebut. Kerajaan seharusnya menyokong dan membantu usaha NGO dalam perkhidmatan kebajikan untuk rakyat.

Belanjawan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat itu amat tidak mencukupi untuk tujuan menjaga rakyat yang kurang bernasib baik ini. Saya harap kerajaan boleh meningkatkan usahanya untuk menubuhkan masyarakat penyayang di negara kita. Itu sahaja saya hendak ucap, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran.

15.53 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih ‘Tuan Yang di-Pertua’, Tuan Pengerusi, minta maaf. Saya merujuk kepada Butiran 030000 di bawah Kepala Perpaduan Negara, 030200 Integrasi Negara, 030400 Hubungan Kaum, 030500 Penyelidikan Ethno Sosial dan 030600 Perpaduan Negara bagi maksud Bekalan 42, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Yang pertama, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada kerajaan di atas kejayaan mempertahankan keharmonian dan suasana aman damai ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi beberapa tahun yang lalu.

Dalam perkara ini Tuan Pengerusi kita tidak perlu atau tidak harus ambil take it for granted keadaan yang telah kita capai. Saya selaku wakil daripada Sabah, kita telah berasa benar-benar bahawa dan kita merasa bimbang pada waktu itu tentang keadaan di negara jiran kita semasa kegawatan ekonomi bahawa jika sekiranya kerajaan telah tidak memperkenalkan dasar-dasar yang bersesuaian seperti Dasar Ekonomi Baru yang dibangkitkan oleh kawan daripada Bukit Mertajam tadi tentu sekali negara kita Malaysia pun barang kali menghadapi keadaan seperti negara

jiran kita. Sebab itu Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh sedikit tentang Dasar Ekonomi Baru yang dibangkitkan oleh wakil bagi Bukit Mertajam bahawa perkara ini harus jangan dipersoalkan. Barang kali Dasar Ekonomi Baru ini boleh diperhalusi dari segi pelaksanaannya tetapi Dasar Ekonomi Baru ini walaupun kita ada Dasar Pembangunan Nasional tetapi semangatnya harus terus dilaksanakan dan kita mahu mempertahankan.

Barangkali ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa ini adalah diskriminasi, kita masih dengar pada hari ini tetapi saya ingin menjelaskan di sini dan memperkenalkan bagi kami daripada, saya sebagai seorang bumiputera daripada Kadazandusun yang mengatakan bahawa di negara kita ini, apabila kita bermain ekonomi, sama juga dengan bermain golf. Kalau macam saya ini yang pemain baru dalam soal ekonomi, dalam soal golf kita mesti ada handicap, jadi kita masih memerlukan handicap. Kalau tidak ada handicap tentu sekali kita tidak dapat bersama-sama yang lain, dengan handicap yang tinggi. Orang lain sudah lama bermain ekonomi macam, ini kebetulan Kebetulan kami ini bukan daripada tradisi peniaga. Kami masyarakat Kadazandusun bukan tradisi daripada peniaga, hari ini segala-galanya perniagaan, untuk hendak maju kita perlu perniagaan.

Jadi kalau dikatakan tadi kebetulan apabila dinyatakan soal luar bandar tentu sekali dia bumiputera dan perlu, kami memerlukan handicap yang tinggi. Saya sendiri dan ramai sahabat-sahabat saya dari sana dan yang di sini kalau bukan Dasar Ekonomi Baru, saya tidak dapat menjejak di sini. Saya tidak sampai di sini, kalau tidak ada Dasar Ekonomi Baru. Saya bersetuju perkara ini perlu diperhalusi tetapi kita perlu, kita harus, kita akan mempertahankan dan saya hairan kenapa kita persoalkan ini sebab baru-baru ini di negara jiran kita, dia mahu meniru, dalam lawatan Perdana Menteri yang pergi ke negara jiran Indonesia mereka minta briefing dan minta penjelasan. Minta hendak meniru Dasar Ekonomi Baru ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi yang saya ingin sentuh ialah dari segi perpaduan nasional. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian bahawa kita perlu pemantauan tentang perkara-perkara yang boleh menjejaskan proses mematangkan perpaduan nasional. Apabila saya mengatakan pematangan perpaduan nasional, saya bermaksud bahawa kita harus mengambil sikap ingin memahami orang lain dan bukan ingin difahami oleh orang lain. Setakat ini bagi kami, bagi saya sendiri, kita menghadapi situasi di mana kita sentiasa minta difahami.

Kadang-kadang kita mengatakan, apakah kita ini dipedulikan,, apakah kita ini di over look, dilupakan dalam proses pembuatan dasar dan sebagainya. Jadi dalam soal ini kadang-kadang kita tidak mengambil sikap mengenali, memahami orang lain. Sebagai contoh tadi, bila disebut perkara-perkara Orang Asli. Saya pun seronok juga dengar tadi. Tetapi apabila saya mendengar hujung-hujungnya dia mengatakan, ohh! dia ini Orang Asli sekarang sokong 'BA'. Dia sebut Orang Asli sebab dia sokong satu-satu parti. Dan tidak disebut pula perkara Orang-orang Asli yang ada di Sabah dan Sarawak.

Di Sabah ini banyak Orang Asli juga tetapi ada nama juga. Barangkali di sini pun banyak nama Orang Asli. Jadi di situ tak nampak sama ada kita ini benar-benar ikhlas dalam pembelaan kita. Yang soal kemanusiaan yang disebutkan tadi itu. Sebab itu kita mengatakan bahawa apabila kita memperkatakan pembelaan tadi, jangan kita cakap sahaja kerana politik tetapi kita kena ikhlas.

Menyentuh soal Orang Asli ini, atau kalau di Sabah kita panggil anak negeri banyak perkara-perkara berhubung dengan anak-anak negeri Sabah dan Sarawak ini yang kita tidak fahami. Kita tidak menyelami perasaan mereka, keadaan infrastruktur mereka, sebab barang kali sikap yang diambil dan saya pernah mengalami ini dan saya telah belajar di Semenanjung selama lapan tahun, mulai tingkatan empat sampai ke universiti dan waktu itu saya sering ditanya dan menyatakan apa perasaan anda berada di Malaysia.

Saya ini orang Malaysia, saya dilahirkan di Malaysia. Hari ini saya ingin berkata bahawa bagi mereka yang belum pernah ke Sabah dan Sarawak, orang itu belum pernah ke Malaysia. Kenapa saya berkata demikian sebab sebenarnya Sabah dan Sarawak itu adalah tanah besar Malaysia. Di Sabah itu luasnya 170 ribu square kilometer dan di Sarawak itu 124,000 square kilometer. Kalau dicampur 200 ribu square kilometer, luas dia. Di sini baru keluasanya 131,000 kenapa saya ditanya apa perasaan saya berada di Malaysia. Sebab itu saya mengatakan perlu kita perluaskan pandangan kita. Jangan cerita di sini sahaja. Fikir-fikirkan juga di sebelah sana, kami di Sabah dan Sarawak.

Dalam soal ini saya ingin mencadangkan bahawa sekolah-sekolah berasrama penuh yang pernah saya bersekolah dahulu di Sekolah Menengah Sains Selangor, barangkali kita perlu perbanyakkan di negeri Sabah dan Sarawak dan angkatlah pelajar-pelajar daripada Semenanjung ke Sabah. Macam kami dahulu diangkat

belajar di sini, mungkin diangkat juga ke Sabah sampai kita dapat memahami antara satu sama lain. Saya barangkali boleh memahami sudah perasaan sahabat-sahabat kita yang ada di Semenanjung tetapi barangkali di sini belum faham lagi perasaan, keadaan dan sebagainya di Sabah.

Terima kasihlah kepada kerajaan kerana menjadikan Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Sabah ini sekarang memainkan peranan yang penting untuk mempertingkatkan lagi integrasi nasional khususnya dalam soal mempertingkatkan lagi persefahaman antara kaum di Malaysia.

Yang ketiga saya ingin sentuh ialah soal kajian terhadap faktor-faktor yang boleh mempertingkatkan integrasi nasional. Dalam soal ini saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan dan kementerian khususnya supaya mengadakan kajian terhadap perayaan-perayaan kesukuan yang ada di negara ini. Di Sarawak kita ada perayaan Hari Gawai di Sabah kita ada perayaan Hari Keamatan Kerajaan Negeri Sabah membelanjakan setengah juta tiap-tiap tahun untuk merayakan perayaan Keamatan ini tetapi sayang sekali sahabat-sahabat kita yang di Semenanjung tidak dapat memahami ini dan barangkali dia lihat ini Sabah sahaja, seolah-olah Sabah itu lain negara. Saya mencadangkan supaya kerajaan, pihak kementerian dapat mengkaji sama ada sesuainya perayaan Gawai dan Keamatan ini diadakan di peringkat nasional, adakanlah di Kuala Lumpur.

Seterusnya, terakhirnya yang saya ingin sentuh ialah dalam soal pengagihan jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam. Saya tahu dan saya faham bahawa perkara ini bukanlah di bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tetapi tindakan-tindakan, langkah-langkah yang diambil dalam ataupun perubahan-perubahan yang dibuat dalam perkhidmatan awam ini sedikit sebanyak akan menjejaskan hubungan kaum dan perpaduan negara.

Sebagai contoh, saya difahamkan bahawa di negeri Sabah ada ura-ura untuk mengadakan satu rombakan secara besar-besaran di perkhidmatan awam negeri Sabah yang melibatkan pegawai-pegawai kanan kerajaan. Secara kebetulan ada beberapa kakitangan kanan daripada suku bangsa Kadazandusun yang terlibat diturunkan pangkat, Setiausaha Hasil Bumi, Setiausaha Tetap Kementerian dan sebagainya. Saya tidak tahulah sama ada pihak kementerian boleh memberi sedikit teguran, sedikit nasihat kepada pihak yang berkenaan supaya jangan ambil perkara ini, fikir-fikirkanlah soal perpaduan hubungan kaum. Jangan adakan pertukaran, kenaikan

pangkat dan sebagainya atas perkiraan kaum. Saya harap ini bukan atas perkiraan kaum.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Wilfred Madius bin Tangau: Sedikit lagi. Dan baru-baru ini apabila ditanya dalam satu jawapan tentang keadaan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan dan disebut bagaimana keadaan dari segi pengagihan untuk suku-suku bangsa dan disebut orang Melayu, Cina dan India, yang lain itu Lain-lain, jadi saya ini Lain-lainlah, yang Orang Asli itu Lain-lain.

Apa salahnya sebut sahaja yang lain, sebut sahaja yang Kadazandusun berapa, yang Ibannya berapa, yang Orang Aslinya berapa, sebut sahaja sebab kadang-kadang apabila kita tidak sebut ini, saya ini orang mana, yang Lain-lain, sedangkan kita inilah *rare species*. Tidak ada di dunia ini yang dipanggil Kadazandusun kecuali di Malaysia, tidak ada di dunia, di Sabah sahaja. Orang Asli yang ada di Semenanjung ini tidak ada di dunia kecuali sini sahaja. Jadi apabila kita disebut, bayangkanlah perasaan akan terguris juga. Sebab itu saya mengatakan bahawa sensitiviti-sensitiviti seperti ini harus diambil kira. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah.

4.04 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud B.42 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Butiran 00400 - Pembinaan atau Pembesaran Rumah Kebajikan yang sedia ada yang hanya diperuntukkan sebanyak RM116,400 sahaja berbanding dengan RM3 juta sebelum ini.

Saya ingin bertanya kepada kementerian berapa buahkah rumah kebajikan yang sedia ada dan berapa buahkah rumah kebajikan ini adalah untuk kanak-kanak terencat akal yang telah disediakan oleh kementerian bagi membantu kanak-kanak yang istimewa ini dan berapakah jumlah subsidi yang diperuntukkan kepada setiap buah rumah kebajikan. Ini adalah kerana kita sentiasa membaca di surat khabar atau kita menerima *leaflet* mengenai bantuan pungutan derma diminta daripada orang ramai daripada rumah-rumah kebajikan ini bagi membantu kanak-kanak yang istimewa ini atau kanak-kanak yang disebabkan oleh perpecahan dalam keluarga mereka terpaksa diletak di dalam rumah kebajikan.

Jadi saya ingin tahu berapakah subsidi diperuntukkan. Tambahan pula saya berharap keadaan ini tidak akan berlaku seperti di Kementerian Pendidikan di mana setiap tahun kita ada *jogathon*, hari kantin untuk pungutan derma bagi menyelenggarakan sekolah. Jadi saya tidak berharap keadaan ini akan berlaku seserius seperti di dalam Kementerian Pendidikan terhadap sekolah menengah dan sekolah rendah kerana jika pungutan derma ini selalu dianjurkan bukan sahaja membebankan pekerja-pekerja sukarela di rumah-rumah kebajikan ini tetapi juga membebankan kepada masyarakat juga kerana masalah, saya setuju bahawa masalah yang wujud di masyarakat harus diselesaikan bersama rakyat dengan kerajaan tetapi tidak boleh di 'shift' atau ditolak kembali beban ini kepada rakyat atau masyarakat untuk menyelesaikannya, seperti saya beri contoh, *jogathon* dan pungutan derma. Jadi saya ingin tahu berapakah subsidi diberi kepada rumah-rumah kebajikan tersebut.

Mengenai Butiran 00700 - Program Wanita, saya amat menyokong apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar bahawa harus juga diberi penekanan kepada wanita di luar bandar. Jadi saya ingin tahu apakah program wanita yang telah dirancang oleh kementerian dan penekanan diberi di dalam aspek apa? Sebab sebelum pilihan raya kita boleh membaca di dalam surat khabar ada komponen parti tertentu yang hanya mengaitkan wanita dengan pasar.

Jadi saya harap program wanita ini akan membantu wanita tetapi bukan setakat mengaitkan mereka dengan keupayaan mereka dengan memasak sahaja. Jadi saya ingin tahu apakah aspek penekanan yang diberi di dalam program wanita tersebut agar wang yang digunakan itu memang akan membantu wanita agar mereka boleh melibatkan diri dan berkeupayaan untuk menyumbang kepada pembangunan negara juga.

Mengenai Butiran 01005 - Pusat Khidmat Wanita (HAWA) yang telah diperuntukkan lebih kurang RM2 juta, saya ingin tahu di manakah pusat-pusat tersebut. Ini adalah kerana di kawasan saya adalah sebuah kawasan luar bandar, saya sentiasa menerima panggilan telefon daripada wanita-wanita yang sebenarnya tidak tahu ke mana mereka boleh dapat perkhidmatan mengenai masalah-masalah mereka hadapi terutamanya dengan suami-suami mereka yang telah memukul mereka.

Jika apa yang telah dikatakan Yang Berhormat bagi Arau bahawa telah wujud satu jawatankuasa, saya ingin tahu sejauh manakah keberkesanan Jawatankuasa tersebut di dalam membantu wanita-wanita di luar bandar. Ini kerana masalah ini

bukan masalah kepada wanita sahaja, kepada satu keluarga sahaja tetapi ini adalah masyarakat negara, keseluruhan masyarakat negara Malaysia juga.

Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah pelan khas yang sedia ada bagi membantu golongan wanita di luar bandar. Tambahan pula saya ingin tahu mengapakah peruntukan tersebut kepada Pusat Khidmat Wanita (HAWA) ini diletak di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan bukan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Jadi, untuk mengulung saya ingin menekankan bahawa jika kerajaan memang prihatin kepada wanita untuk mencapai objektifnya untuk meningkatkan status wanita di dalam pelbagai bidang, kerajaan haruslah meneliti semula undang-undang dan polisi kerajaan yang mendiskriminasikan wanita. Tidak perlu saya ulang semula undang-undang yang telah saya faham ramai pegawai kerajaan yang berkaliber tetapi sekarang yang hendak dipertekankan sama ada kerajaan benar dan serius untuk membasmi diskriminasi yang telah sedia wujud di antara wanita dengan lelaki di dalam undang-undang dan polisi kerajaan. Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hanya membenarkan seorang lagi berucap, selepas ini pihak kerajaan akan diminta menjawab. Dengan itu saya benarkan Yang Berhormat bagi Dungun berucap.

4.11 ptg.

Tuan Mustafa bin Ali [Dungun]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana keizinan itu. Insyallah, saya akan mengambil masa yang sangat sedikit untuk membahaskan P.42 dalam Butiran 081700 iaitu mengenai bantuan ataupun Geran Tahunan Kepada NGO.

Sebagaimana yang kita dapati dalam buku Belanjawan ini, bantuan kepada NGO hanya berjumlah RM200,000 dan saya rasakan dengan semua orang bercakap tentang pentingnya peranan NGO selama ini, dengan peruntukan yang begitu sedikit RM200,000 ini tentulah tidak mencukupi untuk memberikan mereka satu ruang yang memungkinkan mereka ini bergerak, memainkan peranan, memberikan sumbangan kepada pembangunan negara ini dengan secara yang berkesan walaupun mungkin ada di kalangan NGO yang diberikan satu peruntukan yang mungkin lebih daripada RM200,000.

Saya tidak tahu sama ada suatu penekanan diberikan kepada NGO-NGO tertentu dengan menyampingkan banyak daripada NGO yang beratus-ratus

jumlahnya dalam negara kita. Dan gambaran peruntukan yang begitu sedikit memberikan suatu gambaran bahawa kita tidak cukup memberikan perhatian kepada peranan yang seharusnya dimainkan oleh badan-badan yang kita kelaskan atau kita istilahkan sekarang sebagai NGO. Gambaran ini juga memberikan pengertian bahawa kita tidak memberikan satu pengiktirafan yang sewajarnya kepada NGO dan sekali sekali gus NGO ini kalau kita boleh golongkan ke dalam sektor yang kita namakan “sektor sukarela”.

Biasanya dalam negara kita dan hampir semua negara, kita hanya diperkenalkan dengan dua sektor sahaja iaitu sektor awam dan sektor swasta iaitu *public* dan *private*. Ini dua sahaja. Tanpa kita memberikan suatu pengiktirafan kepada satu sektor yang sangat penting dalam mana-mana masyarakat, mana-mana negara sekalipun iaitu sektor sukarela yang NGO adalah tergolong di dalam sektor sukarela itu di mana mereka ini memainkan peranan, bukan sahaja pemikiran mereka, masa mereka, malah kewangan yang mereka punyai untuk membantu kalangan masyarakat terutama sekali yang kurang bernasib baik.

Jadi, sudah tiba masanya saya mencadangkan kepada kerajaan dan kepada kita semua supaya kita mengiktiraf satu lagi sektor dalam masyarakat. Di samping wujudnya sektor awam, sektor swasta, kita mewujudkan apa yang kita namakan “sektor sukarela” ataupun *voluntary sector* ini, dengan izin. Sektor ini yang memberikan suatu gambaran bahawa sektor ini bukan satu sektor yang menghendaki satu ganjaran. Kalau sektor awam itu diberikan ganjaran, sektor swasta itu ada ganjarannya, sektor sukarela ini bukan mendapat ganjaran dalam pengertian yang sebenar tetapi kita memberikan peruntukan bantuan kepada mereka sebagai minyak pelincir dalam menggerakkan jentera yang mereka mampu buat dalam membantu membangunkan masyarakat dan negara ini. Dan peruntukan yang diberi pada tahun ini pada tahun 2000 ini sebanyak RM200,000 tidak menggambarkan pengiktirafan itu.

Jadi, sebab itu saya mencadangkan Tuan Pengerusi, dengan bukan sahaja peruntukannya perlu ditambah tetapi pengiktirafan yang sewajarnya perlu diberikan kepada sektor sukarela ini dan dengan demikian akan memberikan suatu galakan kepada mereka yang selama ini, kita mengharapkan NGO ini diurus dengan cekap oleh orang yang cekap, diuruskan dengan betul oleh orang yang jujur dan ikhlas. Kita mengharapkan juga bahawa bantuan yang diberikan itu memungkin mereka melaksanakan tugas mereka ini dengan sebaik-baiknya.

Jadi, ada dua perkara sebagai satu kesimpulan Tuan Pengerusi, bahawa peruntukan perlu ditambah dan pengiktirafan perlu dibuat oleh kerajaan kepada satu sektor yang sebelum ini kita tidak mengiktiraf iaitu “sektor sukarela”. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dari pihak kerajaan, kementerian diminta menjawab.

4.16 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai isu-isu dan juga perkara-perkara yang telah membabitkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Jadi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dan saya cuba menjawab bagi pihak kerajaan.

Yang Berhormat bagi Tambun.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta penjelasan. Perlu mendapatkan kebenaran daripada Timbalan Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, sebenarnya saya ingin tahu kenapa Hal Ehwal Wanita (HAWA) itu terletak dalam

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingat....

Puan Teresa Kok Suh Sim: kementerian ini dan bukannya Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, saya ingat biar Yang Berhormat memberikan kebenaran. Mungkin Yang Berhormat akan berucap menjawab perkara itu juga.

Seorang Ahli: Duduk dululah.

Dr. Tiki anak Lafe: Nak jawab. Nak soal ataupun saya jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, ini soalan yang asas kerana ia sepatutnya dalam Jabatan Perdana Menteri.

Dr. Tiki anak Lafe: Okay, saya akan sampai ke perkara itu nanti. Jadi, bagi pihak kementerian, kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli memang sedar dan juga berusaha bagi membangunkan Orang Asli melalui Jabatan Hal Ehwal Orang

Asli. Jadi, JHEOA telah melaksanakan program-program seperti Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) di mana masyarakat Orang Asli yang tinggal berselerak di pedalaman dikumpul dalam rancangan pembangunan yang tersusun.

Jadi, setakat ini ada 17 projek RPS yang telah dilaksanakan. Di samping itu juga, projek-projek insitu seperti ternakan, pertanian dan sebagainya telah disediakan. Kementerian juga untuk masa depan akan melaksanakan beberapa program pembangunan ala FELDA misalnya dan penyusunan semula kampung Orang Asli. Sebagai permulaan enam skim telah dikenal pasti iaitu tiga di negeri Pahang, satu di Johor, Kelantan dan juga Perak. Jadi, walaupun program-program pendidikan anak-anak Orang Asli telah diberi kepada Kementerian Pendidikan pada awal tahun 1996 tetapi kementerian saya melalui JHEOA telah memberikan kerjasama dalam menyediakan bantuan-bantuan kebajikan untuk pelajar-pelajar orang Asli seperti bayaran yuran sekolah, pengangkutan, uniform sekolah dan bantuan makanan, juga yuran peperiksaan. Jadi, kementerian adalah dalam usaha untuk melaksanakan satu projek yang baru adalah projek *Stay With The School*. Ini adalah satu di antara program ataupun projek yang akan dilaksanakan oleh JHEOA untuk menangani masalah keciciran di kalangan anak-anak Orang Asli.

Jadi, berhubungan dengan cadangan agar lebih ramai anak-anak Orang Asli diletak di bawah JHEOA, pihak kementerian memang berusaha agar lebih ramai lagi anak-anak Orang Asli diambil bertugas di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Setakat ini lebih kurang satu pertiga daripada 1,200 kakitangan di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah terdiri daripada orang Asli sendiri.

Jadi, Yang Berhormat bagi Tambun telah juga membawa beberapa perkara. Jadi mengenai dengan perkara-perkara mengenai kecenderungan akan rosak minuman arak dan beberapa isu lagi, jadi kerajaan memang sentiasa memberi perhatian yang berat mengenai usaha ke arah memupuk semangat toleransi di antara kaum. Jadi, sehubungan dengan itu pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sentiasa memantau isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan perhubungan kaum dan juga mengambil tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam....

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, saya....saya...sebenar.

Dr. Tiki anak Lafe: Ya.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sebenarnya isu yang saya bangkitkan bukan isu minum arak. Isu saya bangkit ialah perpaduan kaum dan ada masyarakat kita yang minum arak yang mana arak tidak boleh diminum oleh orang Islam. Jadi, isu sensitif macam ini saya nyatakan mesti diselesaikan, bukan isu saya isu minum arak. Isunya adalah isu perpaduan, itu adalah salah satu contoh yang saya berikan.

Dr. Tiki anak Lafe: Ya, Yang Berhormat. Jadi, memang perkara itu pihak kementerian sedar bahawa banyak masalah ataupun isu-isu yang sensitif yang mungkin dibangkitkan oleh rakyat kita semasa perayaan ataupun terutama sekali semasa pilihan raya. Jadi, memang kementerian sedar bahawa perkara ini kalau tidak ditangani memang akan menyebabkan perpaduan di negara kita ini jadi rosak. Jadi, pihak kementerian memang sedar mengenai perkara itu.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, jadi dalam Dasar Ekonomi Baru yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan adalah bermatlamatkan perpaduan negara. Ianya dilaksanakan bagi memastikan ekuiti negara diagihkan secara adil bagi mengelakkan tragedi perbalahan kaum berulang lagi. Jadi, dalam pada itu kita perlu ingat kepada social contract, dengan izin, di antara kaum yang dipersetujui semasa kita hendak mencapai kemerdekaan pada masa yang lalu.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga menyarankan supaya penubuhan pasukan sukarela iaitu supaya Akta Wanita dan Gadis iaitu pada....

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuaran bangun.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Penjelasan. Tadi Yang Berhormat nyatakan tentang social contract semasa kemerdekaan, bolehkah Yang Berhormat jelaskan apa itu social contract? Boleh jelaskankah? Terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Soalan ini pernah saya ditanya semasa persidangan akhbar di kementerian dan juga di satu sesi program di radio pada minggu yang lepas. Jadi, jawapan saya hanyalah mungkin kerajaan perlu mengadakan kursus-kursus khas untuk ketua-ketua ataupun Yang Berhormat-Yang Berhormat yang belum lagi tahu mengenai social contract ini. Itu yang saya cadangkan, saya tidak akan jawab dengan secara detail. Ada juga beberapa buku yang telah dipublished, dengan izin, mengenai penubuhan Malaysia dahulu. Jadi, di dalam buku itu kalau kita baca kita akan tahu

kenapa beberapa perkara yang berkaitan dengan banyak, dalam social contract ini lebih-lebih lagi di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang mungkin kalau kita baca buku ini kita akan tahu kenapa misalnya, Imigresen masih lagi di tangan kerajaan negeri, kenapa kawan-kawan kita dari Semenanjung ini terpaksa mengambil pas kerja untuk kerja di Sabah atau Sarawak. Itu banyak perkara dalam social contract itu.

Jadi, berbalik kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.....

Puan Chong Eng: Penjelasan, sebelum itu, sebelum masuk tajuk yang baru, penjelasan.

Dr. Tiki anak Lafe: Ya.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya memang faham ada dikatakan social contract, pada masa dan ketika itu mungkin kita perlu tetapi 30 tahun telah berlalu dan saya yakin ini bukan satu dasar yang akan diwujudkan selamanya tetapi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Arau juga, kita dapati bahawa ada kesan-kesan perhubungan di antara kaum khususnya di dalam universiti – di antara pelajar-pelajar yang berlainan kaum. Maka, saya cadangkan ialah mengadakan satu kajian, mungkin apa yang kita hendak telah menjadi walaupun membawa kesan yang baik tetapi juga terdapat kesan yang tidak baik. Maka, mungkin seperti yang dikatakan, saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat bagi East Malaysia sana yang katakan kita mungkin perlu ‘fine tune’ dasar supaya ia bersesuaian dengan keadaan sekarang ini. Maka, adakah kementerian akan mencadangkan satu kajian untuk menilaikan apakah kesan ini, kesan yang baik dan kesan yang mungkin negatif ini supaya kita dapat satu dasar - tidak boleh berjalan 50 tahun tidak berubah. Mungkin sekarang adalah masanya untuk mengkaji dan mungkin kita perlu sedikit perubahan. Terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Untuk jawapan kepada soalan itu, setakat ini setahu saya kementerian belum lagi bercadang ataupun belum ada cadangan untuk mengadakan satu kajian mengenai kesan-kesan Dasar Ekonomi Baru tetapi sekiranya ada masalah-masalah yang kita dapati di kalangan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi, itu adalah di bidang kawan kita Kementerian Pendidikan. Jadi, itulah pihak yang patut menjawab soalan itu.

Jadi, saya berbalik kepada saranan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga yang telah membangkitkan fasal Akta Wanita dan Gadis 1973 dipinda, ini telah kita ambil dan pindaan kepada akta-akta ini adalah di antara – ada tiga akta yang akan dipinda. Jadi, ini akan dibentangkan pada sesi Parlimen pada bulan Julai nanti. Jadi, kita tunggulah pada masa itu nanti ya. Jadi.....

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Dr. Tiki anak Lafe: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua bangun.

Dr. Tiki anak Lafe: Mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan dan juga Bukit Mertajam....

Puan Chong Eng: Ini mengenai soalan saya, maka saya harap saya diberi peluang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, mana satu hendak beri?

Dr. Tiki anak Lafe: Ha? Mana satu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Mertajam dahulu. *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: Okay, terima kasih. Bukankah yang dikatakan akta-akta yang telah dipinda ini telah dibentangkan di dalam Parlimen pada sesi yang sebelum pilihan raya dan ini ada terkandung di dalam The Child Bill. Adakah ini benar dan sefahaman saya The Child Bill yang dikatakan sudah pinda, terkandung juga Akta Perlindungan Wanita dan Gadis ini, sebenarnya tidak ada di dalam The Child Bill ini. Saya diberitahulah, saya tidak tahu adakah Yang Berhormat tahu, adakah pindaan kerana dikatakan tiga akta akan digabungkan dalam satu akta, The Child Bill tetapi yang pada fahaman saya Akta Perlindungan Gadis dan Wanita ini tidak ada di dalam The Child Bill ini, adakah Yang Berhormat boleh memberi satu gambaran yang lebih jelas?

Dr. Tiki anak Lafe: Okay. Akta-akta yang akan digabungkan iaitu, akta utama iaitu akta Mahkamah Juvana Tahun 1947, Akta Pelindungan Kanak-kanak-kanak Tahun 1991 dan Akta Pelindungan Wanita dan Gadis Tahun 1973.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Ini digabungkan dalam rang undang-undang kanak-kanak. Jadi, rang undang-undang ini akan dibentangkan seperti mana saya katakan tadi. Dalam rang undang-undang ini, kanak-kanak lelaki dan perempuan di bawah umur 18 tahun boleh diambil tindakan sekiranya terlibat dengan pelacuran ataupun terlibat dalam kegiatan maksiat. Jadi, Seksyen 16 seperti yang dimaksudkan telah dimansuhkan dalam peruntukan ini dan dikekalkan peruntukan di bawah Penal Code iaitu mengenai *statutory rape*, yang Yang Berhormat sebutkan tadi itu. Jadi, sekiranya peruntukan mengenai wanita dan gadis yang berusia 18 tahun masih dikekalkan, pindaan-pindaan yang sewajarnya dan disarankan oleh pertubuhan sukarela akan diambil kira sewajarnya.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga ...

Tuan Moktar bin Radin: Mohon penjelasan. Terima kasih, Yang Berhormat. Kita seharusnya sudah menyedari bahawa apa pun akta yang digubal oleh kerajaan ataupun kementerian ini tetapi hakikatnya tanpa ada pemantauan, tanpa ada kesungguhan daripada kita semua terutama sekali kementerian untuk melihat betapa gejala sosial yang melibatkan wanita-wanita terutama sekali dari luar bandar, dari masa ke semasa amat menyedihkan. Kadangkala kita bangun pagi-pagi, baca akhbar hampir setiap hari terpampang wanita remaja lari daripada rumah, lari daripada tempat kerja dan mereka ini dijebak pula oleh mereka yang tidak ada perikemanusiaan di dalam bandar ini dan telah mengeksploitasikan mereka yang lemah mental ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, apa yang hendak..., minta penjelasan.

Tuan Moktar bin Radin: Justeru, persoalan saya, minta kementerian ini supaya lebih mempertingkatkan peruntukan untuk memastikan dan memberi khidmat kaunseling kepada badan-badan NGO untuk bekerjasama memastikan martabat dan akhlak wanita negara kita Malaysia ini berada di tahap yang lebih tinggi, berwibawa, bermoral dan boleh berdikari dan seterusnya boleh menangani masalah-masalah yang boleh melibatkan mereka dijebak oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab [Disampuk] Pada saya kementerian ini sudah tiba masanya

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sudah cukuplah itu [Ketawa]

Tuan Moktar bin Radin: Belum lagi.

Tuan Pengerusi: Saya kata cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat bukan minta penjelasan, Yang Berhormat memberi cadangan. Timbalan Menteri, sila jawab, sila teruskan ya. Dia bukan minta penjelasan, dia memberi cadangan. [Ketawa]

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya yang telah memberi pandangan beliau mengenai masalah yang dihadapi oleh kaum wanita. Jadi, saya beralih pula kepada perkara yang telah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, mengenai perbezaan antara Butiran 070300 dan Butiran 020500.

Butiran 070300 adalah Bantuan Geran. Di bawah peruntukan Dasar Baru, yang diluluskan untuk pertubuhan kebajikan sukarela yang baru. Butiran 020500 adalah peruntukan geran kepada pertubuhan sukarela yang diluluskan pada 173 pertubuhan yang telah diluluskan geran sebelum ini. Jadi, peruntukan ini adalah untuk kategori ataupun jenis pertubuhan-pertubuhan seperti berikut:

- (i) pertubuhan kebangsaan;
- (ii) pertubuhan orang-orang kurang upaya;
- (iii) pertubuhan keluarga ataupun kanak-kanak;
- (iv) pertubuhan remaja; dan
- (v) pertubuhan warga tua.

Mengenai bagaimana geran dipertimbangkan kepada pertubuhan sukarela ini ataupun pertimbangan geran dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilaian Bantuan yang meneliti dan menentukan pertubuhan-pertubuhan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Jadi, di antara syarat-syaratnya adalah seperti berikut, pertama adalah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dan mereka telah mengadakan laporan kemajuan tahunan dikemukakan dan penyata kewangan yang beraudit telah dikemukakan berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan Tahun 1993. Bagi pertubuhan yang mengendalikan program yang berinstitusi ataupun pusat harian, geran yang diberikan digunakan sepenuhnya untuk faedah kumpulan sasaran. Jadi aktif dalam mengendalikan program ataupun aktiviti untuk kumpulan-kumpulan sasaran. Kajian semula untuk pertimbangan geran dibuat setiap tahun. Jadi, kementerian membuat kajian tiap-tiap tahun di *review*, dengan izin.

Puan Chong Eng: Penjelasan. Terima kasih. Bolehkah memberi penjelasan, berapa orang di dalam jawatankuasa yang meluluskan peruntukan dan siapakah mereka. Terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Di sini saya tidak dapat memberi jawapan pada masa ini, saya akan memberikan jawapan selepas ini. Okay.

Jadi, saya beralih kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Subang 'Jaya'. Pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedar bahawa geran untuk Rukun Tetangga (RT) telah pun dikurangkan sedikit pada tahun 2000. Namun demikian pada keseluruhannya peruntukan untuk bahagian RT, Jabatan Perpaduan Negara telah ditingkatkan kepada RM31.8 juta termasuk pertubuhan tambahan untuk pelaksanaan aktiviti RT, pembukaan kelas tadika perpaduan dan sebagainya. Selain daripada peruntukan tersebut, Jabatan Pendaftaran Negara juga mendapat peruntukan sebanyak RM20.67 juta di bawah pembiayaan Bank Dunia. Dan daripada sekretariat pintas dan ianya adalah mencukupi.

[Dua orang Ahli bangun]

Tuan Pengerusi: Ada dua orang Ahli Yang Berhormat bangun, yang mana hendak bagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Terima kasih *[Ketawa]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Yang mana?

Tuan Pengerusi: Bangun dulu ialah Bukit Mertajam, bagilah Bukit Mertajam dulu.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Rukun Tetangga ini, jawatankuasanya selalunya pemimpinnya dilantik daripada parti-parti politik Barisan Nasional dan ini telah mengagalkan tujuan Rukun Tetangga kerana sekiranya pemimpin-pemimpin ini bukan mereka yang boleh diterima oleh semua pihak termasuk mereka dari parti pembangkang maka ini hanya mewakili separuh sahaja penduduk tempatan. Dan, jangan kata ini tidak benar atau tidak wujud kerana kita boleh beri bukti bahawa nama-nama senarai mereka, pengerusi ataupun setiausaha, mereka ini semua kalau tidak semua pun kebanyakan daripada parti MCA ataupun UMNO atau GERAKAN. Saya berpendapat ini tidak baik atau tidak elok, ini tidak akan menjayakan tujuan Rukun Tetangga ini. Dan, saya harap pihak kementerian akan memberi perhatian supaya pemilihan pemimpin-pemimpin Rukun Tetangga ini jangan berdasarkan latar belakang politik parti. Terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam yang telah memberi maklumat baru kepada saya, oleh kerana setahu saya sejak saya telah menyandang jawatan Timbalan Menteri ini saya belum

lagi mendengar mengenai masalah ini, oleh kerana di kawasan saya di Sarawak, kita tidak pilih ketua ataupun AJK mengikut parti. Mungkin ada kawan saya di sini boleh memberi sokongan. Kita memilih seseorang itu berasaskan kecenderungan ataupun inisiatif sendiri untuk bertugas untuk masyarakat.

Jadi, sekiranya ada unit-unit Rukun Tetangga yang mempunyai ahli jawatankuasa yang terdiri daripada hanya ahli parti-parti Barisan Nasional itu saya belum pastilah....

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun lagi.

Tuan A. Bakar bin Haji Othman: [*Bangun*]

Dr. Tiki anak Lafe:kita akan mungkin - Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih,

Tuan Pengerusi: Beri Arau dahulu ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh kenyataan Yang Berhormat sebut tadi peruntukan mencukupi. Pada hakikat sebenarnya saya ingin sampaikan kepada Yang Berhormat yang saya tahulah Jabatan Perpaduan Negara di Perlis, selalunya kalau mengadakan apa-apa program terpaksa meminta bantuan, sokongan daripada orang-orang perseorangan, wakil-wakil rakyat dan sebagainya.

Bagi saya peruntukan sebenarnya tidak mencukupi, kalau boleh saya minta pihak kementerian dapat mengkaji keadaan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Peruntukan memang tidak mencukupi tetapi bagi pihak kementerian peruntukan yang diperuntukan untuk tahun 2000, sekiranya diguna dengan betul oleh mereka yang dipertanggungjawab untuk menggunakan wang peruntukan ini, saya kira ini adalah mencukupi.

Memang kita tahu walaupun berapa banyak peruntukan diberi oleh pihak kerajaan kepada kementerian ataupun pada sesuatu badan, misalnya Rukun Tetangga itu memang selalunya tidak mencukupilah. Itu juga daripada pengalaman saya, kita sering diminta untuk menolong dalam semua aktiviti yang dijalankan oleh Rukun Tetangga. Jadi, memang itu betul.

Tuan A. Bakar bin Haji Othman: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Jerlun.

Dr. Tiki anak Lafe: Dari Jerlun, okay.

Tuan A. Bakar bin Haji Othman: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri maklum bahawa terdapat beberapa bangunan Rukun Tetangga ini yang dibuat kelas-kelas tadika dan KEMAS. Saya dapati terdapat perkara-perkara ini berlaku di beberapa taman di Kubang Pasu dan juga di kawasan saya Jerlun.

Kemudian yang keduanya, sepatutnya Rukun Tetangga berperanan mencegah jenayah tetapi nampaknya jenayah terus meningkat. Apakah gejala-gejala yang seperti ini, langkah-langkah yang sepatutnya dibuat oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah ini daripada berterusan. Terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerlun. Memang kita tahu sekarang ada sampai 2,000 unit Rukun Tetangga di seluruh negara. Ada dua jenis iaitu sama ada pondok Rukun Tetangga sahaja dalam program ataupun cadangan yang baru ini pusat Rukun Tetangga akan ditubuhkan untuk merangkumi beberapa bangunan iaitu misalnya, dalam sistem yang baru, di dalam pusat Rukun Tetangga itu kita akan masukkan tempat untuk taska, tabika, untuk Jiran Wanita, Jiran Usia Emas dan juga Tunas Jiran. Jadi, pada masa ini hanya satu sahaja unit ataupun pusat yang akan didirikan sebagai pilot project, dengan izin.

Jadi, mengenai dengan masalah jenayah, suka saya nyatakan di sini masalah jenayah ini bukan tanggungjawab Rukun Tetangga sahaja tetapi adalah terpulang kepada kita semua untuk cuba menolong, bukan sahaja Rukun Tetangga, bukan sahaja polis untuk cuba menangani masalah jenayah. Oleh kerana kalau kita tahu di negara yang maju juga kita sering mendengar, melihat di televisyen mengenai jenayah-jenayah yang lebih hebat lagi. Jadi, masalah jenayah ini memang bukan sahaja masalah yang dapat diselesaikan oleh ataupun Rukun Tetangga. Jadi, ini adalah masalah kita semua.

Jadi, Yang Berhormat bagi Serdang telah menyoal mengenai tanah, adalah terletak di bawah bidang kuasa – ini mengenai tanah. Jadi, soal mengenai tanah adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedang berusaha dengan pihak kerajaan negeri termasuk Orang Asli di negeri Selangor, agar Orang Asli diberikan hak milik tanah. Usaha-usaha bagi meningkat taraf sosioekonomi sedang dirancang. Perkara ini

seperti soalan dan jawapan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun juga berhubung dengan keciciran pelajar Orang Asli.

Program Bersama Kementerian Pendidikan sedang diatur. Jadi, kementerian saya akan melaksanakan satu projek dipanggil 'Stay With the School' untuk pelajar-pelajar Orang Asli. Jadi, Kementerian Pendidikan telah menyediakan program penyediaan untuk pelajar-pelajar Orang Asli yang lemah dan mereka ini ditahan di darjah tiga dan ditekan mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Matematik. Ini bermakna pelajar-pelajar Orang Asli terpaksa mengalami tujuh peringkat sekolah rendah berbanding enam tahun bagi pelajar lain.

Berhubung dengan pembangunan Kampung Orang Asli di Sungai Rasau, tanah ini adalah tanah kerajaan negeri dan telah diberi kepada pihak swasta untuk dimajukan. Rundingan sedang dibuat oleh kementerian dan juga melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli agar masyarakat Orang Asli ini mendapat faedah daripada pembangunan yang sedang dirancang. Mereka antara lain disediakan rumah yang selesa untuk ditempatkan di situ berserta dengan kemudahan-kemudahan asas, peluang-peluang pekerjaan dan juga sekolah.

Jadi, pelan strategik Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah di antara lain untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Pelbagai program diadakan seperti program pembangunan tanah *in situ* seperti mana yang saya sebutkan tadi, projek jangka pendek seperti tanaman, sayuran, ternakan dan ikan, bantuan perniagaan, usahawan, latihan dan sebagainya.

Dari segi pencapaian penyediaan kemudahan asas, lebih kurang 30% kampung Orang Asli disediakan kemudahan api dan air, lebih 10,000 ketua isi rumah daripada 20,000 telah diberi kemudahan perumahan.

Mengenai pendidikan, saya sudah sebutkan tadi. Jadi Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar telah mengutarakan beberapa isu, jadi

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin minta penjelasan berkaitan dengan program yang telah dilancarkan oleh pihak kementerian untuk meningkatkan lagi sosio-ekonomi. Apa sebab di kawasan Orang Asli Sungai Rasau ini tidak dapat menikmati rancangan atau program yang telah dilancarkan, bolehkah pada masa yang akan datang boleh memberi program untuk kawasan Kampung Sungai Rasau ini supaya mereka akan dapat menikmati kemudahan yang lebih lagi untuk meningkatkan lagi sosio-ekonomi di situ?

Dr. Tiki Anak Lafe: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Serdang. Jadi, mengenai masalah Orang Asli di Sungai Rasau, bagi pihak kementerian saya memang berterima kasih dengan cadangan dan pandangan Ahli Yang Berhormat. Saya berharap pihak kementerian Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan membuat kajian yang lebih mendalam mengenai masalah ini dan juga sekiranya ada statistik ataupun butir-butir yang lebih terperinci, saya berharap pihak Yang Berhormat dapat bekerjasama dengan kementerian dan juga jabatan untuk cuba mendapat penyelesaian mengenai masalah-masalah di situ.

Bagi menjawab beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas cadangan-cadangan yang diberi, kementerian ini memang menyedari hakikat bahawa khidmat para kaunselor profesional sangat-sangat diperlukan. Jadi, lembaga kaunselor di bawah akta ini sedang dalam proses melantik ahli-ahli. Jadi, proses mendaftar kaunselor juga sedang dijalankan, di samping itu melalui program PINTAS, Urusetia PINTAS negara sedang melakukan beberapa projek untuk menangani masalah sosial di peringkat akar umbi.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Pengerusi, minta laluan sedikit. Macam mana Yang Berhormat kata, lembaga sedang memuktamadkan keahliannya, sedangkan sudah ada 30 mesyuarat lembaga buat untuk membincangkan tentang kes mengenai kaunselor-kaunselor itu?

Yang kedua, kalau Yang Berhormat boleh jelaskan, kita ada lebih kurang 100 orang kaunselor, bolehkah Yang Berhormat memberitau Dewan ini kaunselor jenis yang macam mana itu, 'career counsellor'kah, ataupun 'adolescent counsellor'kah ataupun 'marriage counsellor'kah, kebanyakan speciality mereka ini apa dia yang menjadi kaunselor dan kesalahan-kesalahan yang didapati yang mereka lakukan itu apakah bentuk-bentuk kesalahannya, kalau dapat Yang Berhormat dapat memberikan penjelasan.

Dr. Tiki Anak Lafe: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat dari Parit Buntar. Setakat ini saya tidak ada butir-butir yang terperinci atau detail mengenai kaunselor-kaunselor, tetapi setahu saya pernah dibincangkan semasa mesyuarat kementerian mengenai masalah kaunselor ini. Jadi, seperti mana yang saya katakan tadi, pihak kementerian masih lagi mengambil tindakan untuk mendaftar kaunselor-

kaunselor, dan apa jenis-jenisnya itu nanti akan dibincangkan semasa satu jawatankuasa ini ditubuhkan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga dan Ahli-ahli di sini, baru-baru ini kementerian juga telah melancarkan Institut Sosial Malaysia (ISM) di mana di antara satu dari bidang yang akan diajar di situ nanti adalah kaunseling. Jadi, apa jenis kaunseling, siapa yang layak menjadi kaunselor untuk kaum remaja, untuk kaum tua, itu terpelung kepada majlis ini nanti. Saya harap ...

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Pengerusi, terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi peluang kepada saya. Saya ingin minta laluan untuk bertanya kepada Yang Berhormat, adakah pihak kementerian sedar bahawa melalui HAWA, kita telah menubuhkan satu badan kaunseling bagi mereka yang bermasalah, terutamanya dalam soal rumah tangga dan ini telah ditubuhkan tiga tahun yang lalu dan peruntukan telah pun diberikan dan penubuhan dibuat di setiap negeri.

Kita tahu bahawa kaunselor-kaunselor ada juga kita dapat perkhidmatan daripada mereka yang terdiri dari guru-guru yang mana mereka mempunyai latihan dalam kaunseling. Saya ingin bertanya pihak kementerian, sejauh ini apakah pemantauan yang dibuat oleh pihak kementerian dan adakah pihak kementerian puas hati dengan perkhidmatan yang diberi oleh Pusat Kaunseling Wanita yang diwujudkan di setiap negeri yang telah kita tubuhkan sekian lama. Terima kasih.

Dr. Tiki Anak Lafe: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Seperti mana yang kita tahu, HAWA sekarang adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri, jadi wajarlah sekiranya soalan itu ataupun pandangan itu dimajukan kepada Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih.

Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar juga telah membawa beberapa syor iaitu sesuai dengan, tadi Ahli Yang Berhormat telah bertanya mengenai kaunselor-kaunselor, ini saya cuba sambung, jadi sesuai dengan penguatkuasaan Akta Kaunselor 1998, sebuah lembaga kaunselor yang dibentuk diwakili para kaunselor dan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang kaunseling, bertujuan di antara lain meningkat dan memperkembangkan kualiti dan kuantiti kaunseling di negara ini.

Jadi, sehubungan dengan itu, satu usaha bagi meningkatkan kualiti kaunseling sedang dijalankan seperti mana yang saya sebutkan tadi, jadi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan usaha sama Universiti Kebangsaan Malaysia telah berjaya

melatih 76 kaunselor yang terlatih. Usaha ini akan diteruskan demi kesejahteraan rakyat di negara ini sesuai peruntukan masyarakat penyayang.

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Ya, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkanlah supaya ...

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap, Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi, satu minit.

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap, nanti sekejap! Jikalau sekiranya hendak minta jalan, minta dia beri jalan dahulu, barulah bertanya apa pun.

Tuan Moktar bin Radin: Ya, dia sudah duduk ya. Sedikit sahaja, saya ingin mencadangkan memandangkan banyak Ahli Yang Berhormat yang terlena, jadi saya cadangkan kita tangguh sementara mesyuarat ini, banyak yang terlena, kiri kanan. Jadi, tidak dapat mengikuti perbahasan kita.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri ya. Sila teruskan ya.

Dr. Tiki anak Lafe: *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan, ya.

Tuan Pengerusi: Sila, sila teruskan Yang Berhormat, ya.

Dr. Tiki anak Lafe: Juga untuk menjawab beberapa isu lain yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar, bantuan kewangan yang diberikan adalah bantuan bulanan yang diberikan terutama kepada kanak-kanak bagi memastikan kesejahteraan hidup anak-anak tersebut. Penglibatan masyarakat dan NGO memang wujud selaras dengan konsep kebajikan tanggungjawab bersama. Penglibatan korporat dan NGO melalui Rumah-rumah Sistem Berkeluarga, Rumah Tunas Harapan yang ada seperti di Kuala Selangor, Kuala Pilah, Jasin, Melaka dan sebagainya.

Untuk menjawab beberapa isu yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Arau, Jabatan Kebajikan Masyarakat sudah mempunyai program sukarelawan bernama Briged Kebajikan Perdana. Tujuannya adalah untuk menggalakkan masyarakat melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela dan mewujudkan satu sumber yang boleh digemblengkan untuk berkhidmat dengan golongan yang berkeperluan sama ada di bawah jagaan kerajaan ataupun di bawah NGO.

Mengenai warga tua..... *[disampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Hendak bagi tak jalan? Okay.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi, Yang Berhormat berjanji untuk menjawab soalan saya iaitu kenapakah HAWA diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan bukannya Jabatan Perdana Menteri? Oleh kerana yang saya tahu, sepatutnya belanjawan, ia sebenarnya disediakan oleh setiap kementerian dan dibentangkan ke Kementerian Kewangan. Jadi, kenapakah HAWA ini diletakkan di kementerian Yang Berhormat dan bukannya terus dalam Jabatan Perdana Menteri sehingga soalan-soalan mengenai HAWA itu dan cadangan-cadangan itu tidak boleh dijawab.

Dr. Tiki anak Lafe: Tuan Pengerusi, jadi sekiranya kita lihat dulu memang HAWA di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi, saya pun tidak pasti tahun berapa HAWA telah diletakkan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Tetapi oleh kerana sekarang pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mempunyai tanggungjawab yang lebih iaitu di bidang perpaduan yang kita titikberatkan sekarang. Jadi, untuk meringankan lagi beban kepada pihak kementerian itu diletakkan sementara di Jabatan Perdana Menteri dan supaya HAWA juga akan mendapat perhatian yang lebih direct daripada Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Adakah Yang Berhormat tahu bahawa pada mulanya HAWA ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri? Kemudian diletakkan di dalam kementerian Yang Berhormat. Sekarang dikembalikan kepada Jabatan Perdana Menteri seolah-olah ini merupakan satu, “bola sepak disepak, ditendang situ, ditendang sini, di header satu” itulah masalah Yang Berhormat. Sebab itulah Yang Berhormat pun mempunyai masalah untuk menjawab [*Ketawa*] kerana patut diletakkan di Kementerian Belia dan Sukan. [*Ketawa*]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat nanti sekejap. Jawab yang ini dulu, Yang Berhormat. Sekejaplah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Jawab dulu.

Tuan Pengerusi: Ya. Yang Berhormat, saya rasa sama ada ya.

Dr. Tiki anak Lafe: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong kerana pandangan itu.

Tuan Pengerusi: Arau bangun, ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri. Saya beberapa kali mendengar pihak pembangkang menyebutkan soal HAWA ini. HAWA ini dijadikan isu politik. Sebenarnya kami pemimpin wanita, pejuang wanita, memang NGO di negara kita, setelah HAWA dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kita tidak puas hati. Dan wanita-wanita minta supaya HAWA ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri kerana kita hendak dapat perhatian daripada pihak kerajaan yang lebih. Saya harap, saya memberi penjelasan ini dari segi NGO dan juga Gerakan Wanita. Dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan memang tepat apa Yang Berhormat sebutkan tadi dan kita berterima kasih kepada kerajaan dan saya secara rasmi hendak menyebutkan di sini, kami wanita berterima kasih di atas pengiktirafan yang diberi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat. Jika sekiranya berkenaan dengan HAWA ini sudah cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Soalan saya tidak dijawab.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah. Yang Berhormat minta.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini masalah siapa? Kenapa dalam buku belanjawan itu masih dalam kementerian Yang Berhormat. Ini...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Seputeh cukuplah. Perkara HAWA ini cukuplah. Ya, sudah terlampau banyak sangat, cukup.

Puan Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila terus jawab di peringkat yang lain, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Dr. Tiki anak Lafe: Tuan Pengerusi....

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, jika diizinkan, ini.....

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat. Nanti dulu, nanti dia jawab dulu.

Dr. Tiki anak Lafe: Ada banyak lagi.

Puan Fong Po Kuan: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat,

Dr. Tiki anak Lafe: Mengenai apa?

Tuan Pengerusi: Dia bercakap berkenaan HAWA tadi, Yang Berhormat.

Dr. Tiki anak Lafe: Yang Berhormat

Puan Fong Po Kuan: Saya pun bertanya berkenaan HAWA, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Puan Fong Po Kuan: Ini sangat penting, ya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat

Puan Fong Po Kuan: Ini membetulkan kira-kira peruntukan, ya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Batu Gajah, cukuplah. Ya, Yang Berhormat.

Dr. Tiki anak Lafe: Tuan Pengerusi,.....

Tuan Pengerusi: sentuh benda lain pula, ya.

Dr. Tiki anak Lafe: Tuan Pengerusi, jadi saya mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada Ahli-ahli yang begitu minat mengenai HAWA ini, jadi sesiapa yang masih lagi ada kemusykilan soalan, saya berharap akan berjumpa Menteri yang bertanggungjawab mengenai HAWA dan bukan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat lagi, ya. Jadi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat. Sila, sila teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tiki anak Lafe: Jadi, beralih pula kepada warga tua. Warga tua yang tidak menerima pencen, ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Arau. Warga tua yang tidak menerima pencen yang berada dalam kategori miskin diberikan bantuan bulanan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pada kadar RM70 sebulan. Keadaan ini telah pun pada dasarnya dipersetujui untuk dinaikkan kepada RM100 sebulan. Pada masa ini terdapat 10,000 orang warga tua yang mendapat faedah daripada skim bantuan ini. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah menyediakan dasar warga tua negara pada tahun 1995 bagi merangka pelbagai program dan perkhidmatan yang sesuai demi kesejahteraan dan kebahagiaan warga tua di negara ini.

Salah satu program bagi tujuan ini ialah untuk menyediakan tempat tinggal bersendirian di rumah dan juga di kawasan-kawasan perumahan dalam komuniti sama ada dalam institusi ataupun dalam komuniti, ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya minta laluan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah linti Husin: Apa yang saya cadangkan tadi, supaya semua warga tua tidak ada perkataan miskin. Semua warga tua mungkin 60 tahun ke atas diberi bantuan. Itu yang saya cadangkan, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih atas cadangan itu. Pihak kementerian akan mengambil perhatian kepada perkara itu.

Jadi, beralih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang membangkit hal pemilikan tanah kepada Orang Asli. Jadi, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan memberikan jawapan kepada perkara ini secara bertulis. Pandangan mengenai Orang Asli tidak dilayan dengan baik oleh kerajaan adalah tidak benar. Kementerian saya melalui JHEOA berusaha dalam menjaga kebajikan, kemajuan dan pembangunan mereka melalui program-program sosio-ekonomi yang disediakan. Satu masalah yang dihadapi oleh kementerian atau Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam memajukan mereka ialah berhubung dengan perubahan minda ataupun sikap mereka. Usaha-usaha dijalankan bagi mengatasi masalah ini melalui program-program latihan, kursus, melawat sambil belajar dan pendidikan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, program-program ini akan dipergiatkan lagi.

2002-03-09

Yang Berhormat bagi Lumut juga telah mengambil bahagian dalam perbahasan.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya sudah cuba catat tadi tetapi saya tidak dapat catat pemilikan tanah mengikut negeri-negeri. Adakah Orang Asli ini mengikut negeri-negeri ada statistik-statistik, di Pahang ada berapa Orang Asli ada milik tanah,

di Perak dan mengikut negeri-negeri berapakah bilangan Orang Asli yang ada geran-geran tanah, kawasan mereka dan sebagainya.

Dr. Tiki anak Lafe: Ya, terima kasih. Seperti mana saya katakan tadi pihak Yang Berhormat akan mendapat jawapan secara bertulislah. Kalau saya sebut di sini banyak ini. Kalau hendak saya sebut boleh juga.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak apa, saya ingat tadi saya kena tulis di sini.

Dr. Tiki anak Lafe: Banyak lagi ini, ada point-point lagi ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: Jawapan bertulis okay.

Dr. Tiki anak Lafe : Okay, ya. Jadi saya pergi kepada masalah-masalah atau perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Lumut. Jadi kerajaan memang menghargai peranan NGO dalam membantu kerajaan memenuhi keperluan sosial rakyat yang berkeperluan. Jadi sokongan yang diberi diiktiraf dan diberikan bantuan geran dari kerajaan. Geran yang diberikan memang tidak dapat memenuhi keperluan kewangan sebenar. Dalam hal ini NGO digalakkan untuk mendapat sumbangan dari orang ramai. Secara tidak langsung ini menggalakkan masyarakat untuk sentiasa prihatin dan sedia menolong ke arah pengwujudan masyarakat penyayang. Jadi cadangan untuk mengarahkan kerajaan negeri menyediakan tanah untuk aktiviti institusi NGO sentiasa dirunding dengan kerajaan-kerajaan negeri. Jadi perkara ini memang dijalankan.

Saudara Yang Berhormat bagi Tuan juga telah mengambil bahagian dalam perbincangan. Dalam apa juga polisi yang dibuat oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kita sentiasa memberi perhatian yang berat mengenai sensitiviti masyarakat di Sabah dan juga di Sarawak. KPN memang peka dengan perayaan seperti Hari Gawai dan juga Pesta Keamatan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat daripada Sabah, pada tahun ini kita akan cuba membawa Gawai ke Kuala Lumpur pada bulan Jun. Jadi semua Yang Berhormat daripada ke dua-dua belah pihak pembangkang akan dijemput secara rasmi untuk hadir dalam Gawai itu. Oleh kerana saya adalah Pengerusi Jawatankuasa Hari Gawai pada tahun ini di pihak kementerian, saya berharap semua akan dapat datang. Pada tahun depan, tahun 2001 kita akan bawa Keamatan. Siapa yang ingin mengambil bahagian dalam Perayaan Keamatan kita sudi menjemput untuk datang.

Untuk menjawab perkara atau soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah, untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Hal Ehwal Wanita ditimbulkan lagi. Ini saya tidak akan jawab, saya serahkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat bagi Dungun telah membangkitkan peruntukan bantuan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan...

Puan Fong Po Kuan: Saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Apa yang telah saya bangkitkan tadi yang baru sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa HAWA Yang Berhormat tidak akan memberi penjelasan lagi. Tetapi ini amat penting sebab peruntukan ini adalah di bawah kementerian. Jika ini tidak diperbetulkan, keseluruhan akaun tidak betul untuk peruntukan pembangunan, untuk peruntukan mengurus. Kalau telah wujud kesilapan, mengaku sahaja. Saya pun silap saya mengaku. Mengapa tidak kita betulkan kesalahan ini, kita tangguhkan mesyuarat. Ini bagaimana? Apakah prosedur, adakah ia sah jika nanti kita luluskan jumlah ini di mana telah wujud kesilapan di dalamnya.

Jadi kita hanya hendak membetulkan satu yang salah kami sedia bagi kerjasama. Ini akan affect, dengan izin, the whole account of the kementerian and Jabatan Perdana Menteri. Ini bukan isu kecil. Ini jumlah peruntukan yang besar. It will affect the future of belanjawan, budget also, dengan izin Tuan Pengerusi, sebab akan menunjukkan kementerian telah menggunakan nilai yang besar.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat. Dia sudah faham.

Dr. Tiki anak Lafe: Yang Berhormat, saya tadi belum lagi jawab dengan jelas. Ini peruntukan untuk kementerian KPNPM kurangkan peruntukan untuk HAWA. HAWA itu kalau kita kira kita sudah minus, dengan izin, jumlah yang telah diperuntukan untuk HAWA. Oleh kerana budget ini telah di...

Puan Fong Po Kuan: Saya tidak jelas bagaimana boleh minus dari jumlah tersebut?

Dr. Tiki anak Lafe: Oleh kerana budget ini dibuat sebelum

Puan Fong Po Kuan: Ini budget yang baru, 2000, ini Belanjawan Persekutuan 2000.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tidak boleh macam itu, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Maaf ,Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Seorang kena duduk, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Saya bukan hendak cuba kurang sopan. Saya hanya hendak..

Tuan Pengerusi: Hendak bagi jalan kepada dia atau tidak?

Dr. Tiki anak Lafe: Tidak bagi jalan.

Tuan Pengerusi: Dia tidak bagi jalan.

Dr. Tiki anak Lafe: Sudah jelas, saya sudah bagi tahu. Jadi kita teruskan.

Yang Berhormat bagi Dungun, bantuan untuk sektor sukarela NGO, Kebajikan telah dipertingkatkan daripada tahun ke tahun. Jadi bagi tahun 1999 peruntukan untuk geran NGO adalah RM18, 445,750. Bagi tahun 2000 peruntukan sebenarnya adalah RM18,686,000. Jadi belanja mengurus adalah sebanyak RM15,300,000. Di bawah Dasar Baru adalah RM3,386,000.

Jadi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, itu sahaja yang saya dapat sebutkan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Fong Po Kuan: Saya minta penjelasan saya punya

Tuan Pengerusi: Kita sudah habis, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan:kebajikan berapa subsidi diberi tidak dijawab.

Tuan Pengerusi: Ya, ya, ya. Dia tidak beri jalan.

Puan Fong Po Kuan: Saya tertunggu-tunggu, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM239,226,100 bagi Maksud B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sejumlah RM239,226,100 bagi Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM120,132,230 bagi Maksud P.42 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM120,132,230 bagi Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

B. 43 [Jadual] -

P. 43 [Anggaran Pembangunan 2000] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terbuka untuk dibahas. Serdang.

5.20 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, maksud B.43 butiran 030000 – Ukur Tanah. Saya bangkitkan satu perkara yang melibatkan dengan bilangan penduduk 1.8 juta di kampung-kampung baru.

Tuan Pengerusi, rumah kediaman di kampung-kampung baru telah diberi geran pada 30 tahun dahulu, tanah pajakan ini dekat habis tempohnya. Tetapi semasa kelulusan dari kerajaan negeri untuk bagi geran kepada penduduk di kampung-kampung baru pada 30 tahun dahulu, bayaran premium dan bayaran ukur dibayar dan dijelaskan oleh penduduk, tetapi saya difahamkan sebanyak 50% rumah kediaman di kampung-kampung baru masih belum diukur. Oleh itu qualified title, dengan izin atau geran sementara ada dikeluarkan oleh pejabat tanah kepada penduduk-penduduk kampung tanpa ukur.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, perkara ini bukannya perkara berkenaan dengan kuasa negeri untuk mengeluarkan geran dan mengukur dan sebagainya.

Dato' Yap Pian Hon: Ini kaitan dengan ukur sempadan rumah, sebab Jabatan Ukur ada kaitan dengan sempadan rumah kediaman itu.

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi kuasa nak memberi geran dan hendak mengukur itu ialah di bawah Exco yang bagi geran meluluskan tiap-tiap geran itu. Kahu ditanyakan di sini, di sini akan jawab di kawasan negeri.

Dato' Yap Pian Hon: Ya, betul, Tuan Pengerusi tetapi saya akan sebutkan Jabatan Ukur yang di bawah kementerian, saya dapati bahawa Jabatan Ukur masih belum menjalankan tugasnya supaya rumah-rumah kediaman di dalam kampung baru dapat diukur supaya final title akan dapat dikeluarkan.

Tuan Pengerusi, oleh kerana tanpa ukur dengan tepatnya maka pergaduhan atau pertikaian sentiasa berlaku antara jirannya kerana tidak tentukan sempadan. Oleh kerana Jabatan Ukur tidak ukur sempadan itu maka sempadan itu jadi soal, jadi tanda soal yang dijadikan satu pergaduhan antara satu sama lain. Maka itu saya minta apa sebabnya lambat Jabatan Ukur untuk menjalankan tugas supaya ukuran ke atas semua sempadan-sempadan atau penanda batu dapat disediakan di setiap rumah kediaman di kampung-kampung baru.

Tuan Pengerusi, ini soal pentingnya, dengan tanpa ukuran ini maka tidak boleh keluar final title dan juga tanpa ukuran daripada Jabatan Ukur maka setiap masalah yang timbul tidak boleh dikemukakan ke mahkamah untuk ditentukan. Ini satu masalah yang sedang dihadapi oleh penduduk kampung-kampung baru pada waktu ini. Saya mintalah pihak kementerian untuk mempercepatkan supaya Jabatan Ukur teruskan untuk mengukur setiap rumah kediaman yang telah dibayar bayaran ukur itu.

Juga satu perkara lagi, kalau sudah ukur rumah kediaman itu terdapat sesetengah rumah kediaman saiz rumah dia telah ubah. Pada asalnya rumah kediaman itu hanya 50' x 80' di kampung-kampung baru tetapi selepas diukur oleh Jabatan Ukur yang pelan ukur yang dikeluarkan memang berbeza dengan apa yang asalnya, mungkin dijadikan 30' x 80', jadi dengan demikian itu mereka tidak boleh membina rumah semula di bawah building by law. Ini satu masalah juga macam mana untuk membetulkan supaya ukuran rumah kediaman yang asal itu dapat dibetulkan semula. Ini satu masalah yang sedang dihadapi oleh sesetengah penduduk di kampung-kampung baru.

Tuan Pengerusi, oleh kerana saya salah seorang juga dapat geran itu sangat lambat, saya baru dapat dua tahun sahaja dapat rumah daripada ukuran Jabatan Ukur, jadi oleh kerana itu....

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Pengerusi, saya nak minta penjelasan daripada jiran saya ini.

[Beberapa orang Ahli ketawa]

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Adakah beliau sedar bahawa juruukur yang berdaftar dengan persatuan juruukur ini berkurangan sekarang ini. Adakah sebab itu yang mungkin memperlambatkan pengukuran kampung-kampung baru terutamanya kawasan Yang Berhormat sendiri yang duduk di kampung baru itu.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih, ini akan dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri [Ketawa]. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya seorang daripada kampung baru sebab saya rasa masalah ini memang penting dan rumit untuk dihadapi oleh rakyat di situ, maka kerjasama daripada Jabatan Ukur supaya cepat untuk menjalankan ukuran itu maka saya rasa masalah geran, masalah sempadan tidak akan timbul lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, panjangkah? Jikalau tak panjang, saya akan...

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Lapan minit sahaja, Tuan Pengerusi, boleh sampai 5.38 petang.

Tuan Pengerusi: Jika boleh kalau sekiranya lima minit, Yang Berhormat.

5.25 ptg.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Saya ingin menyentuh FELDA, Tuan Pengerusi. Saya dapati bahawa menurut prestasi tahun 1998 'FELCRA' mempunyai 673 ribu hektar tanah dalam bentuk tanaman kelapa sawit dan terdapat pengeluaran hasil kelapa sawit yang merosot sebanyak 20% kepada RM2.2 bilion. Keuntungan besar yang diperolehi pada tahun tersebut adalah hasil daripada harga yang tinggi. Jadi saya ingin penjelasan mengenai dengan perkara ini.

Kedua, mengenai dengan purata pengeluaran akibat daripada tadi bahawa purata pengeluaran telah merosot kepada 14.85 tan berbanding dengan 18.75 tan sehektar. Pada faham saya juga, Tuan Pengerusi, bahawa pengeluaran ini walaupun 18.78 tan adalah jauh lebih rendah daripada standard industry yang biasa lebih daripada 20 tan, ada yang sampai 27-28 tan. Jadi ini berkaitan dengan isu produktiviti FELDA, adakah FELDA membandingkan dengan industry standard. Jikalau ada gap apakah yang dilakukan oleh FELDA untuk mengatasi masalah tersebut.

Ketiga, mengenai dengan proses vertical integration yang dilakukan oleh FELDA, saya dapati kurang berjaya. Dasar itu betul supaya FELDA menguasai industri kelapa sawit kerana pengeluaran FELDA dari segi hektar adalah 25% daripada keseluruhan hektar di negara kita. Saya dapati bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu sebanyak RM579 juta, pinjaman kepada syarikat kumpulan

FELDA ialah RM310 juta, keseluruhannya RM889 juta tetapi keuntungan bersih yang diperolehi RM407 ribu, bermakna anak-anak syarikat ini belum menghasilkan pendapatan ataupun produktiviti yang cukup rendah iaitu RM407 ribu daripada RM889 juta yang dilabur serta pinjaman. Saya faham sekiranya FELDA terlampau bergantung daripada kelapa sawit dan tidak melakukan vertical integration ini dalam bentuk anak-anak syarikat yang terlibat dalam bidang tersebut, pada masa akan datang dengan persaingan serta harga kelapa sawit yang turun akan menyusahkan FELDA nanti. Di samping itu saya harap dapat melihat FELDA melakukan global expansion, saya dapati FELDA tidak terlibat di Indonesia dan negara-negara lain, tidak seperti syarikat-syarikat lain.

Keempat, saya ingin bertanya mengenai soal getah ini. Getah ada 161 hektar, kalau kita lihat dari segi pulangan kepada peneroka berbanding kelapa sawit 1998, kelapa sawit sebanyak 1.8 ribu secara purata bagi seorang peneroka. Kalau getah hanya RM763 bermakna begitu rendah. Saya dapati bahawa banyak syarikat-syarikat sudah menutup penanaman getah dan digantikan dengan kelapa sawit. Adakah ini akan turut dilaksanakan oleh FELDA ke atas getah ini.

Kedua, koperasi, ada masa lagi Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya, ya

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya sikit lagi, Tuan Pengerusi, tiga minit, boleh ya saya teruskan. Kita ada lima belas minit yang grace period tu

Tuan Pengerusi: Ya, ya boleh. Saya sambungkan mesyuarat di bawah peraturan 12 sehingga 15 minit lagi.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tiga minit lagi.

Saya ingin menyentuh mengenai dengan koperasi. Saya dapati bahawa koperasi sebenarnya mempunyai peranan besar dalam pembangunan ekonomi tetapi telah disalah erti dan disalah guna oleh mereka yang menjadi proponer ataupun 'prop' mereka yang membuka koperasi. Saya dapati daripada bilangan koperasi lebih kurang 90% tidak berjaya. Koperasi sepatutnya mewujudkan sistem kerjasama dalam semua bidang, kalau dari segi pertanian, untuk pembelian, kelengkapan baja untuk penjualan, kalau dalam bidang retail pembelian barangan untuk kegunaan ahli-ahli dan juga dalam bidang kewangan dan sebagainya. Tetapi ini hanya berlaku kepada sebahagian kecil daripada koperasi di negara kita manakala yang lain

sebenarnya tidak menggunakan konsep itu. Individu menggunakan koperasi seolah-olah sebagai syarikat korporat, menubuhkan koperasi atas tujuan untuk mendapatkan aset dalam bentuk hartanah, saham dan sebagainya

Dengan itu konsep koperasi sebenarnya tidak diperluaskan. Saya berpendapat bahawa konsep koperasi ini perlu digunakan betul-betul terutama dalam keadaan ekonomi negara kita. Kita dapati ada individu yang di bawah kedudukan sosio-ekonomi yang rendah. Koperasi ini begitu baik dari segi katalah untuk consumer boleh membuat pembelian yang dengan harga murah, kemudian boleh dibeli oleh ahli-ahli dalam bidang pertanian tentunya begitu dapat membantu dari segi pinjaman kewangan dan sebagainya.

Oleh yang demikian saya berharap Jabatan Koperasi akan mengambil beberapa perhatian. Pertama sekali, mana-mana koperasi yang telah menyalahgunakan sistem atau konsep koperasi ini harus ditutup, diketepikan dan tidak disambung pendaftaran. Kedua, dari segi pemprosesan permohonan mesti ketat. Kertas kerja yang lengkap mesti dikemukakan dan kemudian pihak Jabatan Koperasi mesti memantau, kalau terdapat koperasi yang keluar daripada konsep dan prinsip sebenarnya tidak harus dibiarkan untuk berterusan.

Ketiga, saya faham bahawa Jabatan Koperasi ada memberi latihan-latihan, jikalau sistem koperasi ini tidak boleh menjadi satu sistem yang penting dalam ekonomi negara kita, kita perlu mempunyai institusi-institusi latihan yang lengkap. Saya dapati di negara-negara maju yang menggunakan konsep koperasi yang berjaya mereka mempunyai institusi latihan untuk koperasi dalam jangka waktu panjang, sekurang-kurangnya kursus selama sembilan bulan, kemudian balik, ada pula kursus dalam bentuk PJJ dan kemudian datang balik. Mereka mempunyai players dalam bidang koperasi ini yang betul-betul pakar dalam bidang itu dan mereka yang mempunyai kepakaran inilah yang dapat mewujudkan sistem yang lebih efisien lagi dan sistem yang efisien ini yang perlu diwujudkan dalam koperasi di negara ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, akhirnya dari segi koperasi ini saya berharap Jabatan Koperasi akan memberi pandangan dan perhatian untuk melihat memperluaskan konsep koperasi di dalam negara kita sebagai alternatif kepada sistem korporat dan pelbagai sistem yang ada di negara kita. Saya percaya dengan sistem yang betul koperasi dapat memainkan peranan yang penting dan dapat membantu terutama mereka yang berada pada kedudukan susut ekonomi yang rendah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

5.30 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, halaman 442, FELDA. 12 Butiran di dalam FELDA ini.

Tuan Pengerusi, yang pertama saya hendak bangkitkan masalah dadah di kawasan-kawasan FELDA. Sekarang masalah dadah di negara ini semakin hari.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berucap berkenaan dengan dadah?

Dr. Tan Seng Giaw: Dadah di FELDA kerana FELDA sudah pun.....

Tuan Pengerusi: Dadah itu di bawah kementerian lain, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada berkaitan kerana ada sesetengah tempat di FELDA ada menjadi sarang dadah. Sarang untuk.....

Tuan Pengerusi: Tetapi tidak bersangkutan dengan peruntukan yang di depan kita, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang Tuan Pengerusi, mengenai banyaklah seperti kemudahan pengurusan, saya akan cakap dengan pengurusan, pembangunan utama dan kemudahan sosial. Memang masuk di dalam Tuan Pengerusi, kalau tidak masuk ada masalah, masalah pengurusan tidak cekap, masalah 'berminyak biar licin'. Dia memang masalah macam itu sebab Tuan Pengerusi, saya sebagai ahli anggota PEMADAM, saya ada dapat maklumat-maklumat yang tertentu bukan sahaja masalah di bandar raya kita bahkan juga di FELDA kerana pihak pengedar dadah ini dia tidak kiralah batasan, dia pergi ke FELDA dan walaupun Tuan Pengerusi, masih lagi tidak tahu kemudahan sosial di dalam FELDA ini ada kena mengena dengan dadah juga sekarang. Patut dia tulis di sinilah dadah juga sehingga Tuan Pengerusi pun tidak ada syak wasangkalah.

Tuan Pengerusi, mengenai pengurusan sebab pada masa ini kita pun semua tidak begitu senang dengan perbincangan dadah di FELDA. Walau bagaimanapun pengurusan. Tuan Pengerusi, saya diberitahu bahawa pengurusan di FELDA ini memang boleh disifatkan tidak begitu sempurna. Kadangkala syarikat-syarikat yang masuk untuk tender dan sebagainya, tidak ikut kriteria-kriteria yang ditetapkan. Pembekal-pembekal bahan-bahan dan barang-barang borong, runcit dan sebagainya ada aduan mengenai ada monopoli, ada yang tidak ikut jalan yang tertentu, yang ikut pintu belakang dan sebagainya. Saya berharap Yang Berhormat dapat mengambil

perhatian mengenai kelemahan-kelemahan yang wujud, masalah yang wujud di pengurusan FELDA kita dan bukan sahaja FELDA, RISDA pun begitu juga.

Walaupun pihak kerajaan dari masa ke semasa ada menunjukkan begitu berjayanya FELDA kepada pelawat-pelawat daripada luar negara tetapi itu daripada segi teori pada peringkat pelaksanaannya memang wujud banyak kelemahan termasuk Tuan Pengerusi, masalahnya sekarang orang-orang muda, anak beranak mereka tidak berminat lagi di dalam skim FELDA. Itu masalah memang timbul terutamanya kebanyakan itu ada tanaman getah banyak di dalam FELDA, bukan sahaja kelapa sawit ada getah juga dan anak beranak tidak begitu berminat sehingga mereka mesti mengupah orang-orang asing, pendatang-pendatang untuk bekerja di skim-skim mereka ini.

Memang pada objektif asalnya ialah untuk mereka ini sebagai peneroka yang boleh mengerjakan tanah sendiri tetapi sekarang kerana anak beranak tidak berminat, yang berhijrah ke pusat-pusat bandar kemudian mereka terpaksa mengupah orang lain. Adakah ini melanggari matlamat FELDA asalnya. Ini memang satu perkara yang penting dan saya berharap Yang Berhormat dapat memberi jawapan yang tepat jangan untuk jawapan seronok didengar sahaja tetapi jawapannya benar-benar membayangkan keadaan yang sebenar dan usaha untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan. Saya sedar Tuan Pengerusi, walaupun saya bangkitkan perkara-perkara ini tetapi tindakan yang bakal diambil oleh pihak FELDA tidak akan cukup dan kita mesti bangkitkan semula dari masa ke semasa.

Halaman 434 Tuan Pengerusi, Pemetaan. Pemetaan ini Tuan Pengerusi, saya ada pernah bangkit di sini mengenai keberkesanan Jabatan Pemetaan di negara ini. Kita hendak galakkan pelancong dan pelancong mesti hendak peta-peta yang terkini yang boleh membayangkan keadaan di negara ini. Misalnya, jalan raya, jalan-jalan di tempat-tempat seperti di Taman Negara, kita mesti adakan jalan di dalam peta itu dengan tepat dan walaupun kita gunakan komputer dan bukan sahaja kita gunakan komputer ada juga pusat pemetaan berkomputer dan tahun ini diminta peruntukan RM7.6 juta untuk pusat pemetaan berkomputer ini. Dengan sedemikian saya berharap Jabatan Pemetaan dapat mengemaskinikan semua peta di negara ini supaya pihak pelancong, pihak orang lain termasuk saya hendak mendapat peta yang terbaik, yang terkini kita boleh dapati peta-peta seumpama ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu di dalam pemetaan kita ini ada istilah-istilah yang lama, nama-nama yang lama. Misalnya Kota Bharu, saya ingat Kota Bharu itu tidak ikut ejaan baku itu, Kota Bharu ia ikut ejaan lama. Begitu juga bagi Johor Bahru ia ikut ejaan lama dan seterusnya bagi istilah-istilah yang lain termasuk Pokok Senalah ikut yang lama, bukan yang baru. Kalau yang baru itu angkana itu bukan sena. Sena itu hampir dengan senak. Di sinilah saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji dan memberi jawapan apakah sistem yang digunakan sekarang untuk istilah.....

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat meraba-raba.

Dr. Tan Seng Giaw: Meraba-raba pulak. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ada harassment pulak tu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak harassment.... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup, terima kasih. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Saya ingat tadi tidak ada orang yang bangun Yang Berhormat, sekarang ini sudah ramai yang bangun. Kita hendak kena sambung besoklah ya. Ahli-ahli Yang Berhormat.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya sambunglah.

Tuan Pengerusi: Besok sambung ya.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.

LAMPIRAN

Februari 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amr Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)

- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed, S.S.S.A., D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Gan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)

- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Bes ut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)

- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)

- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S.,
A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)

Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

“ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)

“ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)

“ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)

“ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)

“ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

“ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

“ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)

“ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia

“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan
Alias bin Md. Nor

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2000

Jawatankuasa:**Jadual –**

Maksud B. 35 hingga B.41

(Halaman 23)

Maksud B. 42

(Halaman 68)

Maksud B.43

(Halaman 125)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2000

Jawatankuasa:

Maksud P. 35, P.36, P.37, P.39 dan P.40

(Halaman 23)

Maksud P. 42

(Halaman 68)

Maksud P. 43

(Halaman 125)